ORANG MELAYU DENGAN CABARAN MASAKINI

PA PUSTAKA ANTARA
$ 680

ABDULLAH TAHIR
JPM, UNIVERSITI MALAYA

60
BD

MEMORIAL TUN ABDUL RAZAK,
PERPUSTAKAAN
PTR
27/12/84
MALAYSIA.

$6.80

ORANG MELAYU DENGAN

CABARAN MASAKINI

HJ. ABDULLAH TAHIR

Access No: 4442 36/85
Class. No: 572.9595 ABD
L. Pendana

08.08

CETAKAN PERTAMA 1984

(c) Abdullah Tahir

Semua hakcipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula dalam sebarang cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk atau cara, baik dengan cara elektronik mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebagainya tanpa izin terlebih dahulu dari penerbitnya.

Rekabentuk kulit dan layout:

PRINTERS & TYPESETTERS SDN. BHD.

Diterbit oleh:

PUSTAKA ILMU RAYA SDN. BHD.
KUALA LUMPUR.

Dicetak oleh:

Loyal Press Sdn. Bhd.,
273 & 275, Jalan Perkasa Satu,
Taman Maluri, Cheras,
Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

1. MENOLEH KE BELAKANG SESUDAH 26 TAHUN MALAYSIA MERDEKA..... 1
2. KONSEP NASIONALISME SESUDAH MENGHALAU PENJAJAH..... 10
3. DALAM UMNO AWAK ORANG SIAPA?..... 16
4. BENARKAN ADA AHLI POLITIK BER-CORAK KOMERSIAL?..... 22
5. KENAPA DEB PATUT BERTERUSAN SELEPAS 1990?..... 27
6. BILA KASSIM AHMAD PUJI DASAR MAHATHIR..... 33
7. NAK BANTU PENIAGA MELAYU PUN TUNGGU AMARAN DULU..... 39
8. KRITIK KERAJAAN: CERDIK PANDAI TEORI HANYA BERPELUANG MENGKRITIK..... 45
9. ANTARA ULAMAK POLITIK DENGAN ULAMAK KERANA ALLAH..... 51
10. MCA—GERAKAN: BERSATU ATAU BEKERJASAMA? 56
11. AMARAN MIKAIL KAPITSA: ANCAMAN YANG TIDAK BOLEH DIPANDANG REMEH..... 64
12. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN ATAU KEMENTERIAN HIBURAN?..... 69

13. USAHAWAN BUMIPUTRA DAN PELUANG MENYERTAI INDUSTRI PERKILANGAN..... 76
14. BUDGET '84: IT'S ONLY A PINCH..... 83
15. PENULIS, TANGGUNGJAWAB DAN BATAS KEBEBASAN..... 89
16. PERANAN AKHBAR: THE FOURTH ESTATE YANG BERKUASA..... 96
17. MASS MEDIA: KENAPA SEMBUNYI TANGAN SETELAH MEMBALING BATU?..... 101
18. KRISIS SNAP: JANGAN PERKECIL KEBOLEHAN ORANG DAYAK..... 106
19. ROMBAKAN KABINET: MEMANG TAK BANYAK MASA..... 112
20. BAGAIMANA INDUSTRI KAMPUNG NAK MAJU?..... 118
21. PERUMAHAN: RUMAH OH RUMAH, DI MANA KAU?..... 124
22. BETULKAH INTELEK KITA BERDAGANG DI TANAH AIR SENDIRI..... 130
23. APA UNTUNGNYA BANK ISLAM?..... 135
24. BIASISWA DAN MUTU PENCAPAIAN PELAJARAN ANAK-ANAK MELAYU..... 140
25. KBSR: KENAPA PENERBIT BESAR IRIHATI? 145
26. ADA ORANG TAK SENANG DENGAN KBSR..... 153

27. PEMBOCORAN SOALAN STPM: JENAYAH YANG TERKUTUK..... 158
28. VIDEO I: MENGGUGAT RTM DAN PAWAGAM..... 165
29. VIDEO II: MEMBAWA MAKSIAT KE DALAM RUMAH..... 171
30. MENJUAL RTM KEPADA SWASTA..... 175
31. APA BENAR FILEM MELAYU MENGHADAPI KRISIS?..... 180
32. INDUSTRI FILEM MELAYU MASIH DI TAKUK LAMA..... 187
33. DASAR PERTANIAN NEGARA: IMBANGAN ANTARA KEMAJUAN DAN INDUSTRI..... 194
34. 'KUKENAL' MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI NELAYAN..... 200

CATATAN KECIL DARI PENGARANG

Saya telah berusaha menyiapkan buku yang diberi jodol ORANG MELAYU DENGAN CABARAN MASAKINI dalam masa lapan bulan. Ini bermakna segala sesuatu yang dibincangkan dalam buku ini meliputi isu-isu semasa di-Malaysia yang agak hangat diperkatakan terutama dalam majalah dan akhbar-akhbar tempatan. Namun begitu beberapa isu yang agak sensitif tidak saya bicarakan mengingatkan ia tidak akan memberi manfaat kepada pembaca, alasan lain ia boleh menimbulkan kesan buruk di samping risikonya terlalu tinggi kepada saya sebagai seorang akademisian.

Isu-isu pokok yang dibicarakan dalam keseluruhan buku ini meliputi aspek-aspek politik, sosial, ekonomi, pendidikan, kebudayaan dan kesenian. Kesemua 34 bab buku ini sebahagian besar menyentuh sekitar kegiatan orang-orang Melayu yang sedang berdepan dengan berbagai-bagai cabaran. Sementara bab-bab mengenai kerjasama MCA - GERAKAN dan JANGAN PERKECIL KEBOLEHAN ORANG DAYAK meskipun bersangkut dengan politik bangsa Cina dan Dayak, tetapi pada perspektif sebenar ia mempunyai kaitan secara langsung dengan politik Barisan Nasional yang parti UMNO sebagai induknya.

Suatu hal yang patut disebutkan dalam catatan kecil ini ialah tentang sikap dan pandangan serta pendekatan yang saya pakai. Sedaya mungkin saya cuba berlaku adil dan tidak bersikap bias dalam analisis saya, terutama bab-bab mengenai politik. Saya cuba membebaskan diri dari pengaruh mana-mana parti politik, tetapi lebih bersikap "Malay Centeric"; apabila melihat kegiatan hidup orang-orang Melayu. Saya langsung memuji yang baik dan mengkritik atau menegur mana-mana yang saya anggap negatif. Tidak ada niat saya hendak mendewa-dewakan mana-mana pihak. Begitu juga dari segi pendekatan, saya sengaja tidak menjadikan tulisan ini sebagai kajian akademik, tetapi lebih dipermudahkan. Ini terjadi kerana hasrat saya buku ini akan dapat dihayati oleh orang biasa atau "lay man" yang pada hemat saya perlu dipertajamkan fikiran mereka, di samping mengajak mereka sama-sama menghayati arus kegiatan dan perjuangan bangsa Melayu dewasa ini.

-ABDULLAH TAHIR-
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
1hb. April 1984.

1

MENOLEH KE BELAKANG SESUDAH 26 TAHUN MALAYSIA MERDEKA

KATA orang, untuk terus maju dan melangkah ke depan, kita harus menoleh ke belakang menyingkap tabir melihat kejayaan dan kegagalan yang telah dialami; kerana kejayaan dan kegagalan itu semua bisa menjadi panduan untuk kita terus mara ke depan. Demikianlah sepatutnya setiap kita lakukan, dalam kita merayakan usia ke-26 tahun mencapai kemerdekaan, ada baiknya kita mengambil peluang baik ini untuk melihat ke belakang memeriksa segala sesuatu yang telah kita lakukan untuk menjadi pedoman seterusnya berusaha membina negara dan mengisi kemerdekaan.

Rasanya usaha-usaha untuk mengisi kemerdekaan jauh lebih sukar daripada perjuangan untuk mencapai kemerdekaan itu sendiri. Tanah Melayu atau Malaysia telah merdeka tanpa menitiskan darah dan perjuangan untuk itu tidakpun sampai dua puluh tahun lamanya; tetapi bagi mengisi kemerdekaan itu kita terpaksa berjuang selama-lamanya selagi bumi Malaysia tetap wujud dalam peta dunia. Dan selama sebuah negara Malaysia dan pentadbiran atau kerajaannya

wujud di dunia ini selama itulah rakyat akan membina, memaju dan membangunkannya bagi menyempurnakan tugas pengisian kemerdekaan.

Tanah Melayu (kemudiannya Malaysia) menjadi sebuah negara pada 31hb Ogos, 1957 iaitu kira-kira 26 tahun yang lalu. Sejak waktu itu salah satu daripada usaha yang menuntut perlaksanaan segera ialah pembangunan ekonomi negara, iaitu satu aspek yang juga diamalkan oleh negara-negara lain yang telah merdeka terdahulu dari Malaysia. Dan setahun sebelum kita mencapai kemerdekaan sebetulnya Rancangan Lima Tahun yang pertama (1956–1960) telahpun digubal, dan serentak dengan itu juga ditubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (LKTP) bertujuan meningkatkan hasil pertanian negara dan menambahkan pendapatan petani-petani di kawasan luar bandar.

Pada tahun 1959 pula untuk melihat rakyat luar bandar dapat meningkatkan lagi taraf hidup mereka, kerajaan telah menubuhkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dan kementerian ini ditiadakan semasa Tun Hussein Onn menjadi Perdana Menteri, tetapi diwujudkan semula pada zaman Datuk Sri, Dr. Mahathir sekarang ini.

Nampaknya Kementerian inilah kini diberikan tugas yang berat dan banyak untuk membangunkan masyarakat luar bandar baik dari segi ekonomi mahupun dari segi sosial. Dan kementerian inilah juga kini yang bertanggungjawab untuk memajukan industri-industri kecil, salah satu terbesar ialah projek Industri Kraftangan.

Meskipun kini telah masuk dua puluh tujuh tahun usia negara kita dan pihak kerajaan telah menjalankan berbagai-bagai ikhtiar untuk memajukan ekonomi negara, tetapi kita tetap juga mendengar rungutan dan suara-suara tidak puas hati dari rakyat terutamanya rakyat yang tinggal di luar bandar. Dan selalunya rasa tidak puas hati itu banyak yang menyangkut dengan pembinaan atau pembangunan infrastruktur asas seperti air, api dan jalan yang tersangat diperlukan oleh mereka.

Kalau kita perincikan kelambatan ini semua sebetulnya terutama dari segi sejarah pembangunan kita ternyata kerana kerajaan ter-

paksa berdepan dengan berbagai-bagai halangan samada yang jelas ketara ataupun yang tidak ketara. Tahun-tahun awal kemerdekaan negara ini, kerajaan terpaksa menghadapi dua cabaran yang amat besar; pertama terpaksa berusaha memupuk perpaduan kaum dan kedua masalah darurat yang menuntut penyelesaian segera.

Masalah perpaduan kaum hanya dapat dilakukan melalui satu sistem pendidikan yang baik. Berjaya atau gagalnya usaha pembangunan negara dan perpaduan kebangsaan banyak bergantung kepada proses pendidikan.

Oleh demikian maka kerajaan utamanya dan Kementerian Pelajaran telah menyemak Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib (1959) berusaha menumpukan perhatian kepada masalah perpaduan negara. Dan proses ini dibebankan pula dengan usaha bagi menamatkan darurat yang menjadi penghalang besar bagi negara untuk melaksanakan segala macam projek pembangunan. Wang terpaksa dibelanjakan untuk pertahanan.

Apabila kita hampir-hampir selesai menghadapi dua cabaran ini, tiba-tiba kita berdepan pula dengan halangan baru, iaitu pada tahap awal penubuhan Malaysia dua buah negara jiran mula renggang dengan Malaysia. Filipina misalnya menuntut Sabah dari Malaysia. Kemudian pada waktu yang sama Indonesia pula mengisytiharkan Konfrontasi terhadap Malaysia dan pergolakan politik dalam negara pula pada waktu itu telah menjejaskan perpaduan kebangsaan sehingga kemuncaknya pada tahun 1969 rusuhan perkauman apa yang dikenali sebagai 13 Mei meletus di bandar Kuala Lumpur.

Halangan-halangan ini semua yang amat ketara dan ditambah pula dengan beberapa halangan lain seperti berlakunya inflasi dan kemudian disusuli dengan kemerosotan ekonomi dunia (world economic recession) menyebabkan segala perancangan pembangunan yang telah disusun terpaksa ditangguh malah ada yang terpaksa dibatalkan saja.

Malaysia kemudiannya hanya baru dapat membangun dengan lebih baik sedikit apabila tamatnya Konfrontasi dengan Indonesia dan tuntutan Filipina ke atas Sabah digugurkan. Budget untuk pertahanan dapatlah dikendurkan sedikit dan tumpuan perbelanjaan

lebih banyak diperuntukkan kepada pelajaran.

Pada waktu yang sama projek-projek untuk prestij pada zaman Tengku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri mula dikurangkan dan zaman Tun Razak segala pembangunan lebih banyak tertumpu ke luar bandar dan juga mengadakan sebanyak mungkin infra-struktur asas. Agensi-agensi kerajaan dalam bentuk badan berkanun lebih banyak lagi ditubuhkan bertujuan untuk melicinkan lagi pembangunan negara dalam berbagai-bagai lapangan.

Pada akhir-akhir tahun enam puluhan dua komoditi eksport terpenting seperti getah dan bijih timah masih terumbang ambing harta dan pasarannya. Pada waktu yang sama pula keadaan ekonomi dunia Barat menjadi lebih merosot dan ini melibatkan juga pengeksportan bijih timah dan getah. Akibatnya ia memberi kesan yang buruk kepada penduduk-penduduk dan ekonomi negara kita. Dan cara yang paling wajar dan sesuai dipraktikkan ialah dengan mempelbagaikan ekonomi negara.

Demikianlah sesudah pembentukan Malaysia di mana Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia, proses mempelbagaikan ekonomi itu bertambah cekap kerana kita mula dapat memasarkan kayu-kayan dan juga petrolium. Waktu itu juga kelapa sawit mula ditanam dengan banyaknya dan mendatangkan hasil yang lumayan.

Serentak dengan negara cuba mempelbagaikan ekonomi negara itu juga sektor pengilangan mula dikembangkan terutama jenis jentera ringan. Hasilnya cukup memuaskan di mana pada peringkat awal kita lebih menumpukan kepada pengilangan sebagai alternatif atau penggantian kepada bahan-bahan yang diimport. Pelabur dari luar juga digalakkan, dan hasilnya kita dapati pertengahan tahun-tahun 60-an industri-industri bagi menampung keperluan dalam negeri didapati cukup memuaskan.

Pada awal tahun-tahun 70-an digalakkan pula memperbanyakkan perusahaan-perusahaan yang hasil barangannya boleh dieksport. Barangan-barangan yang pada mula dipasarkan dalam negeri sahaja atau untuk keperluan sendiri pada tahap itu telah mula ditumpukan pula untuk dipasarkan ke luar negeri terutamanya ke negara-negara jiran atau negara-negara dalam lingkungan rantau dunia sebelah sini.

Dan bagi menyelaras usaha ini dibentuk pula apa yang dikenali ringkasnya sebagai FIDA (Lembaga Pembangunan dan Perusahaan Persekutuan).

Pada masa pimpinan pemerintahan berpindah tangan dari Tengku Abdul Rahman kepada Tun Abd. Razak, segala usaha lebih banyak ditumpukan kepada pembangunan dan untuk mencapai matlamat ini semua, pertama beliau telah mengambil langkah mengurangkan persaingan politik dan mengurangkan politiking di dalam negeri. Inisiatif telah diambil untuk mengajak beberapa buah parti politik di Sabah dan Sarawak menyertai parti Barisan Nasional. Dan parti Islam (pembangkang terkuat masa itu) juga telah menyertai Barisan Nasional pada 1hb. Januari didaftarkan sebagai satu konfederasi parti-parti politik pada 1hb. Jun 1974. Komponen-komponen parti dalam BN ini telah sama-sama menyumbangkan tenaga dan waktu masing-masing bagi mentadbir Malaysia.

Hanya dalam tahun 1978 UMNO telah berselisih faham dengan Parti Islam (PAS) di mana Parti Islam telah keluar dari BN dan tempatnya diambilalih oleh parti baru pimpinan Datuk Hj. Mohammad Nasir dikenali dengan nama singkatnya BERJASA. Dan nampaknya parti ini masih kekal dalam BN walaupun pengaruhnya mula merosot di Kelantan iaitu negeri yang menjadi pengkalan kepada tiga buah parti Melayu iaitu PAS, BERJASA dan HAMIM.

Dalam usaha hendak meningkatkan taraf ekonomi negara dan rakyat, kerajaan kemudiannya telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB mempunyai matlamat serampang dua mata iaitu pertama bagi menghapuskan kemiskinan dan kedua bagi menyusun kembali masyarakat. Bagi tujuan pertama kerajaan telah cuba menambahkan peluang pekerjaan kepada semua golongan masyarakat dan ini dilakukan dengan memajukan dan memperbanyakkan bidang perindustrian termasuk juga industri kecil.

Pada waktu yang sama diperhebatkan pembangunan kawasan desa, diwujudkan rancangan pendidikan dan latihan yang lebih berkesan. Orang-orang Melayu digalakkan lebih ramai lagi melibatkan diri dalam sektor perindustrian dan perdagangan. Keterlibatan Melayu dalam bidang terakhir ini juga bertujuan menyempitkan jurang

perbezaan penyertaan Melayu dalam kedua bidang tersebut, malah inilah satu-satunya cara yang paling baik dan berkesan sebagai langkah penyusunan semula masyarakat.

Nampaknya DEB telah memberi kesan yang baik kepada masyarakat Melayu selepas ianya berjalan beberapa lama. Misalnya bilangan syarikat yang berdaftar milik Melayu telah bertambah, pada tahun 1970 terdapat cuma 104 buah syarikat Melayu dan ia meningkat kepada 3,621 pada pertengahan tahun 1976. Demikian juga dalam sektor perindustrian; terdapat cuma 14 projek yang 50% penyertaannya terdiri dari orang Melayu pada tahun 1971 tetapi ia bertambah dengan pesatnya dalam masa kira-kira empat tahun kemudian.

Kadar pertumbuhan ekonomi negara kita tidaklah begitu cepat sangat oleh kerana kita ikut terlibat dengan wabak resesi dunia terutamanya pada pertengahan 70an hinggalah sekarang ini. Akan tetapi sektor pengilangan terus berkembang baik menjadi sektor yang agak penting dalam membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Sementara dalam aspek hubungan antarabangsa pula Malaysia juga ikut dikenali dan disegani oleh dunia luar. Kejayaan kita setakat ini sungguh memberangsangkan antara terpenting patut disebut dalam rencana pendek ini ialah Malaysia telah mengambil daya utama mengemukakan cadangan untuk Perkecualian Asia Tenggara bagi menentukan keselamatan dan kestabilan rantau ini di samping menganjurkan negara-negara rantau ini supaya mewujudkan rancangan kerjasama serantau.

Kerjasama ini telah diterima baik dalam persidangan puncak negara-negara di rantau ini yang diwakili oleh menteri luar masing-masing. Perisytiharan dikenali sebagai Pengisytiharan Kuala Lumpur dan ditandatangani pada 27hb. November 1971. Antara isi terpenting ialah kelima-lima negara akan "mencari jalan untuk pengiktiraan dan penghormatan bagi Asia Tenggara sebagai satu rantau aman, bebas dan berkecuali".

Kini, dari segi hubungan luar Malaysia juga terlibat dengan masalah Demokratik Kampuchea, Vietnam, Jepun, Palestine dan juga isu Antartica yang sedang hangat sekarang ini. Nampaknya peranan Malaysia dengan bantuan negara-negara anggota ASEAN kita men-

dapat kejayaan yang tidak kurang juga mendapat perhatian dunia luar.

Kita juga berusaha mewujudkan perpaduan di kalangan dunia Islam. Perubahan dasar Malaysia terhadap China ekoran dari lawatan rombongan perdagangan Malaysia yang diketuai oleh YBM Tengku Razaleigh pada tahun 1973 dan lawatan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak pada tahun 1974.

Berbalik kepada perkembangan politik negara dan kepimpinan dalam kerajaan, kita perhatikan terdapat berbagai-bagai isu yang dapat diselesaikan dengan baik dan yang hanyut begitu sahaja dilupakan orang, atau yang tidak dapat diatasi dengan bijaksana.

Ketika kerajaan Barisan Nasional sedang menuju dan membina kegagahan dan kekuatannya tiba-tiba ia merupakan satu cabaran apabila setelah Tun Abd. Razak meninggal dunia kerajaan BN dipimpin oleh Datuk (Tun) Hussein Onn. Cabaran pertama PAS keluar BN. Kemudian diikuti dengan konflik dan wujudnya kliks-kliks di dalam UMNO membawa kepada pertandingan hebat 1981 untuk merebut jawatan Timbalan Presiden antara Datuk Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh.

Dan isu ini nampaknya akan berterusan selagi belum selesainya pemilihan 1984 nanti. Presiden parti, Datuk Sri. Dr. Mahathir terpaksa mengmbil sikap berterus terang bagi mengatasi segala macam kerenah akibat dari tindakan para penyokong masing-masing 'kem' atau pihak.

Pergolakan politik anggota BN sendiri seperti MCA, MIC, Gerakan BERJAYA dan SNAP mengalami krisis dalaman tersendiri, tinggal lagi serius atau tidaknya sahaja. Nampaknya yang paling serius ialah parti SNAP di Sarawak sehinggakan ramai para pemimpin parti itu bertindak keluar parti dan menubuhkan parti baru yang diberi nama PARTI Bansa Dayak Sarawak. Begitu juga dengan USNO di Sabah, pemimpin-pemimpin yang keluar parti telah menubuhkan parti baru dikenali sebagai BERJAYA yang kini menguasai politik Sabah. Anehnya kedua-dua perti baru ini juga diterima menyertai Barisan Nasional, ataupun paling tidak bekerjasama dengan Barisan Nasional.

Kerajaan Barisan Nasional memasuki dekad 80an dengan semangat perjuangan baru yang lebih mencabar lagi, lebih-lebih lagi setelah pimpinan dari Datuk (Tun) Hussein Onn diambilalih oleh Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad. Pilihanraya 1982 telah mengesahkan kedudukan Datuk Sri Dr. Mahathir sebagai pemimpin yang diterima rakyat; ini jelas apabila parti pembangkang seperti DAP dan PAS telah mengalami kemerosotan pengaruhnya dalam pilihanraya tersebut. Begitu juga dengan keputusan pilihanraya DUN bagi negeri Sarawak yang diadakan pada 27 dan 28hb. Disember '83 lalu. Dari jumlah 48 kerusi BN telah menawan 44 kerusi dan baki 4 kerusi dimenangi oleh calon-calon BEBAS.

Ketika kita menyambut tahun kemerdekaan kita ke-26, negara Malaysia memasuki zaman yang amat kritikal di bawah tadbiran Datuk Sri. Dr. Mahathir dengan 'team' yang difikirkan amat sesuai baginya menjalankan tugas sehari-hari. Dalam keadaan kestabilan politik dan sosial seperti sekarang ini, kita mengharapkan meskipun ekonomi kita sedang dilanda wabak resesi (kemelesetan) para pemimpin kita akan dapat membawa negara ini ke arah yang lebih stabil, kukuh dan selamat.

Satu peristiwa yang agak sukar dilupakan yang menjadi pergolakan politik yang hebat ialah apabila tercetus krisis perlembagaan yang berbangkit dari isu pindaan dalam perlembagaan. Menjelang tahun 1984 isu ini menjadi begitu hangat sehingga hampir-hampir menenggelamkan isu-isu semasa lain pada waktu itu. Tetapi dengan kebijaksanaan Perdana Menteri isu tersebut telah selesai apabila Timbalan Yang Dipertuan Agung telah berkenan menandatangani pindaan perlembagaan itu. Dan Parlimen telah bersidang pada 9hb. Januari 1984 bagi menerima syor yang dipinta dari pihak Majlis Raja-raja Melayu. Kini isu tersebut telahpun reda dan tidaklah perlu di-bangkit-bangkitkan lagi.

Segala cabaran baru yang akan didepani hendaklah didekati dengan sebaik mungkin atau dengan sebijak mungkin. Musim berjimat patutlah kita berjimat. Mana-mana yang patut dipotong, seperti projek-projek yang besar-besar dan tak menguntungkan patutlah ditangguh atau dibatalkan sahaja. Kini bukan lagi zaman kita berme-

gah-megah dengan mengadakan berbagai-bagai projek untuk menjaga prestij. Jatuh bangun kita dalam dekat 80-an ini sebahagian besarnya bergantung kepada berapa bijaksana kerajaan kita berbelanja dan mengendalikan segala jentera pentadbirannya.

Dan untuk menghadapi cabaran dekad 80-an ini adalah sangat wajar dan baik sekali kita merenung dan mengambil iktibar dari apa yang telah kita lakukan sepanjang 26 tahun yang lampau. Senang bagi kita mencari arah lebih-lebih lagi dari segi pandangan dunia atau weltanschauung, kini kita sedang berada pada tahap **turning point** yang sungguh mempersonakan terutama dalam melaksanakan dasar baru negara; Dasar Pandang Ke Timur.



Tunku Abdul Rahman

2

KONSEP NASIONALISME SESUDAH MENGHALAU PENJAJAH

AKHIR-AKHIR ini pemimpin-pemimpin kita kerap sekali berkap fasal masalah nasionalisme. Tentu ada sebab musababnya kenapa terjadi demikian. Barangkali kerana orang mula memandang sepi akan persoalan semangat kebangsaan atau nasionalisme, kerana kita telah bebas dari cengkaman penjajah dan telah lebih dua puluh enam tahun merdeka. Atau kerana ada golongan-golongan tertentu yang mula menanam jarum halusnya untuk mempengaruhi rakyat dengan mengatakan bahawa nasionalisme itu bertentangan dengan konsep dan ajaran Islam.

Terakhir masalah nasionalisme ini dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu berucap merasmikan Konvensyen Pendidikan ke-8 di Maktab Sultan Idris Tanjung Malim. Perdana Menteri telah menganjurkan supaya rakyat memupuk teras-teras dan ciri-ciri bangsa Malaysia moden sesuai dengan aspirasi masyarakat di Malaysia.

Masyarakat Malaysia, tegas Perdana Menteri lagi, perlu memahami konsep nasionalisme dengan erti kata yang lebih menyeluruh, yakni bukan sahaja dalam konteks memperjuangkan kemerdekaan.

Kini kita ketahui bahawa semangat Kebangsaan yang sebelumnya digunakan untuk menghalau penjajah sudah selesai; maka adalah amat wajar sekali nasionalisme itu kini patut diarahkan pula kepada perjuangan memupuk potensi rakyat kita yang sudah merdeka bagi melaksanakan tugas-tugas berat membangun sebuah negara yang maju, progresif, teguh dan dikenali serta disegani oleh dunia luar.

Apa yang terkilan di hati kita semua ialah dalam masalah nasionalisme pun masih ada orang-orang yang cuba hendak mengabui mata rakyat jelata semata-mata bagi kepentingan politik mereka. Ini jelas apabila Datuk Sri Dr. Mahathir telah membidas golongan yang menganggap nasionalisme itu tidak Islamik. Ini adalah suatu pandangan yang sempit, kerana dengan nasionalisme yang kuat sebaliknya kita boleh membina masyarakat Malaysia yang teguh dan gagah serta moden sekiranya kita memahami nasionalisme itu dalam konteksnya yang sebenar.

Setengah-setengah golongan tersebut menganggap dan menolak bahawa nasionalisme itu sebagai **un-Islamic.** Pandangan seperti ini boleh menimbulkan kekeliruan dan kebimbangan di kalangan mereka yang tidak faham akan konsep nasionalisme dan hubungannya dengan Islam. Seperti kata Perdana Menteri nasionalisme itu tidak salah menurut Islam. Yang bertentangan dengan Islam bukannya nasionalisme, tetapi idolisasi atau mendewa-dewakan sebuah negara sampai ke tahap mengenepikan agama.

Oleh demikian adalah penting setiap rakyat negara ini memahami akan konsep nasionalisme yang sebenar, dan sangat dituntut dewasa ini bukan nasionalisme yang sempit yang hanya bertujuan mendewa-dewa atau bermegah-megah dengan kemuliaan bangsa atau untuk menentang penjajahan semata-mata.

Nasionalisme yang amat kita ingini buat era ini ialah nasionalisme yang bukannya sempit atau **parochial,** tetapi nasionalisme yang dapat melahirkan nilai-nilai yang memungkinkan kita terus menuju kemajuan dalam berbagai bidang kehidupan. Dan negara ini sudah tentu tidak akan mencapai matlamat kemajuannya sekiranya rakyat negara ini gagal untuk memahami konsep nasionalisme sebenar.

Malangnya kefahaman nasionalisme yang agak terbatas itu ke-

mudiannya dikelabui pula dengan pendapat sekelompok golongan yang tidak senang dengan kekuatan politik pemerintah, kemudiannya menjaja pendapatnya dengan mengatakan agama Islam bertentangan dengan semangat kebangsaan. Dan pada waktu yang sama menuduh UMNO cuma memperjuangkan nasionalisme sahaja tanpa menghiraukan langkah mensemarakkan perkembangan syiar Islam; dan mereka menambah perjuangan menegakkan sebuah negara Islam juga tidak dilakukan di negara ini.

Golongan ini menyebut cita-cita nasionalisme yang diperjuangkan oleh pemerintah itu adalah sempit kerana ia cuma mementingkan satu-satu kaum atau satu-satu bangsa saja. Mereka menekankan perjuangan mereka sebagai memperjuangkan agama Islam yang melampaui batas bangsa, kaum dan keturunan.

Di sini perlu sekali dipersoalkan apakah benar nasionalisme itu bertentangan dengan agama Islam? Belum muncul seorang tokoh yang berani menjawab persoalan ini secara ilmiah dan terbuka, yang heboh dan bising ialah perkara ini dijaja dan disebar di merata-rata tempat oleh orang-orang tertentu yang mengaku diri mereka sebagai pemimpin-pemimpin yang akan memimpin rakyat negara ini ke jalan yang benar.

Nasionalisme itu sebenarnya ialah perasaan cinta kepada bangsa sendiri, tanahair sendiri, kepada kaum sendiri dan sebagainya; ini adalah suatu hakikat yang wujud di dunia ini semenjak manusia mempunyai peradaban, iaitu semenjak manusia tahu dan pandai mengatur negara sendiri. Ia bermula kepada perasaan cinta kepada sukunya sendiri, kepada kampungnya sendiri, daerah dan wilayahnya sendiri. Apabila suku-suku itu menjadi satu bangsa, ia meluas menjadi cinta kepada bangsa, kepada negara atau tanahair sendiri.

Saya masih ingat lagi kata-kata Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah sewaktu berucap merasmikan konvensyen UMNO Negeri Kelantan pada bulan Mei '83 lalu, beliau menegaskan, "cinta kepada bangsa dan tanahair ialah semulia-mulia sifat yang harus ada dalam dada tiap orang. Kalau tak ada bangsa, tak ada negara, bererti kita menjadi pengemis, peminta sedekah, menjadi perantau menjelajah ke sana ke mari, mencari tempat perlindungan dan menumpang

orang."

Tidaklah benar sama sekali bahawa nasionalisme atau cinta kepada tanahair dan kepada bangsa itu berlawanan dengan agama Islam. Malah nasionalisme yang diperkuat oleh agama Islam telah menjadi tenaga pendorong kepada perkembangan bangsa Arab dan agama Islam dalam zaman kebesaran Islam dahulu.

Rasanya nasionalisme perlu disuburkan terus dalam menghadapi kehidupan kita sehari-hari. Kita telah berjaya menghalau penjajah dengan adanya perasaan kebangsaan yang meluap-luap. Itu memang telah tercatat dalam sejarah. Tetapi kini ke manakah pula kita hendak menghalakan tujuan atau matlamat semangat kebangsaan atau nasionalisme kita itu? Dalam hubungan ini sekali lagi kita dapat menerima baik pandangan Perdana Menteri.

Dalam situasi masyarakat kita kini rasanya semangat kebangsaan yang baik dan wajar ialah nasionalisme yang tidak bertentangan dengan cita-cita dan aspirasi rakyat memperkukuhkan kemerdekaan yang telah kita capai semenjak lebih 26 tahun itu; dan bergerak ke depan biarlah nasionalisme seiring dengan tugas kita membangun sebuah negara Malaysia yang maju dan bertoleransi dalam proses pembinaan masyarakat kita yang mempunyai ciri-ciri tersendiri itu.

Kita harus sedar meskipun kita dianggap sedang membangun, tetapi kita jangan lupa kepada tugas maha penting yang terletak diatas pundak setiap kita terutamanya dari kalangan generasi baru, bahawa kita mestilah terus meningkatkan darjat bangsa dan negara; kita mestilah menebus apa yang selama ini kita ketinggalan baik dalam bidang politik, sosial, agama dan lebih menonjol bidang ekonomi.

Selain itu harus disedari bahawa setiap bangsa dan negara menginginkan kemerdekaan yang mereka perolehi dengan susah payah itu perlu dikekalkan. Begitu juga kita. Kemerdekaan yang kita perolehi itu (meski tanpa pertumpahan darah) mestilah dapat diperkekal, diperkukuh dan lebih pada itu diberikan erti yang lebih besar dan bermakna. Semunya ini adalah untuk kepentingan bangsa, negara dan agama.

Dalam keadaan kestabilan politik yang kita hadapi kini tugas paling utama ialah kita mesti memperkukuh dan meneguhkan sema-

ngat dan membulatkan cita-cita ke arah membentuk sebuah masyarakat majmuk, yakni dapat menuju matlamat bagi menyatupadukan semangat kekitaan kepada semua lapisan dan golongan yang mengaku taat setia kepada negara dan Raja negara ini.

Kepentingan-kepentingan untuk puak dan suku kaum sendiri sahaja haruslah dikendurkan dan tumpuan utama hendaklah ke arah menyatupadukan seluruh tenaga membina sebuah masyarakat yang harmonis, bertoleransi, bekerjasama. Dengan demikian barulah kita dapat berbakti kepada kesejahteraan seluruh masyarakat bukannya kepada puak-puak dan golongan-golongan sendiri sahaja. Untuk mencapai tujuan ini nilai-nilai baru yang bersesuaian dengan kita haruslah dipupuk dan dipertahankan dari masa ke semasa.

Dalam hubungan mencapai cita-cita yang murni dan sangat mendesak ini, maka pandangan Dr. Mahathir sekali lagi rasanya cukup relevan dan praktikal. Seperti tegasnya, nasionalisme yang cocok bagi kita ialah yang mendorong rakyat semua berusaha bagi mencapai kemajuan secara fizikal dan spiritual.

Dan semangat kebangsaan seumpama itu akan menghasilkan para individu yang bukan sahaja mampu untuk berdiri di atas kaki sendiri, tetapi juga dengan hasrat untuk terus bekerja dengan lebih gigih lagi. Mereka juga akan mengutamakan nilai-nilai moral yang tinggi yang selaras dengan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Untuk itu salah satu daripada cara yang amat berkesan ialah melalui pendidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung juga semangat nasionalisme dapat dibangkitkan atau dipupuk dan dikekalkan oleh pendidikan, kerana seperti termaklum pendidikan merupakan agensi yang menyebarkan kebudayaan dan membawa perubahan kepada pemikiran dan sikap sesuatu bangsa itu.

Sesungguhnya perjuangan nasionalisme itu boleh dilaksanakan oleh semua golongan rakyat di negara ini. Setiap rakyat mahupun golongan diraja boleh kita anggap sebagai nasionalisme sekiranya mereka berjuang baik dengan cara mana sekalipun.

Dan perjuangan nasionalisme juga patut disedari tidak hanya bermula dengan usaha menghidupkan semula maruah bangsa dan tidak pula berakhir dengan kita berjaya mencapai kemerdekaan.

Perjuangan nasionalis bukan sahaja perjuangan yang berterusan yang melewati persoalan-persoalan mengenai politik, ekonomi, sosial ataupun kebudayaan; kerana nasionalis yang tulen itu sebetulnya memang melibatkan diri dengan segala sumber kehidupan manusia seluruhnya.



Tunku Abdul Rahman sedang mengisytiharkan kemerdekaan

3

DALAM UMNO AWAK ORANG SIAPA?

SAYA terdorong untuk menulis rencana ini apabila terlalu terpesona melihat Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa dan Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telah muncul di atas pentas pada "Malam Sumbangsih" anjuran Pemuda UMNO Malaysia pada malam Isnin 23hb. Mei '83 lalu, dan sambil berbalas-balas pantun sewaktu upacara **finale** majlis tersebut. Secara spontan hati saya mengatakan semuanya itu telah diatur oleh penganjur yang dipengerusikan oleh Encik Megat Junid untuk memperlihatkan pergolakan dalam politik UMNO sebenarnya tidaklah seperti yang disangkakan oleh banyak orang.

Kini kalangan pemerhati politik tempatan sering menyangka bahawa dalam UMNO ada semacam **intrique** dan ketegangan apabila Datuk Sri Dr. Mahathir menyebut beberapa kali masalah tradisi dalam UMNO sejauh mengenai pemilihan pucuk pimpinan menyebut masalah 'Orang Datuk Seri, Orang Datuk dan Orang Tengku' dan akhir-akhir ini menyebut pula bahawa setiap pemimpin UMNO yang menjelajah ke seluruh negara dan membuka rasmikan beberapa Me-

syuarat Perwakilan Bahagian sebagai bukannya untuk mengempen menghadapi pemilihan pucuk pimpinan parti.

Dari ucapan-ucapan Dr. Mahathir ini jelas dapat dimengertikan bahawa sebetulnya semuanya itu adalah sangkaan orang-orang luar sahaja. Beliau bertindak demikian tentulah dengan hasrat ingin melihat keadaan yang stabil di dalam UMNO itu sendiri. Sebagai Presiden parti adalah menjadi tanggungjawab Dr. Mahathir 'membersihkan' segala macam tuduhan dan tomahan yang tidak sihat dan boleh menjejaskan perpaduan dalam parti UMNO khususnya di kalangan pucuk pimpinannya.

Tetapi ada kalangan tertentu pula hairan apabila cuba menganalisa ucapan-ucapan Dr. Mahathir akhir-akhir ini. Kalangan parti musuh UMNO tentulah melihatnya dari aspek yang negatif, kalau tidak ada berada, kata mereka tentulah Presiden UMNO tidak akan berbuat demikian.

Sekali imbas pendapat demikian itu ada juga logiknya, tetapi didalam suatu organisasi politik besar seperti UMNO yang sudah teguh dan para pemimpinnya sudah cukup matang, rasanya untuk waktu ini kalaupun ada apa yang dinamakan intrique dan ketegangan didalam UMNO, kita yakin pemimpin-pemimpin pentingnya akan dapat menyelesaikannya secara 'anak-beranak' tidak sampai menjadi kecoh dan riuh rendah seperti halnya yang dialami oleh parti PAS sedikit masa lalu.

Segala isu yang hangat diperkatakan kini lebih berdasarkan kepada keadaan semasa dalam pergolakan parti tersebut, mula dilupakan, tetapi isu "kamu orang siapa?" dan terakhir merasmikan mesyuarat bahagian kerana berkempen untuk diri nampaknya terus diperkatakan oleh orang ramai di mana saja utamanya di kalangan ahli-ahli UMNO.

Rasanya tidak begitu kabur sangat untuk dimengertikan apabila Datuk Sri Dr. Mahathir membangkitkan masalah tradisi dalam UMNO kerana semua orang khususnya anggota UMNO dengan senang dapat memahami maksud yang sebenar. Akan tetapi apabila beliau cuba membangkitkan isu yang hangat diperkatakan oleh orang ramai mengenai 'Awak Orang Siapa?" itu mengajak kita berfikir

apakah isu tersebut benar-benar wujud di dalam UMNO sekarang?

Saya rasa perkara seperti ini cuma digembar gemburkan oleh orang tertentu di dalam parti yang hanya ingin mencari dan menempatkan kedudukan diri sendiri di dalam parti baik di peringkat mana sekalipun. Orang-orang yang terlibat sendiri jelas setakat ini tidak pun menunjukkan sebarang tanda-tanda yang mereka itu bergiat untuk memasang dan menyebarkan pengaruh masing-masing bagi kepentingan pemilihan pucuk pimpinan yang diadakan dua tahun sekali itu.

Bila Dr. Mahathir menyebut 'Orang Datuk Seri, Orang Datuk dan Orang Tengku' maka sekaligus orang ramai faham maksudnya, akan tetapi sejauh mana isu 'Awak orang Siapa?' ini menular dalam parti UMNO akhir-akhir ini tidaklah dapat dipastikan.

Patut disebut di sini memangnya ada kalangan-kalangan tertentu yang cuba membesar-besarkan isu ini, dan sejauh yang kita nampak ada juga beberapa buah akhbar tempatan yang cuba memihak dan berlaku tidak adil. Lantaran itu maka kian rancaklah tomahan orang ramai bahawa isu itu memangnya wujud.

Barangkali tidaklah berlebihan sekiranya isu ini diheboh-hebohkan sewaktu pemilihan 1982 dahulu kerana memang tokoh-tokoh penting UMNO telah bertanding satu sama lain. Tetapi sekiranya pemilihan sudah berlalu, apakah gunanya lagi isu seperti itu dibesar-besarkan.

Tidak ada apa untungnya kepada UMNO, tetapi yang sahnya ia boleh menjejaskan perpaduan di kalangan ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin UMNO sahaja. Jadi kalau ini didapati merugikan, saya merasa hairan kenapakah anggota-anggota UMNO yang memang tidak mahu perpecahan berlaku dalam parti itu 'membawa mulut' ke sana ke mari dan bercakap-cakap tanpa batas sempadan dan tanpa memikirkan logik tidaknya mengenai persoalan tersebut.

Akibat daripada tindakan terbit dari fahaman sempit di kalangan orang-orang UMNO sendiri, maka Perdana Menteri selaku Presiden UMNO terpaksa bercakap mengenai hal ini. Tujuan Dr. Mahathir tidak lain melainkan untuk meredakan keadaan jika sekiranya perkara tersebut benar-benar berlaku.

Akan tetapi ada pula kalangan yang berpendapat dengan ucapan Dr. Mahathir menimbulkan hal tersebut mereka menganggap isu tersebut benar-benar terjadi dan serius. Namun ditilik atau diperhatikan perkembangan-perkembangan mutakhir, rasanya hal tersebut tidaklah serius mana lebih-lebih lagi mengingatkan tokoh-tokoh yang dilibatkan belum tentu bertanding dalam pemilihan akan datang. Saya sendiri ada mendengar desas desus bahawa tokoh-tokoh yang disebut-sebut itu sendiri tidak gemar cakap-cakap dan spekulasi-spekulasi liar yang boleh memecahbelahkan solidariti UMNO itu dihe-boh-hebohkan dan dibesar-besarkan.

Ucapan Encik Anwar Ibrahim, selaku Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di Permatang Pauh tidak lama dulu juga pada hemat saya berkaitan dengan perkembangan mutakhir ini. Barangkali Encik Anwar sendiri sudah muak mendengar cerita-cerita karut itu maka-nya beliau telah berterus terang menghormati pemimpin-pemimpin besar UMNO yang telah "mendidiknya".

Dengan kenyataan beliau yang terus terang itu, jelas menunjukkan beliau tidak mahu dicap sebagai orang yang memihak. Apa yang beliau mahu jelaskan bermaksud ingin melihat isu tersebut lenyap dan sekaligus mengajak setiap lapisan pimpinan dan anggota UMNO supaya bekerja keras menguatkan kedudukan parti dan bukannya membuang masa membicarakan hal yang remeh temeh.

Setalian dengan perkembangan mutakhir ini rasanya tindakan yang diambil oleh Perdana Menteri menolak tuduhan-tuduhan liar yang mengatakan pemimpin-pemimpin UMNO berlari ke sana sini membuka rasmikan mesyuarat agung Perwakilan Bahagian sekarang ini sebagai hendak berkempen untuk diri sendiri dalam menghadapi pemilihan 1984 nanti adalah wajar. Dan anggota-anggota UMNO patutlah rasanya memandang serius akan nasihat-nasihat dan teguran ikhlas yang dibuat oleh Dr. Mahathir.

Sebagaimana yang kita ketahui hal membukarasmikan sebarang mesyuarat agung bahagian ini adalah perkara biasa dalam mana-mana parti di negara kita ini. Tidak timbul sama sekali pemimpin-pemimpin kita mencari kesempatan dengan cara itu.

Ini jelas dapat dimengertikan bahawa memanglah itu sudah menjadi tugas kepada pemimpin-pemimpin mana-mana organisasi politik. Tidaklah mungkin Presiden Parti, Timbalan Presiden dan Naib Presiden sahaja yang berkejar ke sana sini untuk merasmikan mesyuarat agung lebih seratus bahagian itu. Soal siapa yang dijemput membuka resmikan mesyuarat tidak timbul sama sekali, tetapi oleh kerana ada pemimpin-pemimpin yang bertanding dalam pemilihan yang lalu maka timbullah tuduhan-tuduhan seumpama itu.

Orang-orang UMNO sendiri tidaklah patut membangkit-bangkitkan hal serupa itu sehingga Presiden parti terpaksa bercakap mengenainya. Salahnya orang-orang UMNO sendiri yang membesar-besarkan perkara ini dan menyebabkan orang-orang yang bukan UMNO terus terpengaruh, lantas menjadi bahan pula di dalam ceramah-ceramah mereka yang diadakan saban waktu di mana-mana dan pada peringkat mana saja itu. Adalah lebih wajar dan logik bagi orang-orang UMNO supaya bertindak menutup saja isu seperti ini kalau pun benar ada. Sesungguhnya tidaklah ada apa untungnya benda-benda yang remeh temeh pula yang diheboh-hebohkan.

Orang ramai tentunya terpukau dan merasa aneh apabila Dr. Mahathir sendiri yang menimbulkan hal ini dan sekaligus menolak dakwaan itu. Orang ramai tentulah berangganap hal itu sudah menular menjadi kudis gatal yang kronik pula. Jadi tidaklah hairan apabila Perdana Menteri menimbulkan soal ini sewaktu berucap merasmikan Sidang Perwakilan UMNO Bahagian Mantin di Seremban pada hari Ahad 22hb. Mei '83 kita dihumban oleh semacam tanda tanya apakah orang-orang yang membuat tuduhan itu terdiri dari kalangan anggota UMNO sendiri ataupun dari pihak parti lawan yang memang kerjanya mencari kelemahan orang untuk kemudian dieksploitkannya pula.

Adalah sangat wajar dan menasabah apabila Dr. Mahathir menyebut sebagai telah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin parti untuk mendekatkan dengan **grass root level** bagi mengekal dan memesrakan lagi hubungan peringkat pemimpin dengan peringkat anggota parti. Tetapi memangnya tabiat dan fe'el orang-orang yang berlidah lembik begitu. Mereka menyangkakan dengan adanya per-

tandingan-pertandingan yang hebat pada tahun 1982 yang lalu maka pertandingan seperti itu akan terus menerus membawa kesan dan akibatnya pada pemilihan yang akan datang.

Tetapi dalam politik tidaklah hairan hal seperti ini terjadi, namun yang sangat dikesalkan fitnah-memfitnah, tohmahan yang melulu, pandangan yang negatif dan dikekang pula pengaruh sentimen patutlah dihindar dan dipadam serta dilenyapkan sekiranya kita menginginkan keadaan kejernihan dan kestabilan terus kekal di dalam UMNO, sebuah parti induk dalam komponen BN yang menguasai pentadbiran negara ini.

Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir.

4

BENARKAH ADA AHLI POLITIK BERCORAK KOMERSIAL?

DATUK MUSA HITAM ketika berucap merasmikan Khemah Kerja Politik Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia di sungai Siput sedikit masa dahulu telah dengan berterus terang menyatakan peri adanya golongan ahli politik yang bercorak "commercial". Ini sangat jelas apabila beliau menyarankan semacam nasihat supaya "janganlah jadi ahli politik yang mungkin bercorak **'commercial'**.

Barangkali ramai, khususnya ahli-ahli UMNO yang tertanya-tanya kenapakah Datuk Musa menimbulkan hal ini dalam majlis seperti itu. Dan paling mistri lagi kenapa perkara ini dinyatakan dalam satu ayat yang cukup mengesankan itu saja. Sudah tentulah Datuk Musa menyerahkan elaborasi atau penjelasannya kepada ahli-ahli UMNO sendiri.

Tetapi Datuk Musa tidak akan berkata begitu sekiranya tidak ada golongan yang mahu memasuki politik UMNO kerana kepentingan "commercial". Lalu sebab itulah beliau telah menarik perhatian peserta khemah kerja politik itu dengan susulan sebagai berikut:

"Janganlah mudah diperangkap oleh setengah-setengah kalangan politik yang sudah lupakan salasilah serta sejarah perjuangan UMNO dan perjuangan bangsa Melayu di negara ini".

Ahli-ahli politik yang tidak pernah tahu jerih payah perjuangan yang telah dilakukan oleh pejuang-pejuang Melayu melalui UMNO akan mudah terperangkap dengan keinginan hendak memasuki UMNO kerana dengan tujuan bagi mendapatkan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri dengan secara mudah dan segera.

Orang-orang seperti ini akan menggunakan kekayaan mereka untuk menambahkan lagi harta dan sekaligus bagi memperolehi kuasa, dan dengan kuasa itulah, mereka akan melipatgandakan lagi usaha untuk menambah harta.

Orang-orang seperti inilah diserukan oleh Datuk Musa supaya menoleh ke belakang dan mempelajari serta merenung semula akan sejarah perjuangan UMNO kira-kira empat dekad yang lalu.

Orang-orang seperti ini mesti diberitahu bahawa UMNO adalah sebuah parti yang dibangunkan atas himpunan semangat nasionalisme Melayu yang jitu dan penuh keinsafan, lahir di atas sikap perpaduan dan persefahaman bangsa Melayu yang tulen; dan kelahiran itu semua untuk membangun sebuah negara yang berdaulat dan merdeka, lahir untuk menentang **Malayan Union** dan lahir untuk membangun bangsa Melayu sebagai suatu bangsa yang hidupnya sejahtera dan makmur di dunia ini.

Orang-orang seperti ini perlu selalu diingatkan mereka tentang sejarah perjuangan orang-orang Melayu, sejarah kelahiran UMNO dan sejarah perjuangan UMNO itu sendiri seperti sejarah menjatuhkan Malayan Union umpamanya.

Kesedaran seperti ini bukan sahaja menjadi begitu penting kepada generasi muda tetapi juga kepada generasi tua di dalam UMNO. Saya beranggapan demikian oleh kerana kini terdapat ramai juga dari kalangan jenerasi tua yang menggunakan kesempatan yang baik dalam parti bagi melakukan sesuatu untuk kepentingan diri sendiri, orang-orang yang disenangi dan di sekeliling pinggangnya sahaja.

Orang-orang seperti ini mengambil kesempatan menyertai UMNO bukanlah kerana hendak berjuang menegak dan mensejahtera-

kan bangsanya, tetapi memang siang-siang lagi telah memasang niat 'masuk dan bergiat dalam UMNO' semata-mata mencari faedah diri sendiri, tidak ikhlas dan jujur.

Barangkali agak anehnya orang-orang seperti ini bukan sahaja terdiri dari kalangan mereka yang sederhana kedudukannya tetapi juga kebanyakannya dari golongan yang sudah kaya raya. Mereka ini akan dengan senang hati menggunakan kekayaannya itu untuk mendapatkan kuasa. Sekali kuasa sudah diperolehinya, mereka akan merebut segala peluang yang terbuka (yang mungkin selalu dalam pengetahuannya) tanpa menghiraukan hak itu sepatutnya diberi keutamaan kepada ahli-ahli yang belum ada apa-apa.

Datuk Musa Hitam sudah tentunya amat menyedari hakikat ini, kalau tidak masakan beliau mendedahkan hal ini di hadapan ribuan anggota parti yang masih muda belia.

Rasanya pendedahan terus terang dibuat oleh Datuk Musa itu mempunyai makna yang lebih mendalam. Ia membawa implikasi bahawa akhir-akhir ini memang telah ramai anggota parti yang tidak ikhlas lagi berjuang, sebab itu beliau memperbandingkan dengan sikap dan pendirian pejuang-pejuang Melayu di dalam UMNO sebelum negara ini mencapai kemerdekaan dahulu.

Apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan ungkapan ahli-ahli politik yang bercorak komersial itu? Ini sudah tentu amat jelas dimaksudkan kepada mereka yang cuba membina imejnya sebagai pemimpin, cuba menempa namanya di mana-mana peringkat dan apabila matlamatnya untuk mencapai kuasa sudah diperolehi, maka perhatikanlah apa yang sedang dan akan berlaku:

Orang-orang seperti ini tentunya tidak ramai bilangannya, akan tetapi sungguhpun begitu mereka inilah yang boleh menjejas dan memudharatkan imej parti, mereka inilah yang memusnahkan tradisi parti, mereka inilah yang mencemarkan nama baik parti; malah dapat juga dikatakan mereka inilah yang merosakkan konsep demokrasi yang diamalkan oleh UMNO dalam organisasinya selama ini.

Mereka ini menggunakan kekayaan, menaburkan wang ringgit untuk menguasai anggota-anggota parti khususnya apabila tiba atau menjelangnya musim Perhimpunan Agung Parti, sama ada perhimpu-

nan agung Pemuda, Wanita atau UMNO dewasa di berbagai-bagai peringkat.

Orang-orang seperti ini yang jumlahnya sangat kecil itu selalunya menaburkan fitnah dan sanggup membeli undi jika berlaku pertandingan merebut jawatan dalam parti. Mereka ini juga sanggup menyebarkan surat-surat layang yang beranika rupa sebagai satu tektik kotor untuk memperolehi kuasa.

Ahli politik (selalunya yang bericta-cita terlalu tinggi) yang bercorak komersial ini tidak akan takut ataupun tidak akan segan silu lagi akan melakukan apa sahaja demi untuk menang dalam sebarang pemilihan dalam parti. Mereka sanggup menjadi penaja dan sponsor asal saja orang-orang yang dipancingnya itu sanggup menyokongnya.

Terdahulu saya menggunakan perkataan fitnah (meminjam kata-kata Datuk Sri Dr. Mahathir dalam Ucapan Dasarnya di Perhimpunan Agung lalu) kerana saya ingin kaitkan kata-kata ini dengan para calon pemimpin parti yang gemar bermuka-muka. Di depan pucuk pimpinan mereka akan cakap lain dan di depan golongan-golongan tertentu pula mereka akan 'menciptakan berbagai keburukan pemimpin-pemimpin lain' dan memburuk-burukkan orang-orang yang tidak disenangi kerana mereka itu tidak tergolong ke dalam 'kliknya'.

Anggota parti atau pemimpin-pemimpin seperti ini lazimnya sangat licin, cekap, pintar dan lihai. Jarum yang ditanamnya sangat halus. Cara dan kaedah yang dipakai untuk 'naik' sangat **subtle.**

Mereka akan menggunakan isu-isu kotor dan mencari kesempatan di atas kesalahan orang lain (pemimpin lain) yang walaupun tersangat kecil. Dan lebih bijak lagi mereka akan membina 'dinding-dinding' yang amat kukuh sebagai **camouflage** dirinya takut diketahui orang atau oleh pucuk pimpinan.

Orang-orang seperti ini bila tiba waktunya barulah 'kenal' orang, barulah ingin memesrakan dirinya dengan orang lain. Sebelum itu, menjelang perhimpunan, mereka akan memasang agen-agen untuk melobi bagi pihaknya. Mencari wartawan atau **freelance** supaya menulis hal-hal yang baik tentang dirinya. Memberi upah yang lumayan pula kepada 'penulis-penulis' tadi supaya selalu membuat susulan dan menyiarkan berita-berita, atau rencana-rencana dengan gambar-

nya sekali.

Perlakuan-perlakuan seumpama ini pada hemat kita memangnya suatu kegiatan 'kotor' yang boleh menjejaskan imej dan maruah parti. Dalam proses kita meletakkan demokrasi dalam parti ditempat yang paling atas rasanya perbuatan-perbuatan seperti ini sepatutnya dihalang dari berleluasa. Ahli-ahli politik yang bercorak komerial ini sepatutnya jangan dibiarkan menjadi kudis dan kurap panau kepada parti yang selama ini dijaga, dikawal dan dipupuk 'kebersihannya' itu.

Janganlah hendaknya dibiarkan kegiatan-kegiatan yang negatif ini menular di dalam UMNO kerana UMNO sejak semula adalah parti yang disegani oleh kawan dan musuh. Kerana UMNO adalah tunggak pentadbiran negara ini, ia seharusnya menjadi contoh yang baik, dan sepatutnya prestasi yang baik ini dipertahankan akan keseimbangannya.

Jika perkara seperti ini tidak dipedulikan maka UMNO akan selalu mengalami keadaan yang tidak stabil dalam kancah perebutan jawatan dalam parti yang berlangsung dari masa ke semasa itu. Keadaan seperti inilah juga kita dapati menyebabkan orang-orang yang berkepentingan itu akan cuba mengeksploitkan isu-isu (walaupun isu itu tidak seharusnya bukan bidangnya untuk dibangkitkan).

Dan inilah juga puncanya sering berlaku 'ketegangan' dan 'konfliks' terutamanya di peringkat Bahagian atau Pusat apabila tiba waktu pemilihan jawatan diadakan.

Menyedari hakikat ini rasanya ucapan Datuk Musa Hitam di Kampung Siput, Perak, Sabtu 12hb. November '83 itu perlu sekali direnung kembali dan cuba mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menyekat dari membiak apa yang dikatakan 'ahli politik yang bercorak commersial' di dalam UMNO.

Tidak ada jalan dekat dan mudah untuk naik di dalam UMNO. Tetapi kalau cara itu juga yang diingini, maka kewibawaan parti UMNO tentunya akan terjejas. Lalu, siapakah kelak yang akan bertanggungjawab?

5

KENAPA DEB PATUT BERTERUSAN SELEPAS 1990?

SOAL masa depan biasanya menjadi tidak pasti, lebih-lebih lagi yang berhubungan dengan politik dan ekonomi orang-orang Melayu di negara ini. Tahun 1990 tahun berakhirnya Dasar Ekonomi Baru, tinggal cuma tak sampai tujuh tahun lagi. Sungguh pantas rasanya masa bergerak. Tahun 1990 merupakan satu detik masa yang amat penting bagi kaum Bumiputra. Masa tujuh tahun yang masih berbaki itu perlulah dimanfaatkan dengan sungguh-sungguh.

Apakah pada tahun 1990 nanti kita akan dapat temui **incoporated man** dari kalangan Bumiputra. Berapa ramaikah agaknya orang Melayu yang akan menjadi jutawan? Berapa banyakkah harta Bumiputra akan terkumpul dalam Amanah Saham Nasional? Berapa banyak syarikat Bumiputra yang berjaya menyertai projek persyarikatan dan penswastaan yang dijalankan oleh kerajaan itu? Dan apakah kita benar-benar akan dapat berbangga bila tibanya tahun 1990? Semuanya masih tidak pasti, tetapi bagi yang arif mereka tentunya akan dapat meramal, tetapi ramalan seperti juga ramalan cuaca tidak pernah tepat!

Tetapi nampaknya matlamat pencapaian 1990 tidak begitu optimis. Kerajaan telahpun menyedari hal ini. Demikianlah baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam telah mengakui ketika berucap di satu majlis makan malam bahawa Dasar Ekonomi Baru (DEB) gagal mencapai matlamat asalnya. Dan kerajaan telah mengambil langkah yang positif melanjutkannya selepas tahun 1990 bagi mengatasi beberapa **shortfalls.**

Datuk Musa yakin draf polisi yang dipinda akan dipersetujui oleh kabinet dan telah dibentangkan dalam Parlimen pada bulan Mac 1984 lalu. Rasanya ini semua akan dapat berjalan lancar mengingatkan mesyuarat Majlis Perancangan Kebangsaan (National Planning Council) yang Datuk Musa turut menghadirinya telah membuat persiapan-persiapan terakhir untuk tujuan tersebut.

Dasar Ekonomi Baru yang mula dilancarkan pada tahun 1970 adalah satu polisi yang besar, lahir dari wujudnya keadaan ketidakseimbangan sosial dan ekonomi yang telah mencetuskan Peristiwa 13 Mei 1969. Semasa Allahyarham Tun Abdul Razak melancarkannya, DEB mempunyai dua matlamat utama: pertama untuk menghapuskan kemiskinan di kalangan rakyat berbilang bangsa dan kedua bagi menyusun semula masyarakat supaya jurang ekonomi yang berbeza antara kaum Bumiputra dan non-Bumiputra dapat dikurang dan dihapuskan. Atas asas dan objektif inilah DEB merupakan satu **rationale** langkah-langkah perlaksanaan seperti dalam bidang-bidang pelajaran, perdagangan, pertanian dan faktor sosio-ekonomi yang lain-lain. Kegiatan-kegiatan ekonomi telah diserahkan kepada Kerajaan secara langsung khususnya yang berhubungan dengan kegiatan ekonomi milik Bumiputra.

Pada waktu yang sama, sektor swasta bagi memenuhi tujuan matlamat kedua akan turut memainkan peranan bahu membahu dengan kerajaan. Dan salah satu perancangan yang amat signifikan ialah menaja latihan dan kemudahan pelajaran kepada Bumiputra pada peringkat tinggi (tertiary).

Telah ditetapkan pada tahun 1970 bahawa perkembangan perbelanjaan pelaburan sektor swasta akan dibantu oleh **impetus** yang kuat dari usaha perkembangan sektor awam. Lalu langkah wajar ia-

lah dengan memodenkan ekonomi secara mengurangkan kadar pengangguran dengan meningkatkan pengeluaran di kawasan luar bandar, juga berusaha menambah pendapatan khususnya dalam bidang pertanian dengan memberikan secara percuma atau subsidi segala macam perkhidmatan sosial.

Pada objektif yang kedua, mewujudkan masyarakat Melayu yang lebih bersifat commerical dan industrial dalam semua kategori dan pada semua peringkat dengan harapan orang-orang Melayu dan kaum **indigenous** lain boleh menjadi rakaniaga dalam kehidupan ekonomi di negara ini.

Kini apakah kedua-dua objektif tersebut telah tercapai setelah empat rancangan Malaysia dilancar dan dilaksanakan? Jawapan kepada persoalan inilah sedang difikirkan oleh pihak kerajaan dan ahli-ahli ekonomi tempatan. Datuk Musa Hitam sendiri melahirkan perasaan pessimisnya apabila diwawancara oleh **Asean Forecast** baru-baru ini. Ini jelas apabila ditanya apakah objektif-objektif DEB akan diteruskan selepas 1990 Datuk Musa menjawab:

"Sekiranya penghapusan kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat tidak tercapai pada tahun 1990, kerajaan akan mengadakan satu strategi baru. Kita kena fikirkan satu strategi baru, meskipun kita andaikan kejayaan DEB sebab kita adalah sebuah masyarakat yang dinamik. Ianya mestilah dapat diterima oleh seluruh masyarakat selaras dengan proses sistem politik kita. Tetapi lebih penting dari itu di sana mesti ada **consensus** dan persefahaman di antara parti-parti yang menjadi kerajaan terdiri dari Melayu, China, India dan lain-lain entiti bukan Melayu."

Sewaktu berucap di Universiti Pertanian pada pertengahan bulan Mei '83 lalu, Datuk Musa pernah memberi ingatan atau melahirkan keraguannya bahawa beliau tidak begitu senang dengan cara-cara dan langkah-langkah menghapuskan kemiskinan. Menurutnya jurang perbezaan kian luas, tetapi berbanding dengan negara-negara lain, kita sudah baik. "Tetapi dalam konteks Malaysia, saya belum puas hati," kata Datuk Musa.

Seperti dijelaskan oleh Datuk Musa walaupun pendapatan petani telah meningkat dari $200 menjadi $300 tetapi apa yang didapati

oleh pekerja-pekerja di kawasan bandar satu kali ganda dari jumlah itu. Ini bukanlah satu kejayaan yang memuaskan. Kerajaan sedang menyemak bagi separuh penggal RMK4. Kemudian barulah memikirkan penyusuan RMK5. Adalah masih terlalu awal untuk membuat satu penilaian yang benar-benar jitu mengenai kejayaan DEB ini. Namun sekiranya kita melihat kepada angka, kita dengan mudah dapat mengatakan sudah sampai matlamat 30%. Ini sangat fluid dan komplek.

Rasanya DEB terlalu menekankan kepada statistik dan materialisme bila mengukur akan kejayaannya. Kini kita tiba pada tahap ketiga di mana kita perlu memberi konsep sebenar negara Malaysia yang kita ingini atau cita-citakan itu dan untuk itu kita kenalah **reorientate** strategi supaya kita akan mencapai matlamat. Dan DEB patut mencapai matlamatnya pada tahun 1990, tetapi 1990 sudah menjelang dan adalah wajar kini kita meneliti semula apa yang telah dilakukan dan sejauh mana pula kejayaannya.

Penelitian atau semakan bukan sahaja dilakukan oleh pihak kerajaan tetapi juga oleh orang-orang perseorangan khususnya ahli ekonomi. Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz, misalnya seorang tokoh ekonomi yang disegani di negara ini dalam satu wawancara dengan akhbar **Merdeka** lidah resmi UMNO telah mencadangkan supaya tempoh pencapaian DEB dilanjutkan kerana kemelesetan ekonomi negara sekarang yang melembabkan usaha kerajaan untuk membantu golongan miskin. Sambil menyatakan beliau tidak nampak matlamat DEB boleh dicapai pada tahun 1990, Prof. Ungku Aziz berkata usaha untuk memajukan orang Melayu yang masih ditahap kemiskinan, memerlukan masa yang lebih lama, apatah lagi masalah kemelesetan ekonomi yang kini meruncing.

Walaupun kita tidak begitu optimis akan matlamat DEB itu boleh dicapai pada 1990, tetapi tidak dapat dinafikan bahawa rancangan-rancangan Kerajaan di bidang ekonomi, industri dan pendidikan untuk mewujudkan golongan profesyenal Melayu dan jutawan Melayu itu telah mula nampak kejayaannya. Ini terjadi secara perlahan-lahan dan bukannya mendadak. Tetapi masalah yang lebih pokok dalam matlamat menghapuskan kemiskinan ialah masalah

pendapatan golongan miskin seperti petani, nelayan dan buruh kasar tidaklah begitu berjaya.

Saya mengambil contoh yang dikemukakan oleh Prof. Ungku Aziz di mana kehidupan 80,000 orang nelayan masih belum terbela walaupun mereka itu sudah mempunyai persatuan dan koperasi serta berpuluh-puluh projek yang telah dan sedang dijalankan oleh pihak pemerintah.

Demikianlah juga jika kita melihat kepada keadaan pembangunan di kawasan-kawasan luar bandar – tidak seimbang. Ini menyebabkan ramai anak muda kita yang tidak berpelajaran atau yang berpelajaran berhijrah ke bandar-bandar besar. Dan akibatnya desa menjadi sepi dan lengang.

Kita sangat bersetuju dengan pendapat Prof. Ungku Abdul Aziz yang mendedahkan bahawa kegagalan sebahagian besar rancangan di negara ini adalah timbul dari para pegawai dan perancang projek-projek tersebut. Kata Ungku Aziz, "mereka tidak merancang dengan sebenarnya untuk menambahkan pendapatan kaum tani. Mereka buat rancangan kadang-kadang untuk bersaing antara satu perbadanan dengan satu perbadanan yang lain, kadangkala merancang untuk tujuan mendapatkan pangkat, mahu mencari populariti dan menjadi wakil rakyat".

Seperti saya sebutkan terdahulu kerajaan memang sedar akan hal ini. Malah hasil dari beberapa **review** DEB dan RMK4 telah menenggelamkan harapan untuk mencapai hasil yang memuaskan. Dan suatu pemikiran semula yang cermat dan teliti ke atas objektif-objektif asal DEB yang terlihat tanda-tanda tidak dapat dicapai sepenuhnya itu patutlah dilakukan.

Kita mestilah menerima kenyataan bahawa DEB telah tidak dapat mencapai matlamat seperti yang diharap-harapkan. Strategi-strategi baru bagi memenuhi konsep DEB dan RMK4 akan dapat melebarkan lagi perkembangan ekonomi di samping menghadapi keadaan meleset. Langkah kerajaan hendak menggiatkan lagi inisiatif kepada sektor swasta adalah wajar dan praktikal.

Dan ini sejajar pula dengan mengadakan semula satu stretegi baru kepada DEB dan RMK4, dan seperti dijelaskan oleh Datuk

Musa renovasinya tertumpu kepada enam faktor bagi menentukan kejayaan ekonomi. Enam faktor yang **crucial** itu adalah sebagai berikut:

* Ekonomi dunia mestilah mempunyai kadar perkembangan yang positif ke atas Malaysia yang sebaliknya dapat bersaing.
* Penentuan atau pengecaman kepada keutamaan-keutamaan pembangunan, dan mengimbangi antara pengeluaran bahan-bahan siap dan pertanian.
* Kejayaan 'Malaysia Incorporated' – satu kerjasama yang erat di antara sektor awam dan sektor swasta, boleh menentukan kemajuan ekonomi.
* Daya pengeluaran – menentukan hasil pengeluaran untuk kegunaan tempatan dan eksport dan darjah pertandingan hasil keluaran Malaysia di pasaran dunia.
* Re-identification ke atas realiti-realiti baru menghadapi DEB.
* Pembaharuan pola dan sikap untuk bekerja.

Dalam menempuh cabaran baru bagi kejayaan DEB di masa-masa akan datang keenam strategi baru ini mestilah dilaksana berlandaskan strategi tersebut di samping dari masa ke masa membuat penyemakan semula untuk membolehkan para perancang dan pentadbir membuat strategi baru dan mengambil langkah-langkah yang lebih positif.

Dalam konteks pembaharuan inilah usahawan-usahawan Bumiputra mestilah lebih bersikap bergantung kepada diri sendiri atau berdikari, dan cuba elakkan daripada bergantung kepada bantuan kerajaan sahaja.

Seperti kata Datuk Musa, kita mempunyai cukup wang dan tenaga selama 10 tahun yang lalu, tetapi kini bila kita menghadapi zaman meleset, kita mengalami kekurangan wang. Dari kenyataan terus terang dari kerajaan ini, kaum Bumiputra mestilah mengubah sikap; lebih berdikari apabila menghadapi keadaan ekonomi dan pergolakan politik dunia yang amat mencabar itu.

Sementara bagi kegiatan badan-badan yang bertindak selaku agensi kerajaan dalam pelaksanaan DEB yang begitu banyak itu, patutlah menyelaraskan semua kegiatan agensi-agensinya itu yang selama ini bergiat untuk membantu golongan miskin di luar bandar.

6

BILA KASSIM AHMAD PUJI DASAR DR. MAHATHIR

LIMA HARI sebelum buku terbarunya yang diberi jodol **Universiti Kedua: Kisah Tahanan Di Bawah ISA** dilancarkan oleh Media Intelek selaku penerbitnya, Kassim Ahmad sebagai sifatnya Pengerusi Kebangsaan Parti Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) telah memuji konsep dan dasar yang diperjuang dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia sekarang ini.

Saya tidak berapa terkejut sangat apabila membaca kenyataan Encik Kassim hasil dari temubualnya dengan akhbar harian **Utusan Malaysia** yang disiarkan pada Jumaat 17hb Jun '83 lalu. Dan saya jadi tambah tidak terkejut lagi apabila selesai membaca buku terbarunya itu pada Khamis 23 Jun berikutnya.

Encik Kassim nampaknya cukup senang dengan konsep dan dasar pemerintahan kerajaan pimpinan Dr. Mahathir dan Menteri Dalam Negeri yang juga TPM, Datuk Musa Hitam; sehingga pada halaman 154 beliau menulis: "Saya tabik kepada Menteri Dalam Negeri! Inilah Menteri yang serius dan mengambil berat".

Kassim beranggapan demikian kerana Datuk Musa sendiri telah menandatangani 165 keping borang-borang untuk pembebasan orang-orang tahanan, yang biasanya kebanyakannya akan meletakkan copnya sahaja.

Barangkali bukanlah kerana beliau telah dibebaskan tanpa syarat menjelang Hari Raya Puasa bulan Jun 1981 (beliau ditahan pada 3 November 1976) makanya beliau memuji Mahathir dan Musa. Kassim, dalam pujiannya itu merasa senang dengan perlaksanaan bebe-rapa dasar dan konsep seperti Kepimpinan Melalui Tauladan, Dasar Pandang ke Timur, mewujudkan pentadbiran Bersih, Cekap dan Amanah, serta Islamisasi yang diserapkan dalam pentadbiran sekarang.

Encik Kassim berpendapat jika kesemua konsep dan dasar tersebut betul-betul dilaksanakan oleh kerajaan seperti yang dicadangkan terutamanya sikap bersih, cekap dan amanah, akan memberi kebaikan kepada bangsa dan negara.

Dari kenyataan yang terus terang ini jelaslah Kassim telah terpesona dengan konsep Bersih, Cekap dan Amanah yang dicipta oleh Dr. Mahathir dan dalam pilihanraya Barisan Nasional yang telah diterima baik oleh segenap lapisan rakyat.

Sebagai seorang intelektual yang selalu memperjuangkan keadilan kepada rakyat, memanglah wajar sekali 'sokongan' yang ditunjukkan olehnya itu. Tetapi agak sayang sedikit intelektual-intelektual dari parti-parti pembangkang yang lain masih enggan memberi pujian kepada konsep tersebut meskipun begitu, jauh di dalam hati keciil mereka memangnya menyetujui dan menyokong konsep itu.

Oleh kerana kepentingan parti, mereka tetap berdegil dan mencela dan sekali sekala menyindir dengan maksud memperli konsep itu. Jauh sekali dari bersikap rasional sepertimana yang ditunjukkan oleh Kassim Ahmad itu iaitu ketua sebuah parti pembangkang. Sebaik-baik sikap yang terpuji ialah kita memuji kalau sesuatu itu benar-benar baik dan bolehlah kita mengkritik secara terbuka dan jujur kalau sesuatu itu benar-benar kita merasa gagal ataupun merugikan.

Yang menghairankan kita terdapat golongan pemimpin-pemim-

pin politik yang apa kerajaan lakukan bagi mereka serba tak kena. Menubuhkan Universiti Islam dikritiknya, adakan Bank Islam pun dikritiknya, melarang orang Islam memasuki Kasino di Genting Highland pun tidak memuaskan mereka; sedangkan semuanya itu kalau difikirkan merupakan salah satu dari berbagai-bagai langkah menuju ke arah proses Islamisasi pemerintahan kerajaan pimpinan sekarang.

Tetapi nampaknya Kassim Ahmad bukan sahaja mempunyai pandangan yang rasional sebaliknya keterbukaan fikirannya menerima hakikat adalah patut dipuji dan dihormati. Oleh sebab itulah beliau tidaklah begitu optimis sangat, tetapi dengan jujur menegaskan "semuanya itu (konsep dan dasar) jika betul-betul dilaksanakan akan memberi kebaikan kepada bangsa dan negara".

Nampaknya sikap Dr. Mahathir yang semenjak lama dahulu mengamalkan "politik terbuka" telah menarik minat Kassim Ahmad. Menurut pandangan Kassim sikap pemerintahan Dr. Mahathir lebih liberal. Dan lantaran itu beliau sangat tertarik dengan "style" pentadbiran Mahathir, lebih-lebih lagi dengan sikap politik terbuka itu terlihat badan-badan politik dan bukan politik dan mass-media (sebaran am) boleh (bebas) membuat kritik-kritik yang memberi pandangan mengenai dasar kerajaan.

Sebetulnya style seperti ini disenangi oleh semua pihak, terutamanya pihak akhbar. Kini terlihat ada semacam rasa tanggungjawab yang lebih dari akhbar-akhbar tempatan untuk meneliti setiap dasar dan konsep kerajaan untuk kemudiannya diberi penilaian atau pandangan dengan niat yang baik seperti untuk membina atau turut memainkan peranan yang lebih vital bagi menentukan segala konsep dan dasar tersebut sampai ke matlamatnya.

Style seperti inilah juga kita dapati pembebasan orang-orang tahanan politik tempohari tidak dikena sebarang syarat, pembebasan Kassim Ahmad sendiri, pembebasan bekas Timbalan Menteri seperti Datuk Abdullah Ahmad dan Encik Abdullah Majid. Pelepasan seperti ini bertujuan memberi hak seseorang individu itu supaya mereka dapat menikmati kebebasan mereka dalam sebuah negara yang mengamalkan dasar pemerintahan demokrasi tulen.

Seperti pandangan Kassim bahawa peluang yang diberikan oleh

pihak kerajaan pimpinan sekarang membolehkan perbincangan bebas di kalangan ahli masyarakat bagi meneliti, mengkaji dan meninjau dan kemudian mengkritik dasar kerajaan akan mendatangkan manfaat kepada masyarakat itu sendiri. Cara sebaiknya ialah pada waktu yang sama kerajaan patutlah memberikan perhatian kepada teguran-teguran atau kritikan tersebut.

Ini telah dilakukan oleh kerajaan apabila Perdana Menteri telah menggalakkan pegawai-pegawai tinggi kerajaan, Menteri-menteri dan Timbalan Menteri serta juga Setiausaha Parlimen supaya sentiasa membaca laporan-laporan di dalam akhbar bagi mendapatkan feedback sambutan masyarakat atau rakyat bagi satu-satu dasar, konsep ataupun projek-projek yang dilancarkan dan dilaksanakan oleh kerajaan. Dan pada waktu yang sama akhbar selaku sifatnya sebagai **The Fourth Estate** patutlah pula bersikap adil, jujur dan lebih bertanggungjawab.

Menilai keadaan politik di negara waktu ini Kassim berpendapat," sikap politik terbuka dengan mengadakan dialog dan bermuafakat akan memberi faedah besar kepada rakyat dan negara". Jelas pada anggapan Kassim bahawa politik yang saling berkonfrontasi seperti yang diamalkan pada tahun-tahun 60-an dahulu tidak lagi sesuai dipraktikkan di zaman ini.

Sebetulnya politik konfrontasi ini mahu dihapuskan oleh Perdana Menteri semenjak beliau menawarkan PAS menyertai BN, tetapi PAS menolak sehingga akhirnya menimbulkan pergolakan yang hebat di dalam PAS. Akhir-akhirnya PAS retak dan Datuk Asri serta pengikut-pengikutnya menubuhkan sebuah parti baru diberi nama Parti Hizbul Muslimin atau singkatnya Hamim.

Politik non-konfrontasi ini boleh meredakan keadaan terlalu lebih 'politiking' yang merugikan bukan sahaja orang-orang politik, tetapi juga rakyat di luar bandar. Ini jelas apabila kita meneliti semula beberapa insiden yang telah berlaku yang bukan sahaja memecahbelah masyarakat, tetapi juga boleh menjejaskan agama Islam yang mulia yang menjadi agama rasmi negara ini."

Saya kira pendapat Kassim tentang Konsep Kepimpinan Melalui Tauladan itu sebagai suatu hal yang sesuai dan selaras dengan ajaran

Islam adalah benar dan wajar. Memangnya kita orang Islam selalunya mengamalkan apa yang pernah diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW. Kita mengharapkan (seperti juga harapan Kassim) agar konsep tersebut tidak akan tinggal sebagai slogan kosong.

Kassim juga kemudiannya telah mengalu-alukan langkah kerajaan pimpinan sekarang yang telah mengambil langkah menyerapkan nilai-nilai keIslaman di dalam pentadbiran kerajaan. Beliau menganggap langkah tersebut sebagai suatu perkembangan yang baik "oleh kerana agama Islam adalah ajaran yang universal".

Kassim sendiri akhir-akhir ini (seperti tercatat dalam bukunya) mula berminat secara mendalam tentang Islam dan bahasa Arab, malah ketika di dalam tahanan beliau telahpun berjaya menerbitkan sebuah risalah yang diberi jodol Masalah Teori Sosial Moden Islam.

Beliau juga tertarik kepada dasar Pandang ke Timur oleh kerajaan sekarang ini. Meluahkan perasaan bersetujunya dengan dasar ini Kassim berpendapat dari segi positif ia merupakan satu peralihan psikologi yang baik di mana kalau dahulunya rakyat negara ini terlalu mendewa-dewakan Barat tetapi sekarang telah beralih ke Timur. Katanya, "mengamalkan etika kerja orang-orang Jepun juga suatu aspek positif tetapi diharap kerajaan dapat menghindarkan aspek-aspek negatif kapitalis yang diamalkan oleh Jepun".

Nampaknya di samping meluahkan perasaan senangnya dengan pentadbiran kerajaan pimpinan Dr.Mahathir itu Kassim juga cuba menimbulkan beberapa pandangan yang agak berat mengenai sistem pelajaran dan ekonomi yang diamalkan oleh kerajaan sekarang ini.

Pandangan beliau yang agak menarik ialah tentang pembentukan individu melalui sistem pelajaran. Katanya kalau sistem pelajaran itu terlalu menitik beratkan pelajaran akademik sahaja ia mengabaikan pembentukan seseorang individu itu sebagai seorang manusia yang berakhlak tinggi dan bertanggungjawab kepada masyarakat.

Beliau lalu menyeru kerajaan supaya sistem pendidikan yang ada sekarang perlu difikirkan semula jika kita tidak mahu mewujudkan masyarakat yang mementingkan kebendaan, manusia robot dan kurang bertanggungjawab kepada masyarakat.

Pandangan Kassim itu rasanya lebih nyata jika dilihat pada keadaan perkembangan di universiti-universiti tempatan. Seperti katanya, universiti-universiti tempatan lebih memberikan tumpuan kepada pelajaran-pelajaran akademik dan mengabaikan soal-soal akhlak dan peribadi manusia.

Nampaknya kritikan atau pandangan Kassim ini jauh lebih 'lembut' dan positif nadanya jika dibandingkan dengan pandangan dan kritikan Prof. S. Husin Ali teman akrab Kassim yang juga bekas Setiausaha Agung PSRM.

Sewaktu diminta mengulas oleh beberapa akhbar tempatan sempena genap satu tahun Dr. Mahathir menjadi PM, Prof. S. Husin berkata bahawa style Dr. Mahathir tidak jauh berubah dengan style Tengku Abd. Rahman, Tun Abd. Razak dan Tun Hussein Onn.

Dan ketika berucap di Majlis Perjumpaan Hari Raya di Temerloh yang dianjurkan oleh PSRM tahun lalu, beliau berkata pembangunan banyak merupakan **prestige project** dan ditumpukan di bandar-bandar. Ini, kata Prof. S. Husin menguntungkan pihak pemodal. Beliau juga mengkritik dasar luar Malaysia, sistem ekonomi dan menyatakan PSRM (sosialis) tidak bertentangan dengan Islam.

Sehingga saat rencana ini ditulis sudah hampir dua minggu kenyataan Kassim itu dan nampaknya beliau tidak mendapat sebarang tentangan dari anggota parti. Tidak seperti waktu beliau menerbitkan risalah Masalah Teori Sosialis Moden Islam dahulu, beliau telah disuruh meletekkan jawatan sebagai pengerusi pusat PSRM dan pada waktu yang sama Mimbar Sosialis lidah rasmi PSRM dalam rencana pengarangnya yang disiarkan di muka depan telah mengkritik risalah Kassim atas nama parti dan secara terbuka.

Anehnya, pandangan Kassim secara terbuka terhadap dasar dan konsep pemerintahan Dr. Mahathir yang lebih banyak memuji itu tidak pula menimbulkan sebarang riaksi yang negatif sama ada dari tokoh-tokoh pemimpin mahupun dari anggota-anggota biasa PSRM.

Atau apakah PSRM sedang mengalami perubahan yang radikal?

7

NAK BANTU PENIAGA MELAYU PUN TUNGGU AMARAN DULU

NAMPAKNYA sekarang ini musim semua perkara tunggu amaran dulu baru hendak bertindak atau baru 'dengar kata'. Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir dan Menteri-menteri lain terpaksa memberi amaran dan ingatan sama ada tentang komunis, tentang dadah, tentang orang kerajaan dan pegawai kerajaan kalau hendak menceburkan diri dalam perniagaan, tinggalkan saja kerajaan atau jawatan dalam kerajaan.

Dan kisah amaran demi amaran ini berlaku terus sejak datuk nenek hatta 'jangan buang habuk rokok di atas lantai' pun terpaksa dipasang di dinding-dinding kantin, restoran ataupun juga di bilik mesyuarat. Dari keadaan tokoh-tokoh pemimpin, agama dan pendidik terpaksa memberikan amaran-amaran seperti ini jelas seolah-olah rakyat di negara ini sangat kurang atau merosot disiplinnya.

Dan baru-baru ini ketika berucap di majlis "Seminar Pembangunan Industri Bank di Malaysia", Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telah memberi amaran lagi dengan menegaskan bahawa kerajaan akan mengenakan panduan baru yang tegas jika bank-bank

perdagangan tempatan tidak bersungguh-sungguh membantu peniaga-peniaga Bumiputra sejajar dengan kehendak yang diingini oleh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Amaran ini adalah serius dan bank-bank perdagangan tempatan janganlah memandang remeh kerana kerajaan sudah tentu akan berbuat atau melakukan apa saja demi untuk mencapai matlamat DEB yang telah direncanakan demikian lama itu. Sudah tentu pada hemat kita, Tengku Razaleigh tidak akan mengeluarkan amaran yang begitu keras sekiranya perkara tersebut tidak berlaku.

Kita percaya beliau berbuat demikian oleh kerana terdapat banyaknya aduan-aduan yang bank-bank perdagangan tempatan enggan atau tidak mahu bekerjasama bagi membantu peniaga Bumiputra khususnya yang menjalankan industri kecil.

Perkataan tidak bersungguh-sungguh membantu peniaga-peniaga bumiputra jelas secara tidak langsung menunjukkan pihak bank-bank perdagangan tempatan cuma melepaskan batuk di tangga saja dalam perkara ini. Kalau ini benar, maka bagaimanakah kita akan mencapai matlamat DEB dan 30 peratus ekuiti yang kita harap-harapkan itu? Dan bukankah ini merupakan suatu angkara yang menjadi batu penghalang kepada cita-cita murni kerajaan dan rakyat negara ini?

Rasanya amaran yang dibuat oleh Menteri Kewangan memangnya kena pada masa dan tempatnya dibuat mengingatkan perkara bank-bank perdagangan tempatan 'sangat berkira' hendak memberikan bantuan kredit kepada peniaga-peniaga bumiputra itu semenjak lama dahulu. Dan seperti kata Tengku Razaleigh yang menegaskan aduan dan sungutan dari peniaga-peniaga Bumiputra, terutamanya pengusaha kecil, yang sekaligus mendakwa mereka tersangat sukar mendapat kredit dan perkhidmatan yang memuaskan dari bank-bank perdagangan tempatan.

Rasanya jika aduan dan rungutan yang dipanjangkan kepada Menteri Kewangan itu benar dan memangnya terjadi hingga ke saat ini, kami kira tindakan yang dilakukan itu adalah amat zalim dan sekaligus boleh membantutkan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang dianjurkan oleh kerajaan itu. Kami menyatakan zalim kerana sudah tentu peniaga-peniaga kecil tersebut sangat-sangat memerlukan kre-

dit yang sangat mendesak untuk memaju dan membesarkan lagi perusahaan mereka.

Kita merasa agak terkilan juga hal seperti ini boleh terjadi berterusan seolah-olah seperti disengajakan. Lebih-lebih lagi kita merasa dukacita oleh kerana pihak kerajaan selama ini telah sedia menggalakkan bank-bank perdagangan tempatan menyediakan pinjaman kepada peniaga kecil Bumiputra melalui Skim Jaminan Kredit dan Skim Pinjaman Khas.

Kalàu tidak silap kedua-dua skim ini telah berjalan atau dipraktikkan semenjak sepuluh tahun yang lalu. Kalau benarlah begitu, adalah menjadi tanggungjawab bank-bank di dalam membangun negara mencakupi segala-galanya, bermula dari menentukan kestabilan sosio-ekonomi kepada kestabilan keadaan kewangan negara. Jadi fungsi bank bukan sekadar memberikan bantuan pinjaman kepada seseorang, malah menyediakan juga khidmat nasihat kewangan dan strategi perniagaan yang sesuai untuk diceburi.

Apakah kesemua ini dilakukan dengan sempurna oleh bank-bank dalam negara ini khususnya dalam hubungan memberi pinjaman kepada peniaga-peniaga Bumiputra. Hanya peniaga-peniaga Bumiputra yang terlibat dengan bank sahajalah yang boleh menjawab soalan ini. Tetapi secara tidak langsung kita telah dapat membayangkan keadaan sebenar jika difahami akan ucapan Tengku Razaleigh tempohari.

Masyarakat umum selalu menganggapkan bahawa tugas bank di negara kita ini termasuk juga institusi kewangan dalam menyumbangkan bantuan kewangan kepada peniaga Bumiputra cukup besar. Sepatutnya begitulah. Akan tetapi dari amaran Menteri Kewangan itu terlihat tugas itu tidak memberikan prioriti yang sewajarnya. Sedangkan pada hakikatnya setiap perniagaan tidak akan dapat bergerak dengan baik tanpa peruntukan kewangan yang cukup dari bank-bank tempatan.

Oleh demikian kita dapati kerajaan melalui Bank Negara memberikan perhatian khusu3 terhadap penglibatan bank-bank dan syarikat kewangan dalam membantu rakyat bagi mempertingkatkan lagi

prestasi sosio-ekonomi mereka. Demikian besarnya harapan kerajaan kepada bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan di negara ini.

Tetapi ternyata pihak yang diharapkan itu tidak bergerak seperti mana kehendak kerajaan sebenarnya. Ini ternyata apabila Tengku Razaleigh dalam ucapannya itu juga menyentuh sikap bank dan syarikat kewangan yang tidak memberi perkhidmatan susulan yang agak penting untuk memastikan untung rugi dan kejayaan terus-menerus pinjaman projek-projek perseorangan.

Kononnya untuk berbuat demikian berbagai-bagai alasan yang telah diberikan termasuk tidak berkemampuan atau memakan perbelanjaan yang tinggi tetapi mereka gagal untuk mempunyai pandangan jauh bagi mendapat pelanggan yang terbaik dan lama.

Sepatutnya sebagai agen pembangunan ekonomi negara, sistem bank bukan sahaja menyediakan bantuan kewangan tetapi juga pengurusan dan perkhidmatan teknikal susulan lebih-lebih lagi bagi peniaga-peniaga kecil Bumiputra yang kini terdapat menjalankan usaha dengan banyaknya di segenap pelusuk tanahair itu.

Demikian juga perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh bank-bank di negara ini bukanlah pada keseluruhannya memuaskan hati pelanggan. Rata-rata kita dapati masih terdapat banyak kelemahan perkhidmatan yang sepatutnya tidak berlaku. Namun begitu kita merasakan segala kelemahan-kelemahan tersebut masih boleh diperbaiki, terutamanya kelemahan yang terdapat pada bank-bank tempatan yang dimiliki oleh warganegara.

Selain dari bank-bank tersebut patut memperlihatkan kelemahan diri sendiri, ia juga patutlah memperbaiki perkhidmatannya kepada orang ramai atau pelanggannya supaya dapat dipertingkatkan dan diperluaskan. Janganlah terus menerus menjadi sekadar peminjam kepada peniaga-peniaga ataupun orang perseorangan sahaja.

Seperti ditegaskan oleh Tengku Razaleigh bank-bank di negara ini perlu menyediakan setengah dari peruntukan kewangan untuk menyediakan tenaga pengurusan dan teknikal, terutama perkhidmatan sepenuhnya kepada peniaga kecil Bumiputra. Aspek ini sangat penting mengingatkan masalah pengurusan dan teknikallah yang sangat lemah di kalangan peniaga-peniaga kecil Bumiputra.

Selain itu kita juga merasakan pihak bank-bank perdagangan di negara ini perlu sekali menurunkan faedah supaya dapat mengukuhkan pelaburan dan membantu memulihkan ekonomi negara. Sayangnya pihak Bank Negara tidak boleh campurtangan dalam masalah ini kerana kerajaan mengamalkan sistem faedah bebas semenjak bulan Oktober 1978.

Oleh kerana fungsi bank sebagai agen pembangunan ekonomi sesebuah negara, maka dalam konteks negara Malaysia, bank-bank sepatutnya akan memainkan peranan yang lebih penting lagi terutama dalam memesatkan pembangunan ekonomi di kawasan luar bandar, kerana di sinilah kita akan mendapat perusahan-perusahaan kecil Bumiputra yang kurang maju.

Setakat ini bank-bank dan syarikat kewangan lebih banyak menumpukan bantuan dan perkhidmatan di bandar-bandar. Ini tidaklah salah kerana bank itu sendiri adalah berniaga, akan tetapi sebagai sebuah agensi yang turut membantu pertumbuhan ekonomi negara ini, mereka patutlah juga memberikan perhatian yang saksama kepada peniaga-peniaga kecil khususnya yang dikendalikan oleh Bumiputra.

Kita memangnya sedar bahawa kawasan bandar atau kota-kota metropolitan atau kosmopolitanlah pusat perdagangan yang menguntungkan dan memerlukan perkhidmatan yang lebih sophisticated dan juga mengendalikan perdagangan peringkat antarabangsa. Akan tetapi sekali lagi melihat kepada program yang akan datang seperti sedang berjalan lancar pada hari ini; bandar-bandar kecil bergantung kepada kehidupan sekeliling di mana wang simpanan dan kredit akan bertambah dengan pesatnya.

Kerajaan sudah tentu sedang mengambil perhatian berat tentang perubahan struktur ekonomi kawasan luar bandar bagi memastikan perimbangan pembangunan negara. Oleh itu patutlah diingatkan bank-bank perdagangan janganlah mengambil kesempatan dari keadaan kestabilan industri bank di negara ini semenjak satu dekad yang lalu dengan hanya memberi bantuan dan pinjaman kepada pihak-pihak tertentu atau kepada pelanggan-pelanggan yang besar-besar dan potensial sahaja.

Seperti yang disarankan oleh Tengku Razaleigh lagi bank-bank mestilah mempelajari dengan lebih luas lagi akan selok belok dan pengalaman yang dilalui oleh masyarakat bank antarabangsa supaya peraturan dan pengurusan dijaga dan dikawal setiap masa.

Dan sebagai sebuah institusi kewangan yang bebas, bank perdagangan mempunyai kemampuan untuk mencari pelabur dan peluang-peluang itu perlu digunakan sepenuhnya oleh bank bagi kepentingan negara. Jadi bank dapatlah membuat untung yang berlipat ganda dari perniagaan-perniagaan yang besar, dan pada waktu yang sama 'mengambil' sedikit dari keuntungan itu untuk membantu peniaga-peniaga kecil Bumiputra yang sangat-sangat memerlukan bantuan dan pinjaman.

Sehubungan dengan ini bank-bank patutlah juga menyesuaikan diri supaya dapat didekati oleh rakyat biasa. Dengan demikian rakyat akan terasuh untuk menggunakan semua perkhidmatan bank dengan berkesan, industri bank perdagangan yang dapat berkembang dan mendatangkan faedah kepada pembangunan negara. Hubungan ini boleh diperbaiki lagi dengan adanya kemudahan-kemudahan moden seperti komputer yang akan lebih mempercepatkan lagi mutu perkhidmatan bank-bank kepada para pelanggan.

****

8

KRITIK KERAJAAN: CERDIK PANDAI TEORI HANYA BERPELUANG MENGKRITIK.....

TENTU sudah sampai ke pengetahuan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad tentang adanya golongan intelektual atau cerdikpandai teori yang bertugas di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini yang tidak melepas peluang untuk mengkritik setiap apa saja yang dilakukan oleh kerajaan. Ini bertambah jelas apabila sewaktu berucap merasmikan "Simposium Kepimpinan Belia Kebangsaan" di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Star tidak berapa lama dahulu beliau dengan sinis telah membidas golongan itu.

Beliau berkata golongan tersebut hanya pandai mengkritik usaha-usaha kerajaan tetapi gagal memberi sumbangan untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Kenapa agaknya Dr. Mahathir terpaksa menyebutkan hal ini? Ada orang berkata Dr. Mahathir memang orang yang tidak suka kepada kritik. Ada pula yang berkata Dr. Mahathir orangnya sensitif, lekas terasa bila dikritik. Tapi itu semua orang kata saja. Akan hal yang sebenar sukar dipastikan. Tetapi yang jelas dalam hubungan dengan kritik yang dilemparkan oleh kaum cerdikpandai itu

memangnya tidak digemari oleh Dr. Mahathir. Lebih-lebih lagi kritik yang dilemparkan itu kerana hendak mengkritik semata-mata.

Ada setengah manusia menjadi sangat ghairah untuk mengkritik apa saja meskipun apa yang dikritikkannya itu tidak wajar sama sekali. Tetapi mereka akan dapat merasa puas sendiri kerana berjaya melemparkan kritik-kritik tajamnya; apa lagi kritik-kritik itu pula dilontarkan dalam majlis-majlis diskusi, seminar, simposium dan sebagainya.

Dan orang-orang seperti ini tidak akan memuji atau sekadar menyatakan kesenangannya meskipun apa yang dilakukan oleh kerajaan mendapat kejayaan atau berhasil. Tetapi sedikit saja kesalahan, suara mereka akan menjadi lantang mengkritik kesalahan yang kecil itu. Dan orang-orang seperti ini memangnya ramai jumlahnya di beberapa buah menara gading di dalam negara kita ini. Orang-orang seperti ini lebih terkenal sebagai kaki bangkang.

Akhir-akhir ini orang-orang ini sangat lantang mengkritik Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kata mereka DEB hanya lebih menguntungkan golongan yang berada dan mereka yang tidak berada dapat sedikit saja faedahnya. Pendapat seperti ini kononnya berlandaskan teori dan kajian mereka. Anehnya mereka ini hanya pandai mengeluarkan pendapat, tetapi tidak pernah memberikan alternatif sebagai sumbangan positif mereka untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan itu.

Seperti ditekan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri. Dr. Mahathir Mohamad, golongan tersebut lebih berjaya menimbulkan rasa kekecewaan di kalangan sebahagian rakyat. Mereka ini kononnya mendakwa usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh kerajaan tidak memberi faedah kepada rakyat di kawasan luar bandar.

Selain itu Dr. Mahathir menekankan golongan cerdikpandai tersebut juga sering mempersoalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dengan menonjolkan pendapat bahawa DEB hanya menguntungkan golongan yang berada dan mereka yang tidak berada tidak mendapat faedah seperti yang sepatutnya.

Pendapat seperti ini masih boleh dipertikaikan. Barangkali apa

yang mengelirukan ialah hal itu dilihat dari dua kacamata atau pendekatan yang berbeza. Yang satu melihatnya secara akademik sementara yang satu lagi lebih kepada aspek politik. Walaubagaimanapun membuat kesimpulan seperti menidakkan langsung akan faedah yang diperolehi oleh golongan miskin agak keterlaluan. Ini jelas apabila kita lihat hasil dari RM pertama hingga RM keempat telah ramai anak-anak Bumiputera yang berjaya melanjutkan pelajaran sampai ke peringkat universiti luar negeri. Dan kalau dibandingkan dengan zaman sebelum merdeka maka kemajuannya jauh lebih baik semenjak kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Rasanya adalah tidak wajar kalangan cerdikpandai di menara gading memainkan isu-isu dengan memperbandingkan pencapaian satu kaum dengan satu kaum yang lain. Tuduhan-tuduhan yang tidak berasas dan mempunyai motif yang tersirat patutlah dihindarkan. Adalah suatu perbuatan yang amat tidak berfaedah dengan mengeluarkan kenyataan atau tuduhan melulu, tuduhan yang tidak benar kerana itu semua tidak mendatangkan apa-apa manfaat sebaliknya kesannya boleh menimbulkan rasa benci kaum Bumiputera terhadap kaum lain.

Ahli-ahli teori biasanya cuba memperkuatkan analisa dan kajian mereka dengan data-data dan statistik-statistik yang dipetik dari sumber-sumber yang sahih, atau berdasarkan dari hasil penyelidikkan mereka sendiri. Kadang-kadang ketepatan data-data atau statistik tersebut diragui, dan tidak kurang pula ada golongan yang sengaja mempergunakan data-data dan statistik tersebut untuk mengkritik kerajaan.

Apa yang lebih bermanfaat ialah penemuan-penemuan dalam kajian atau penyelidikan mereka itu bukanlah dijadikan alat untuk 'menyerang kerajaan, tetapi sebaliknya patutlah dicari jalan atau langkah-langkah sebagai alternatif bagi mengatasi masalah atau kegagalan. Jika ini terjadi, maka peranan cerdikpandai akan benar-benar memberi sumbangan kepada pembangunan negara ini.

Kesimpulan yang dibuat kadangkala dikemukakan secara mempoliticisedkan sehingga boleh menjadi isu pula. Inilah yang amat

tidak disenangi. Umpamanya dengan mengatakan dasar-dasar dan usaha kerajaan tidak menguntungkan rakyat adalah jelas dikatakan pendapat itu sengaja menggelapkan fakta sebenar, kerana sebenarnya setiap rancangan yang akan dan telah atau sedang dilaksanakan terlebih dahulu dilakukan satu kajian yang teliti dengan mendapat nasihat-nasihat dari pakar-pakar perunding dari dalam dan luar negeri.

Kita ambil saja misalnya mengenai kejayaan dan kegagalan Dasar Ekonomi Baru. Nampaknya pengkritik-pengkritik dari golongan tadi tidaklah sangat mempersoalkan masalah kegagalan atau kejayaannya, tetapi fokus yang lebih ditumpukan ialah DEB itu telah menjadi sasaran politik kerana ada segolongan orang yang tidak senang dan irihati melihat kaum Bumiputera menikmati faedahnya. Sepatutnya hal demikian itu tidak perlu berlaku, kerana sememangnya DEB itu sendiri diadakan untuk menolong Bumiputera sebagai langkah merapatkan jurang perbezaan ekonomi dan juga penyusunan semula masyarakat.

Apa yang cukup mengesalkan, seperti kata Dr. Mahathir di Alor Star tempuh hari terdapat juga golongan Bumiputera yang terpengaruh dengan dakwaan golongan itu dan terus menyetujui dengan pendapat yang mengatakan dasar itu telah menguntungkan golongan kaya sahaja. Pendapat yang tidak usulperiksa dan mudah nya terpengaruh itu patutnya ditapis dan diteliti dengan lebih hati-hati sebelum ianya hendak dikemukakan ataupun hendak mempercayai akan kebenarannya.

Sebagai rakyat yang sangat cinta tanahair kita ini, seharusnya janganlah kita mudah terpedaya dengan dakyah-dakyah yang berbau politik itu. Dakyah-dakyah begini lazimnya tersebarluas kerana ia mempunyai motif politik dan bukannya benar-benar jujur sebagai langkah untuk mengatasi segala masalah yang mereka timbulkan sendiri itu.

Rasanya pihak kerajaan sendiri dari masa ke semasa selalu menerima berbagai-bagai saranan dan cadangan dari para cendikiawan tanahair. Malah dalam banyak hal cukup ramai sekali para intelektual/kita yang membantu kerajaan samadamemberi nasihat ataupun

menjadi pakar perunding apabila sesuatu projek hendak diadakan. Akan tetapi selalunya mereka yang sering mengkritik apa sahaja yang dilakukan oleh kerajaan adalah memangnya 'kaki kritik' yang tidak boleh duduk diam. Begitupun terdapat juga beberapa orang para akademician yang banyak memberi pandangan-pandangan yang konstruktif dalam hubungan dengan pembangunan negara. Sudah tentu golongan ini terlepas dari teguran Dr. Mahathir tempuhari.

Apa yang dikesali oleh Perdana Menteri tempuhari jelas sekali, iaitu beliau tidak begitu gemar dengan golongan cendikiawan yang mengkritik dan bersikap negatif dan gagal untuk memberikan pandangan-pandangan sebagai alternatif yang konstruktif. Memang siapapun tidak akan senang dengan kritik-kritik yang bersifat destruktif.

Malah kalau ditanya kembali apakah usaha-usaha mereka itu untuk menggerakkan sebuah negara yang sedang membangun seperti Malaysia ini? Kenapakah golongan itu mengambil atau menghabiskan begitu banyak masa membahaskan satu polisi setelah ianya berjalan dan dilaksanakan. Tidakkah lebih wajar kalau polisi itu dikritik dan ditegur dengan tujuan membina apabila ianya dicadangkan ataupun semasa **blueprintnya** dikemukakan.

Tidaklah dapat dinafikan lagi bahawa golongan cerdikpandai memangnya mempunyai kesempatan malah digalakkan supaya menegur setiap sesuatu dasar asal saja kritik dan teguran itu membawa kepada kebaikan dan dapat dimanfaatkan bersama. Tetapi adalah suatu yang mengaibkan sekiranya peluang yang baik itu digunakan untuk tujuan bermotif buruk, kerana dengan berbuat demikian kritik tidak lagi menjadi kritik tetapi sebaliknya mengambil 'peluang untuk menghentam' pula. Apakah yang baik dapat dihasilkan hasil dari kita menghentam dasar-dasar yang telah ditentu dan dilaksanakan itu selain dari boleh menimbulkan prasangka dan dapat mengelirukan pandangan sebahagian besar rakyat dari keturunan tertentu.

Golongan cendikiawan yang kaya dengan berbagai-bagai teori

dan mempunyai pandangan ilmiah itu sepatutnya mengemukakan idea atau pendapat dengan tujuan boleh menjadi semacam **check and balance** kepada segala polisi yang sedang dilaksanakan itu. Dengan begitu ia akan lebih banyak manfaat atau faedahnya bagi melicinkan lagi kerja-kerja pemimpin-pemimpin kita mengendalikan sebuah negara.

Apa yang cukup terkilan perasaan bahagian besar para akademik ialah apa yang dikatakan seekor dua kerbau yang membawa lumpur, maka habis kesemuanya terpalit. Inilah yang sudah terjadi. Beberapa kerat sahaja golongan ahli teori itu bersikap menghentam, maka bahagian besar para akademik merasa 'terkena' dengan jawapan Dr. Mahathir yang dapat dibaca dari akhbar-akhbar itu. Sehingga pada suatu ketika perkara ini menjadi topik yang hangat diperkatakan oleh para intelektual di universiti-universiti di negara ini.

Kritik-kritik yang bersifat 'menghentam' patutlah dielakkan, kerana jika suara itu datangnya dari golongan cerdikpandai, maka ia lekas benar dapat mempengaruhi fikiran rakyat. Akibatnya buruk sekali. Pendapat-pendapat golongan cerdikpandai yang hentam itu sudah tentu akan dapat mempengaruhi bahagian keturunan rakyat tertentu untuk tidak menghargai nikmat yang diterima dan ini menjadikan pembangunan yang disalurkan kepada rakyat menjadi tidak berguna.

Sedangkan sekiranya kita amati dengan rasa insaf dan bertanggungjawab, tidak dapat disangkal lagi bahawa kerajaan bukannya tidak memahami penderitaan rakyat, tetapi seperti telah dijelaskan oleh Dr. Mahathir 'cara kita sekarang ialah lebih baik memberi sebentuk kail dari memberi makanan kepada orang lapar'.

Kerajaan, pada hemat kita telahpun menjalankan berbagai-bagai usaha dan mengadakan pelbagai rancangan untuk dinikmati oleh rakyat, malangnya segala kemudahan itu tidak digunakan sepenuhnya. Kalau ini sudah sedia berlaku dan ditambah pula dengan pengaruh kritik yang menghentam tadi, bayangkànlah apakah kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku seterusnya. Sedangkan sebaiknya menimbulkan kesedaran beginilah yang patut dilakukan oleh para pengkritik cerdikpandai teori itu!.

9

ANTARA ULAMAK POLITIK DENGAN ULAMAK KERANA ALLAH

KITA mempunyai ramai sekali orang-orang yang mendapat gelar ulamak di neaara ini hingga tak terbilang lagi ramainya. Tetapi agak sayang sedikit nampaknya para ulamak itu tidak lagi sama peranan dan tugasnya. Dari perkembangan-perkembangan mutakhir ini terlihat ada empat kategori ulamak di negara ini:

* Ulamak yang benar-benar menyebarkan syiar Islam kerana Allah.
* Ulamak yang mendapat gelar ulamak kerana bergiat dalam parti-parti politik tertentu.
* Ulamak cari makan dan
* Ulamak yang diulamakkan oleh orang-orang tertentu.

Dari empat kategori ulamak ini nampaknya ulamak kategori yang kedua, ketiga dan keempat agak merbahaya kepada masyarakat Islam di negara ini kerana kegiatan mereka itu selain daripada boleh menjejaskan imej Islam juga boleh memecahbelahkan perpaduan orang-orang Melayu atau khususnya umat Islam di negara ini.

Dalam rencana singkat ini saya tidak akan menyentuh ulamak

yang benar-benar bekerja menyebarkan atau meningkatkan syiar Islam kerana Allah. Mereka ini tidak perlu dikritik secara terbuka kerana peranan mereka setakat ini memang baik dan tidak pernah menimbulkan masalah terutamanya dari segi kelicinan perjalanan undang-undang Islam di negara ini. Malah mereka lebih banyak membantu kelicinan perjalanan hukum Islam dengan memberikan fatwa-fatwa menurut lunas-lunas ajaran Islam sejati.

Apa yang menarik perhatian saya ialah kepada ulamak-ulamak politik yang cuba mencampuradukkan ideologi kepartiannya dengan ajaran Islam dan ulamak cari makan yang mudah terperangkap kepada umpan yang ditaburkan oleh orang-orang tertentu yang cuba mencari kepentingan diri sendiri.

Jika dilihat dari segi sejarah, maka wujudnya ulamak-ulamak yang mendapat gelar ulamak kerana bergiat dalam parti-parti politik ini apabila tertubuhnya sebuah parti politik yang lahir dari tulang rusuk parti UMNO lebih dua puluh tahun yang lampau. Terbit dari perasaan iri hati mereka itu melihat perpaduan yang kental dalam UMNO mereka menubuhkan sebuah parti baru, dan semenjak itu perpaduan orang-orang Melayu mula terjejas dan tergugat kerana parti baru itu juga dianggotai oleh orang-orang Melayu.

Dari parti baru inilah timbulnya dengan begitu ramai sekali penyertaan tokoh-tokoh agama, tokoh-tokoh lebai kampung, penuntut-penuntut agama pondok-pondok. Akibat dari itu maka terjadilah pula percampuradukkan antara agama dan politik. Dan untuk mencepatkan kuasa dan pengaruh yang lebih luas mereka kemudiannya menggunakan isu-isu yang berhubungan dengan agama Islam. Ini terjadi hinggalah sekarang ini.

Malangnya tokoh-tokoh politik kampungan ini kemudiannya telah dipengaruhi oleh ulamak-ulamak parti tadi sehingga mereka lupa akan peranan dan tugas mereka yang sebenar sebaliknya mereka bergiat di dalam parti politik baru itu.

Antara pengaruh yang sangat kuat merangsangkan mereka ialah apabila ketua-ketua mereka selalu memberi saranan bahawa parti UMNO itu walaupun dianggotai oleh orang-orang Melayu tetapi tidak Islamik. Lantas ketua-ketua mereka meniupkan perasaan benci

kepada UMNO dengan menyatakan bahawa adalah lebih baik kita berpecah daripada kita mengikuti apa yang kononnya tidak sesuai dan cocok dengan agama Islam yang dianuti selama ini.

Seruan atau saranan seumpama ini pada satu waktu dahulu menerima sambutan yang cukup hebat di kalangan anggota-anggota parti tersebut. Ekorannya sehingga mereka sanggup berpecah sesama sebangsa kerana politik atau tegasnya kerana saranan yang berdasarkan kepentingan politik tadi.

Demikianlah kita dapati baru-baru ini sehingga berlaku berbagai-bagai peristiwa yang menjejaskan kewibawaan agama Islam dan memecahbelahkan masyarakat Melayu yang selama ini terkenal sebagai sebuah masyarakat yang hidup penuh perpaduan dan persaudaraan itu.

Berlakulah perceraian antara suami isteri yang menganut fahaman politik yang berbeza, terjadi akad nikah dua kali kerana berlainan politik: dan yang paling menyayatkan hati ialah terjadinya peristiwa sembahyang dua imam yang memalukan masyarakat Islam/Melayu itu.

Apa yang menyedihkan kita semua kejadian-kejadian yang merugikan perpaduan masyarakat Melayu itu semuanya berlaku di negeri-negeri yang majoriti rakyat orang-orang Melayu dan Islam seperti di Trengganu, Kedah dan Kelantan. Barangkali ini semuanya berpunca dari sebab parti yang iri kepada UMNO itu bertapak di negeri-negeri tersebut. Atau kerana di negeri-negeri tersebutlah terdapat ramainya tokoh-tokoh agama yang menyertai parti politik itu.

Yang sangat aneh sekali seperti diutarakan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad bahawa orang-orang dari parti itu kononnya mudah sekali menganggap diri mereka berpendapat cuma mereka sahaja yang boleh membuat keputusan di dalam parti mereka sendiri.

Maka berlakulah kekeliruan apabila semua pemimpin mereka, mereka anggap sebagai ulamak. Maka orang yang diulamakkan itu lantas mendakwa diri mereka ulamak walaupun mereka hanya menjadi penulis dalam surat-surat khabar, menjadi loyar dan sebagainya.

Ulamak yang diulamakkan ini, atau ulamak yang mengaku se-

wenang-wenang diri mereka sebagai ulamak inilah yang sangat berbahaya kepada perpaduan masyarakat Islam. Mereka akan mudah memperdayakan ahli-ahli yang kagum dengan kebolehan mereka dibidang lain, tetapi oleh kerana menyertai parti itu dan menjadi tokohnya maka mereka pun diulamakkanlah dan dengan rasa besar diri di mana-mana mereka berucap atau menulis mereka akan mengkritik kerajaan walaupun hal yang dikritikannya itu sebetulnya berfaedah kepada masyarkat Islam.

Inilah antara beberapa sikap yang menimbulkan fahaman yang kacau tentang mengiktirafan ulamak di negara kita ini.

Ulamak sejati ialah ulamak yang terdiri dari tokoh-tokoh agama yang benar-benar berpengetahuan tinggi dan mempunyai pemikiran keislaman yang mendalam, yang umurnya sudah matang dan lebih pada itu sudahpun menunjukkan kepada masyarakat yang mereka sudah mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang cukup tinggi yang kemudiannya diterima rakyat sebagai ulamak. Mereka mestilah ada menunjukkan jasa kepada masyarakat Islam seperti mana yang berlaku kepada ulamak-ulamak besar di Indonesia, Pakistan ataupun di Mesir.

Ulamak Islam yang sejati tidak mudah mempermain-mainkan hukum Islam untuk kepentingan diri sendiri. Ulamak sejati tidak akan mudah terperangkap dengan mana-mana parti politik yang semata-mata ingin memperalatkan mereka itu untuk mencari pengaruh bagi kepentingan parti politik mereka. Ulamak sejati tidak menggunakan ilmu agama yang dimilikinya itu untuk mencari makan, atau untuk menggunakan pengetahuan agama itu bagi kepentingan diri sendiri; tetapi sebaliknya ia bekerja memerah otaknya untuk kepentingan umat Islam seluruhnya.

Dan ulamak sejati tidak pernah mendakwa diri mereka ulamak, dan malah tidak meminta orang mengiktirafkannya sebagai ulamak. Ulamak sejati akan beransur-ansur menunjukkan keilmuannya untuk dimanfaatkan oleh masyarakat Islam dan terletak kepada masyarakat itu sendirilah pula untuk mengiktirafkannya.

Tetapi di Malaysia kita ini nampaknya kebalikannya pula yang kerap berlaku. Sudah tulis buku setebal 40 halaman sudah senang

dipanggil ulamak. Sudah berceramah (walaupun ceramah politik) di-beberapa buah masjid sudah bermegah dengan gelaran ulamak. Atau menduduki mana-mana jawatankuasa ulamak mana-mana parti politik sudah senang digelar ulamak! Inilah perkara-perkara yang patut direnungkan bersama agar taraf ulamak itu jangan dibawa atau diletakkan demikian rendah di negara kita ini.

Bukanlah suatu hal yang senang bagi seseorang itu mencapai taraf ulamak. Seseorang yang dianggap atau digelar sebagai ulamak itu mestilah yang telah menunjukkan bukti-bukti bahawa mereka memang orang yang tertakluk kepada ajaran-ajaran Islam.

Ia mestilah mempunyai pengaruh yang luas kerana pengetahuan agamanya, bukannya pengaruh kerana politiknya. Dan orang-orang seperti inilah yang benar-benar dapat dianggap sebagai ulamak yang betul-betul berjuang kerana agama Allah, menegak agama Allah, menolong manusia kerana Allah bukannya menggunakan pengetahuan agama Islam yang cetek untuk memecahbelahkan umat Islam.

Sebetulnya ada berbagai-bagai bahaya yang sering dibawa oleh ulamak-ulamak politik. Walaupun pengetahuan agama Islamnya tinggi, tetapi sekali mereka itu sudah terjebak dalam perangkap sesebuah parti politik, maka mahu atau enggan mereka tetap juga tidak akan terlepas dari bercakap bahasa politik walaupun mereka itu sedang memberi ceramah agama.

Mereka akan tetap dalam ceramah itu mengkritik kerajaan secara halus atau secara 'ketik ekor'. Memang tidak salah siapapun mengkritik kerajaan jika memang benar ada kesalahannya. Tetapi kalau dalam sebuah ceramah agama dicampuradukkan dengan kempen politik, maka itu sudah terkeluar dari konsep ulamak sebenarnya.

Apa yang sering berlaku kebanyakan ulamak-ulamak jenis ini yang kebetulan mempunyai tauliah untuk mengajar agama Islam yang diberikan oleh mana-mana Majlis Ugama Islam di negara ini, selalu menggunakan kesempatan itu untuk mengempen partinya.

Tidak salah seseorang ulamak itu menyertai mana-mana parti politik atau bergerak cergas dalam politik, tetapi janganlah hendaknya mengambil peluang sewaktu memberi pengajaran agama itu mereka berkempen untuk politiknya.

10

MCA—GERAKAN: BERSATU ATAU BEKERJASAMA?

KENAPA sesudah hampir sembilan tahun duduk bersama-sama dalam Barisan Nasional baru kini terdengar desas-desus parti GERAKAN dan MCA mahu bersatu? Kenapa? Jawapan kepada soalan ini cukup menarik jika ditinjau kembali secara cermat akan pergolakan tanahair akhir-akhir ini, terutamanya politik orang-orang China. Pertanyaan balas yang menarik pula jawapannya ialah siapakah yang akan untung atau mendapat manfaat yang lebih sekiranya kedua-dua parti itu bergabung atau bekerjasama?

Saya akan cuba memperlihatkan beberapa permasalahan mengenai ura-ura pergabungan kedua-dua parti **Chinese based** tersebut dalam rencana singkat ini. Siapakah pemimpin yang mula mencetuskan hasrat untuk bergabung itu? Dari MCA atau dari GERAKAN? Sejauh yang dapat dikesan seperti mana diheboh-hebohkan dalam akhbar, cetusmula atau **first insightnya** terbit dari ucapan Datuk Michael Chen bekas pemimpin pusat MCA yang kini menjadi Naib-Presiden parti GERAKAN.

Meskipun sudah hampir sembilan tahun kedua-dua parti ini sama-sama berada dalam Barisan Nasional, tetapi **traditional rivalry**

antara mereka tetap juga berlanjutan. Kini telah ada cadangan-cadangan supaya kedua-dua parti tersebut bekerjasama dengan lebih erat lagi. Terakhir suara-suara yang ghairah menyuarakan masalah kerjasama ini telah diperkatakan dengan meluasnya dalam Persidangan Agung GERAKAN yang terakhir. Kerjasama yang dicadangkan itu kononnya satu cara untuk melemahkan parti pembangkang DAP daripada terus mendapat sokongan dari orang-orang China.

Ura-ura untuk bekerjasama itu dikatakan telah disuarakan oleh Pemangku Presiden MCA yang baru, Dr. Neo Yee Pan. Dalam ucapannya Dr.Neo berkata partinya bersedia untuk bekerjasama dengan parti GERAKAN demi untuk kepentingan solidaritas orang-orang China di negara ini.

Pada mulanya kenyataan Dr. Neo ini tidak mendapat sambutan dari pemimpin-pemimpin parti GERAKAN sehinggalah kemudiannya Naib Presidennya, Michael Chen memberikan reaksinya tiga minggu kemudian. Barulah isu ini diperkatakan dengan lebih meluas lagi, terutama oleh akhbar-akhbar tempatan berbahasa China.

Datuk Michael Chen bekas Timbalan Presiden MCA yang 'melompat' ke GERAKAN pada tahun 1981 setelah tewas untuk merebut pucuk pimpinan MCA berkata kedua-dua parti itu bukan sahaja perlu berbincang mengenai kerjasama, mereka juga perlu mencari kemungkinan bagi meleburkan perbezaan-perbezaan dan bercantum.

Datuk Michael Chen berpendapat tidak ada gunanya kedua-dua parti itu menentang satu sama lain walaupun mereka mengamalkan sistem politik dan kepentingan konflik yang berbeza. Kepentingan konflik yang utama ialah mengenai menguasai politik negeri Pulau Pinang, di mana MCA telah sekian lama berjuang untuk merampas kembali pentadbiran Pulau Pinang yang diketuai oleh Dr. Lim Chong Eu bekas Presiden GERAKAN.

Datuk Chen mempunyai pandangan tersendiri kenapa GERAKAN dan MCA patut bergabung. Menurutnya dengan berbuat demikian akan memberi manfaat kepada Barisan Nasional terutama dalam menyelesaikan masalah menentukan calon dalam sebarang pilihanraya. Sambil mengharapkan Datuk Dr. Neo ikhlas dan jujur partinya bersedia untuk bekerjasama lebih erat lagi dengan MCA.

Pada satu waktu kenyataan Datuk Michael Chen itu menimbulkan ribut juga di kalangan pimpinan GERAKAN. Ada yang berpendapat Majlis Tertinggi Parti patutlah menyingkirkan Datuk Michael dari parti. Ada pula yang mengecam pandangan Datuk Michael Chen dengan cadangan itu. Bagi mereka Datuk Michael Chen patut sedar bahawa GERAKAN bukan sahaja dianggotai oleh orang-orang China sahaja, tetapi oleh berbagai kaum.

Sementara Presiden GERAKAN, Datuk Dr. Lim Keng Yaik pula menolak kemungkinan memecat Datuk Michael Chen; ini kerana Datuk Michael Chen, menurut Dr. Lim telahpun menjelaskan kedudukan sebenar mengenai kenyataannya kepada Jawatankuasa Pusat Parti.

Anggota-anggota GERAKAN dari bangsa Thai dan India kemudiannya telah dapat menerima baik kenyataan Dr. Lim itu. Dikatakan negeri-negeri Kedah dan Pulau Pinang GERAKAN juga mempunyai ahli dari kalangan bangsa Thai dan India yang agak ramai. Misalnya kira-kira 10 peratus ahli GERAKAN di Kedah terdiri dari non-Chinese terutamanya di Kawasan Padang Terap dan Kulim.

Pemimpin-pemimpin ahli dari keturunan Thai dan India mempunyai alasan bahawa GERAKAN patut cuba mengekalkan identitinya sebagai sebuah parti yang bersifat **multi-racial** sepertimana termaktub di dalam perlembagaan yang juga dipelopori oleh beberapa orang tokoh non-Chinese. Dan nampaknya dengan kenyataan Dr. Lim dalam Persidangan Agung terakhir itu pendapat golongan ini telah tidak diketepikan begitu saja. Nampaknya Dr. Lim telah berjaya 'menyejukkan' hati ahli-ahli GERAKAN dari keturunan Melayu, Thai, India dan lain-lain.

Kritikan yang tajam yang dihadapi oleh Michael Chen datangnya dari Encik K. Balasundram yang juga salah seorang ahli Jawatankuasa Tertinggi parti. Beliau menuduh cadangan Michael Chen itu sebagai satu cara 'pintu belakang' untuk kembali ke pangkuan MCA semula.

Datuk Michael Chen sendiri telah tewas memegang tampuk pimpinan MCA telah berusaha untuk mendapatkan kedudukan dalam GERAKAN semenjak dua tahun lalu. Tahun lalu beliau memenangi

kerusi Parlimen atas tiket GERAKAN dan mengharapkan satu jawatan Menteri kabinet, tetapi Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad hanya mengekalkan wakil tunggal GERAKAN yang disandang oleh Paul Leong. Datuk Chen selepas itu dikatakan telah bekerja kuat merebut jawatan Timbalan Presiden dari Paul Leong.

Dr. Lim Keng Yaik sendiri yang satu masa dahulu orang kuat MCA berkata kedua-dua parti patut berbincang masalah kerjasama terlebih dahulu sebelum terus membincangkan masalah bersatu atau bergabung. Beliau pernah memberitahu majalah **ASIAWEEK** bahawa sekiranya kedua-dua belah pihak dapat bersefahaman barulah dapat dirundingkan langkah berikutnya.

Masalah yang sangat ketara yang merupakan halangan bagi bergabung ialah Struktur MCA yang berdasarkan keahliannya satu bangsa China sedangkan GERAKAN bercorak multiracialism. Dan seperti kata orang GERAKAN sekiranya kedua-dua parti hendak bergabung, gabungan tersebut mestilah mempunyai konsep multiracial, sebab GERAKAN tidak dapat menyingkirkan anggota-anggotanya yang ramai dari keturunan lain itu.

Saranan orang-orang GERAKAN itu memangnya logik akan tetapi tujuan sebenar hendak bergabung atau paling tidak bekerjasama itu bukan setakat menguatkan kedudukan orang-orang China di negara ini, sebaliknya hendak mengembalikan pengaruh bahawa orang China di negara ini diwakili oleh MCA–GERAKAN bukannya oleh parti DAP.

Akhir-akhir ini DAP mula mendapat simpati orang-orang China apabila tiga pilihanraya kecil di tiga kawasan yang selama ini dikuasai oleh MCA telah jatuh ke tangannya dengan kelebihan undi yang mengejutkan.

Barangkali ada benarnya apabila Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang menyindir kedua-dua parti itu sejauh mengenai pemulihan pengaruh DAP setelah mengalami kemerosotan dalam putusan pilihanraya tahun 1982. Lim Kit Sing sama sekali tidak merasa terkejut dengan langkah kedua-dua parti itu hendak bersatu atau bekerjasama. Katanya, DAP telah menewaskan MCA dengan teruk sekali dalam masa lapan bulan kebelakangan ini di tiga pilihanraya kecil.

Rasanya pandangan Lim Kit Siang sedikit sebanyak ada benarnya.

MCA selalu menganggapkan selama ini mereka memenangi pilihanraya oleh kerana adanya kesatuan orang-orang China. Slogan "Chinese Unity" inilah yang menyebabkan beberapa kerusi DAP yang dikuasai pada tahun 1979 jatuh ke tangan MCA atau GERAKAN yang kurang senang untuk bergabung lantas mereka lebih menekankan konsep bekerjasama.

Lagipun mereka beranggapan jika bergabung Datuk Michael Chenlah tokoh yang akan mendapat manfaat apalagi cara itulah yang merupakan **mimpi scenario** Datuk Michael Chen. Beliau cuba mendapatkan jawatan yang tinggi dan gagal dalam MCA dan beliau juga tahu yang beliau tidak akan berjaya untuk menduduki nombor wahid dalam GERAKAN. Tetapi, kata mereka, sekiranya kedua-dua parti tersebut bercantum menjadi satu, kemungkinan beliau akan menjadi calon kompromi untuk menjadi ketua.

Mendengar saranan ini Datuk Michael Chen cuma ketawa dan berkata beliau telah menimbulkan isu tersebut lebih dahulu dari orang lain oleh kerana beliau percaya dengan berbuat demikian (bekerjasama) kedua-dua parti akan beroleh kebaikan atau manfaat.

Sebetulnya kemungkinan juga Datuk Michael Chen selaku Naib-Presiden GERAKAN berbuat begitu kerana ingin menguji kejujuran Pemangku Presiden MCA, Dr. Neo Yee Pan. Kalau MCA tidak jujur dan **power crazy**, pada hemat Michael maka pencetusan isu tersebut tidak lebih dari propaganda politik belaka.

Itu semua adalah cakap-cakap sebelum GERAKAN mengadakan Persidangan Agung Tahunannya yang ke-12 di Kuala Lumpur tidak lama dahulu.

Dr. Lim Keng Yaik ketika berucap selaku presiden GERAKAN dalam upacara perasmian Persidangan Agung itu telah menjelaskan parti pimpinannya itu tidak akan bercantum dengan mana-mana parti, partinya menentang idea bergabung dengan mana-mana parti. Kami tidak melayan sebarang idea untuk bergabung dengan mana-mana parti politik yang mendakwa mewakili atau berjuang menjaga kepentingan satu kumpulan kaum sahaja, jelas Dr. Lim dan menyambung:

"Biarlah saya tegaskan dengan terus terang bahawa GERAKAN adalah sebuah parti multi-racial", Datuk Lim Keng Yaik meyakinkan kira-kira 1,400 orang para perwakilan yang menghadiri sidang agung yang bertempat di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur.

Datuk Dr. Lim mendapat tepukan yang begitu hangat bila beliau berucap demikian. Dan kita yakin segala apa yang diucapkan oleh Dr. Lim sejauh yang menyentuh isu bercantum atau bekerjasama dengan MCA itu telah terlebih dahulu dibincangkan dalam mesyuarat majlis tertinggi parti itu yang diadakan baru-baru ini.

Parti GERAKAN sendiri sebelum ini hanya lebih berminat kearah mengadakan kerjasama yang erat antara kedua-dua parti. Presidennya telah diberi lampu hijau oleh jawatankuasa pusat parti untuk berbincang dengan pemimpjn-pemimpin MCA mengenai prospek bagi mengadakan kerjasama lebih rapat di antara kedua-dua parti itu.

Sejak semula Datuk Dr. Lim tidak begitu tergesa-gesa untuk bercakap fasal bercantum tetapi lebih cenderung untuk bekerjasama. Kenyataan Datuk Michael Chen sebelumnya menyuarakan hasrat untuk bercantum dianggap oleh Dr. Lim sebagai 'buah fikiran' yang datang dari Datuk Chen.

Nampaknya Dr. Lim begitu 'lembut' dan sangat berdiplomasi dan sama sekali tidak menyalahkan Datuk Michael Chen yang 'tersalah mulut' itu. Ada semacam pengertian dan fahaman yang mendalam antara Dr. Lim dengan Datuk Chen. Beberapa 'salah pengertian' atau salah tanggapan di atas kenyataan Datuk Chen kemudiannya telah dimengertikan gambaran sebenar oleh jawatankuasa tertinggi parti yang bersidang lebih dari empat jam itu.

Apa pun yang dapat ditanggap oleh pemerhati-pemerhati politik tempatan khususnya dari kaum China akan kenyataan Dr. Lim yang menyatakan partinya bersedia untuk bekerjasama dengan mana-mana parti politik demi untuk kepentingan kebangsaan dan bukannya untuk bercantum, satu hal yang jelas ialah perundingan untuk langkah bekerjasama lebih erat merupakan titik mula **untuk membuka sebelah daun pintu** ke arah tujuan yang lebih besar dari kerjasama.

Walaupun beberapa kali Dr. Lim Keng Yaik telah meminta pe-

mimpin-pemimpin MCA yang kebanyakan dulunya komrade beliau belaka, supaya menunjukkan sikap jujurnya kalau mereka itu mahu bekerjasama dengan GERAKAN bagi pemerhati politik itu semua adalah suatu percakapan biasa tokoh politik dan tidak sangat merupakan untuk menguji.

Agak 'keras' juga kalau difikirkan sekali imbas akan amaran yang dibuat oleh presiden GERAKAN itu. Tetapi MCA memandangnya sebagai tak lebih perkara biasa. Ini mengingatkan MCA tetap terlihat begitu ghairah untuk berunding dengan GERAKAN. Sebagai menegaskan pendirian partinya, Pemangku Presiden MCA, Datuk Dr. Neo Yee Pan memberikan riaksi positif kepada ucapan Dr. Lim apabila beliau menyatakan pemimpin GERAKAN itu telah bercakap secara umum mengenai isu dan idea percantuman kedua-dua parti.

Walaupun di sana terdapat pendekatan yang berbeza, di mana MCA lebih komited untuk menjaga kepentingan orang-orang China sedangkan GERAKAN bercakap atas dasar kepentingan kebangsaan, mahu tidak mahu boleh menghalang proses perundingan di antara kedua-dua parti. Namun begitu MCA telah meminta GERAKAN menerima asas-asas kerjasama yang digalurkan oleh MCA sebelum sebarang rundingan mengenai percantuman diadakan.

Nampaknya pihak MCA lebih ghairah untuk bercakap fasal percantuman dari masalah kerjasama. Walaupun kemudiannya GERAKAN 'masih menjual mahal' tetapi orang ramai khususnya para penganalisa politik telah dapat membaca akan hala sebenar ke mana yang hendak ditujukan oleh GERAKAN dan MCA itu.

Barangkali langkah mula dengan rundingan mengenai kerjasama lebih erat kelak akan membuahkan lebih dari kerjasama. Lama kelamaan akan berlaku juga rundingan apabila keadaan 'buah fikiran' dalam GERAKAN yang diajukan oleh keruntunan non-Chinese menjadi reda atau dapat dipadamkan. Saya merasa cukup positif hal seperti itu boleh berlaku. Hanya masa sahaja yang akan dapat menentukan.

Masalah perbezaan sedikit sebanyak baik dari segi pendekatan

mahupun dari segi kepentingan rasanya akan dapat diselesaikan dari masa ke semasa. Lama-lama kepentingan dan pendekatan yang berbeza itu akan dapat diselaraskan. Ini semua boleh berlaku, kerana musuh MCA dan GERAKAN bukannya satu!

Datuk Dr. Neo Yee Pan dan Encik Tan Koon Swan

11

AMARAN MIKAIL KAPITSA: ANCAMAN YANG TIDAK BOLEH DIPANDANG REMEH

RUSSIA telah menunjukkan sikap kurang sopannya apabila se waktu berada di Singapura, Timbalan Menteri Luarnya, Mikail Kapit sa telah memberi semacam katadua dengan mengancam negara-negara anggota Asean bahawa Russia akan membantu pengganas-pengganas (insurgent) yang bergerak di kelima-lima negara anggota Asean, seki ranya Asean tidak berhenti dari menekan Vietnam dan Kampuchea.

Amaran Russia supaya Asean jangan menentang negara-negara Vietnam, Kampuchea dan Laos jelas mencerminkan sikap dan dasar luar Russia yang berterus terang ingin mengancam kestabilan politik negara-negara di rantau ini. Dan kita tidak boleh memandang ringan dan sepi terhadap ancaman atau ugutan tersebut mengingatkan ianya telah disebutkan secara terbuka.

Nampaknya ugutan Russia itu telah menerima riaksi yang sama oleh pemimpin-pemimpin negara-negara anggota Asean. Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad berkata ugutan Russia itu terlihat seperti suatu alasan belaka kerana mereka telah pun menguasai Afghanistan dan beberapa buah negara di Afrika. Kini Russia

terlalu ghairah bercita-cita hendak menawan negara-negara di rantau ini pula.

Kenyataan Timbalan Menteri Luar Russia itu sebetulnya tidak lebih dari helah belaka bagi mengabui mata dunia bahawa amarannya itu bersebab dan wajar. Akan tetapi dunia bukannya sebodoh itu untuk menerima bulat-bulat kenyataan yang biadap dan menunjukkan rasa megah kerana ia mempunyai kekuatan dari segi bala tentera dan kelengkapan perang. Russia memangnya sejak semula bercita-cita ingin menguasai sebanyak mungkin negara-negara kecil didunia ini lebih-lebih lagi negara-negara di rantau ini.

Kebiadapan dan ketidaksopan Russia itu menjadi bertambah nyata lagi apabila pada waktu yang sama ia telah 'mengarahkan' tentera Vietnam dan tentera-tentera kerajaan boneka Kampuchea menyerang khemah-khemah pelarian orang-orang Kampuchea hingga melewati batas sempadan Thailand dan membunuh beberapa orang askar Thai. Apakah tindakan menyerang khemah-khemah orang awam seperti itu tidak dapat dianggap sebagai tindakan yang tidak berperi kemanusiaan?

Rasanya adalah wajar negara-negara Asean memprotes tindakan Vietnam itu, kerana ianya menyebabkan orang-orang yang tidak berdosa menjadi korban keganasan akibat dari nafsu besar Russia dan kuncu-kuncunya. Apakah Amerika patut dipersalahkan kalau ia membantu tentera Thai apabila Vietnam dengan sewenang-wenang menerobos masuk ke dalam sempadan negeri Thai.

Malaysia sendiri telah mengirim surat bantahan kepada Duta Vietnam di atas tindakan serangan Vietnam ke atas khemah orang awam dan menyeberang ke dalam kawasan Thailand itu. Malaysia mahukan tentera-tentera Vietnam diundurkan dari kawasan sempadan Thailand dan serangan hendaklah segera diberhentikan. Apakah dengan proses begini berdasarkan hak asasi manusia, Russia lalu dengan begitu cepat memberi amaran kepada negara-negara anggota Asean.

Malaysia juga melalui Timbalan KSU Kementerian Hal-Ehwal Luar, Datuk Mon Jamaluddin telah menemui kedutaan Russia di sini dan menyampaikan bantahan serta mendesak supaya Russia menyu-

ruh tentera Vietnam berhenti dari terus menyerang khemah-khemah orang awam dan menyerang tentera Thai di sempadan.

Apa yang dibantah oleh Malaysia ialah tentera Vietnam bukannya menyerang tentera kerajaan Demokratik Kampuchea tetapi sebaliknya menyerang orang-orang awam yang tidak berdosa. Malaysia juga mendesak negara-negara sekutu Vietnam yang lain supaya meminta negara itu memberhentikan tindakan yang tidak berperikemanusiaan itu.

Bantahan Malaysia itu sangat munasabah terutama apabila kita mendesak negara-negara yang memberi bantuan sama ada moral atau material kepada Vietnam supaya dengan cermat memikirkan semula pemberian bantuan itu kerana bantuan tersebut ia boleh menimbulkan rangsangan kepada Vietnam untuk terus menyerang khemah-khemah orang awam dan juga menganiggu keadaan keselamatan di sempadan Thai – Kampuchea.

Nampaknya sebuah negara besar dan kuat yang banyak membantu Vietnam ialah Russia, dan Russia tidak segan silu lagi mengancam dan mengugut mana-mana negara terutama negara anggota Asean supaya jangan masuk campur atau jangan menentang dan menekan Vietnam dari segi politik dan lain-lain bentuk penentangan.

Akan tetapi nampaknya negara-negara anggota Asean tidak gentar dengan ancaman dan ugutan secara terbuka Russia yang diisytiharkan di salah sebuah negara anggota Asean itu. Menteri Luar Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie berkata kita tidak boleh memandang ringan dengan amaran Russia itu. Semasa konfrantasi Malaysia – Indonesia dahulu, kata Tan Sri Ghazali, Russia memangnya cuba untuk campurtangan, tetapi gagal.

Mengulas amaran Russia yang dibuat oleh Timbalan Menteri Luarnya, **Mikail Kapitsa berkata seluruh infrastruktur negara-negara Asia Tenggara akan terjejas sekiranya Asean tidak memberhentikan konfrontasinya terhadap Vietnam dan sekutu-sekutunya di Laos dan Kampuchea,** Tan Sri Ghazali berkata kita tidak boleh mengambil mudah dengan amaran itu. Katanya Russia sepertimana sekutunya Vietnam dalam serangan tersebut cuba menimbulkan keadaan ketakutan negara-negara kecil.

Timbalan Menteri Luar Russia itu juga dalam amarannya menyatakan Asean akan menemui kegagalan sekiranya satu solusi tidak dicapai dalam masalah pertikaian di Kampuchea itu. **Apapun ugutan dan amaran yang dibuat oleh Russia tetapi Asean akan tetap meneruskan secara diplomatik menarik perhatian dunia terhadap serangan Vietnam ke atas khemah-khemah pelarian Kampuchea di sepanjang sempadan Thai — Kampuchea.** Dan Malaysia akan terus memberi taklimat kepada duta-duta semua negara di sini terutama tentang pendirian Malaysia. Ini termasuklah juga duta-duta Vietnam dan Russia sendiri.

Serangan Vietnam itu bertujuan menyekat bantuan bekalan makanan sampai kepada pasukan tentera Demokratik Kampuchea pimpinan Prince Norodom Sihanok yang diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Vietnam telah gagal menyerang askar-askar yang pro kerajaan Sihanok dan terus bertindak menyerang ke atas khemah-kheman orang-orang pelarian, membunuh ribuan orang-orang yang tidak berdosa.

Negara-negara anggota Asean di samping tidak boleh memandang ringan atau remeh akan amaran Russia itu patutlah berdiri teguh dengan sikap dan pendirian kita iaitu 'kita berdiri di atas yang benar dan hak'. Seperti kata Perdana Menteri bahawa kita tidak boleh menerima satu negara melangkah masuk ke satu negara lain untuk menubuhkan sebuah kerajaan.

Jika kita menerima ini, kata Perdana Menteri samalah seperti kemungkinan Russia melangkah masuk ke negara kita bagi menubuhkan sebuah negara baru.

Seperti yang ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri. Dr. Mahathir kita selalu mempastikan bahawa gerakan subversif akan selalu diawasi. Tidak sebuahpun negara-negara Asean yang akan membiarkan gerakan subversif boleh bergerak secara berleluasa, meskipun ianya mendapat bantuan dari negara-negara luar. Dan kita yakin selagi rakyat jelata di kesemua negara-negara anggota Asean akan tetap berdiri teguh dan selalu bekerjasama dengan pihak keselamatan, gerakan subversif tersebut akan dengan mudah dapat dipadamkan.

Kita percaya setiap orang rakyat khususnya di negara Malaysia tercinta tidak akan sanggup membiarkan negara ini akan dikuasai oleh sebuah kerajaan anti-Tuhan seperti Russia atau sekutunya. Walaupun negara kita ini kecil, tetapi kita adalah negara yang bermaruah dan punya harga diri. Dan kita merasa megah kerana Pergerakan Pemuda parti-parti komponen Barisan Nasional telahpun menunjukkan solidaritasnya dengan mengadakan rapat umum besar-besaran mengutuk tindakan Russia dan sekutunya Vietnam yang kejam itu.

Menurut Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia, Encik Anwar Ibrahim rapat-rapat umum peringkat negeri akan terus diadakan dari masa ke semasa untuk mengutuk Russia dan Vietnam. Pemuda-pemuda gagah berani yang telah sekian lama berikrar akan mempertahankan negara ini sampai ke titisan darah terakhir selain dari tidak boleh memandang remeh amaran tersebut, hendaklah selalu mengekalkan 'morale' kita dan hendaklah selalu bersedia menghadapi cabaran.

Untuk itu rasanya moto yang kita pegang selama ini "bersatu teguh bercerai roboh" patut dipegang kejap dalam hubungan bagi menentang 'musuh' baru itu.

****

12

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN ATAU KEMENTERIAN HIBURAN?

SAYA mula tertarik dengan konsep cultural literacy atau kecelikan pada kebudayaan yang diajukan oleh Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan yang baru, Encik Anwar Ibrahim semenjak beliau berucap di Malam Sumbangseh anjuran Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia pada malam Isnin 23hb. Mei '83 yang lalu. Waktu itu beliau belum dilantik menjadi menteri penuh, kerana rombakan kabinet Dr. Mahathir berlaku seminggu kemudian.

Dan pada hari Jumaat 22hb. Julai '83 Encik Anwar telah mengulang lagi peri mustahaknya pergerakan cultural literacy itu dimulakan. Beliau menimbulkan masalah ini ketika berucap di majlis Penyampaian Hadiah Sastera Esso-GAPENA 1982 di sebuah hotel termuka di Kuala Lumpur.

Kita merasa sungguh gembira kerana pada tahun ini Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan di bawah pimpinan Menterinya yang baru akan melancarkan satu kesedaran baru di kalangan rakyat; kesedaran untuk menghayati unsur-unsur kebudayaan yang dapat membina keluhuran jiwa dan ketahanan semangat. Ini semua akan dapat dilakukan dalam masa kita menggerakkan cultural literacy se-

cara menyeluruh di kalangan rakyat.

Selaras dengan kegiatan ini KKBS nampaknya tahun ini telah memilih "Pendidikan Budaya" sebagai tema yang akan digerakkan. Rasanya KKBS tidak akan berjaya sepenuhnya tanpa kerjasama yang lebih erat daripada berbagai-bagai perkumpulan budaya dan sastera di negara ini.

Oleh sebab itulah permintaan yang sungguh-sungguh yang dibuat oleh Encik Anwar itu perlu sekali mendapat perhatian yang sewajarnya dari tokoh-tokoh budaya serta para intelektual tempatan.

Tanpa kerjasama mereka semua sudah tentulah cita-cita Menteri Kebudayaan itu tidak akan berjaya sepenuhnya seperti mana yang telah dirancangkan. Kita patutlah sama-sama sedar bahawa kurangnya komunikasi budaya dan kesedaran kebudayaan menyebabkan masyarakat kita sentiasa berada di dalam 'keadaan buta budaya'. Alangkah payahnya untuk mencelikkan, ia menuntut perubahan sikap dan memakan waktu yang lama pula.

Selama ini KKBS telah dituduh lebih mementingkan perkara-perkara yang remeh-temeh daripada benar-benar mengutamakan kebudayaan. Hingga kadang-kadang tenggelam kebudayaannya dan yang menonjol ialah sukan. Atau tenggelam kebudayaannya dan juga yang dipentingkan ialah budaya permukaan (surface) sahaja. Hal seperti inilah yang tidak ingin diteruskan oleh menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang baru.

Bergerak dengan lebih mantap, dinamis dan langsung ke teras dan akar-akar budaya bangsa melalui suatu keadaan komunikasi budaya adalah merupakan suatu langkah wajar sebagai proses pencernaan dimensi baru bagi gerakan kebudayaan bangsa kita. Oleh demikian selain dari KKBS maka pemikir-pemikir budaya dan sastera bangsa wajiblah mengeluarkan buah fikiran bernas bagi merencanakan program dan mencari pilihan dan kemungkinan-kemungkinan bary yang dapat dilaksanakan oleh KKBS bagi mencapai tujuan murni itu.

Selama ini KKBS sering sekali menerima tohmahan tidak berjaya menonjolkan identiti kebudayaan bangsa yang jelas KKBS dikatakan lebih menonjolkan diri sebagai kementerian hiburan daripada

Kementerian Kebudayaan. Dan ini tidak dinafikan oleh Encik Anwar seperti mana telah dinyatakannya dalam satu wawancara dengan sebuah akhbar tempatan kira-kira dua minggu sebelumnya.

Dan Encik Anwar pula berjanji: Kita tidak boleh mengekalkan imej Kementerian ini sebagai kementerian tarian dan nyanyian, kerana KKBS bukannya Kementerian ini sebagai Kementerian Hiburan. KKBS ialah Kementerian yang bertanggungjawab mencorakkan budaya bangsa dan budaya masyarakat seluruhnya.

Dilihat dari perspektif ini tidak dapat ditolak lagi Kementerian Kebudayaan adalah satu-satunya kementerian yang sangat penting, malah sama pentingnya dengan Kementerian Pertahanan atau Kementerian Kewangan. Mana-mana negara yang mengabaikan kementerian ini sering kita lihat bangsanya akan mudah digugat oleh pengaruh asing, pengaruh luar yang sememangnya membahayakan identiti dan moral bangsa itu.

Sebagai tenaga baru yang progresif yang sebelum ini terkenal sebagai seorang aktivis yang disegani, maka adalah sangat wajar sekali Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad melantik Encik Anwar menerajui kementerian tersebut. Cuma apa yang sedikit terkilan, kementerian yang begitu penting itu, kerana sebahagian besar penduduk negara ini terdiri dari para belia dan beliawanis, peruntukannya dikatakan terkecil jika dibandingkan dengan kementerian-kementerian lain.

Terasa sekali tugas Encik Anwar agak berat. Pertama hendak menghapuskan amalan lama dan fahaman orang ramai yang selama ini telah didedahkan dengan kegiatan bercorak 'surface' (kulit) itu. Kedua, tidak mudah bagi melaksanakan suatu program baru yang lebih nasionalistis sifatnya dalam keadaan negara kita mempunyai sebuah masyarakat majmuk ini.

Di samping meneruskan penyuburan kesenian dan kebudayaan Melayu yang diwarisi sejak datuk nenek itu, KKBS mempunyai tugas yang lebih berat dan hanya dengan azam yang sungguh-sungguh sahaja kita boleh berjaya. Kita percaya penerapan nilai-nilai baru dalam kegiatan membudayakan masyarakat negara ini, seni dan budaya warisan asli patutlah dikekalkan sekalipun setengah daripada sete-

ngahnya memang diakui tidak ekonomikal.

Adalah lebih menasabahbahawa segala kegiatan yang selama ini dikenali sebagai yang bertentangan dengan tatasusila orang-orang Melayu patut diketepikan atau malah diberhentikan saja, tetapi kegiatan kesenian, permainan tradisional peribumi patutlah terus disuburkan sebagai teras kebudayaan negara ini kebudayaan berakartunjangkan budaya Melayu.

Kita sesungguhnya tidak mempunyai banyak masa. Sudah dua puluh lima tahun kita hidup bebas. Sesudah demikian lama kita baru hendak memulakan suatu program baru yang lebih strategik dan bermakna. Alangkah parahnya tenaga kita perlu disediakan untuk itu. Kita perlu bertindak cepat. Dan untuk itu tugas utama bukan terletak ke atas pundak KKBS sahaja. Semua rakyat negara ini menaruh rasa tanggungjawab.

Apakah sebenarnya yang hendak kita laksanakan? Seperti telah diutarakan oleh Encik Anwar kebudayaan adalah suatu hal yang maha penting dalam kehidupan sesuatu bangsa. Malah sains dan teknologi sendiri tidak berkembang dalam satu kekosongan budaya. Soalnya kini budaya yang bagaimana hendak kita kembang suburkan, dan dalam dimensi apakah yang perlu diberi keutamaan?

Kita amat bersetuju dengan saranan Encik Anwar iaitu sejajar dengan cita-cita kerajaan pimpinan sekarang beberapa nilai yang lebih penting perlu ditekankan. Antaranya seperti nilai-nilai keIslaman, nilai-nilai saintifik dan nilai-nilai seni yang benar-benar indah dan bermakna di samping mempertahankan nilai-nilai estetika (keindahan) yang sangat dituntut kerana keunggulannya itu.

Nilai-nilai ini semua adalah nilai-nilai kebudayaan yang sihat. Dan sesuatu kebudayaan yang sihatlah yang sangat kita inginkan dalam sesebuah negara yang mengutamakan disiplin hidup yang teratur dan harmonis.

Tetapi bagaimanakah pula yang dikatakan kebudayaan Melayu yang sihat? Ini sekaligus ada hubungan yang kait menjerait dengan Islam. Kita seharusnya mengembangkan budaya Melayu yang menurut lunas-lunas dan perspektif Islam, tanpa terlalu terikat dengan doktrin dan lebel. Zaman kebudayaan memakai label sudah tamat.

Kita perlu lebih praktikal dan berjejak di bumi nyata. Selama kita masih memakai label. selama itulah kita hidup dalam budaya 'kulit ari'.

Dalam usaha kita hendak membudayakan masyarakat, kita tidak seharusnya tertumpu kepada satu-satu wilayah sahaja. Proses membudayakan masyarakat dengan kebudayaan yang lebih bererti perlulah menyeluruh, merangkumi segenap ceruk rantau dalam negara kita ini. Meskipun KKBS mempunyai pejabat-pejabat dan pegawai-pegawainya di setiap buah negeri di Malaysia ini, akan tetapi beban itu sukar ditanggung oleh KKBS sahaja.

Ada satu konstrain yang agak rumit diatasi dalam pelaksanaan kebudayaan kebangsaan kita, iaitu masalah menarik minat orang-orang bukan Melayu supaya benar-benar insaf dan faham tentang konsep kebudayaan kebangsaan yang kita sedang praktikkan sekarang ini. Bagi menjayakan lagi program yang telah diatur itu adalah sangat dituntut agar kita lebih giat lagi bekerja dan berusaha menarik minat orang-orang bukan Melayu yang merupakan sebahagian rakyat negara ini supaya turut menyertai perjuangan kita.

Perjuangan ini sebetulnya perjuangan bersama. Sebagai rakyat yang taat dan mengaku setia kepada Raja dan Negara Malaysia, mereka patutlah sama-sama berganding bahu menjayakan program membudayakan masyarakat itu.

Dalam hubungan ini rasanya saranan yang disuarakan oleh Encik Anwar sangat praktikal. Beliau menganjurkan kita semua perlu segera menggerakkan perhubungan dan tukar fikiran kebudayaan yang berencana antara orang-orang Melayu dan bukan Melayu. Selagi ini tidak dilaksanakan selama itulah rakyat bukan Melayu akan merasa terasing dengan kebudayaan kebangsaan, dan risikonya sedikit kemudian sedikit mereka akan mula menjauhkan diri dari mengenali, memahami dan menyertai kegiatan kebudayaan kebangsaan kita.

Pada masa ini memang telah sedia wujud semacam 'jurang kefahaman antara budaya' atau cross-cultural communication gap antara penduduk atau rakyat berlainan bangsa di negara ini. Inilah yang hendak kita kikis habiskan dari berakar umbi dalam lubuk jantung rakyat negara ini. Kita tidak mahu bila sesuatu badan kebudayaan,

sastera atau persatuan belia satu bangsa menganjurkan satu-satu seminar atau forum tentang kebudayaan, tiba-tiba ada pula satu badan yang dianggotai oleh suku bangsa lain menganjurkan seminar kebudayaan mereka sendiri yang lazimnya tertutup kepada orang-orang Melayu.

Seperti tegas Encik Anwar, jika kita terus menerus membiarkan golongan budaya sukuan bergiat sendiri-sendiri tanpa membuka pintu kepada orang-orang lain, dan di luar kepak pengaruh kita, kita akhirnya akan menjadi pemimpin-pemimpin pinggiran seperti pemimpin budaya sukuan yang berpura-pura sebagai pemimpin kebudayaan kebangsaan.

Kalau dalam politik, misalnya, rakyat berbagai keturunan boleh bekerjasama bagi menjaga kepentingan perpaduan dan kemajuan negara kita, kenapakah pula dalam bidang kebudayaan kita tidak boleh berbuat demikian?

Orang-orang Melayu khususnya para pemimpin kebudayaan dari peringkat tinggi ke peringkat serendah-rendahnya perlulah berikhtiar supaya orang-orang bukan Melayu akan turut menjadi peserta-peserta yang cergas dalam sebarang kegiatan kebudayaan kebangsaan negara ini.

Bukanlah masanya lagi kita membiarkan mereka semua menjadi penonton semata-mata jika kita menginginkan jenerasi baru yang berkebudayaan Malaysia. Mereka haruslah digalakkan menyertai bersama kita, dan dengan berbuat demikian kita bukan sahaja dapat mengekalkan perpaduan dan solidaritas, tetapi juga secara ubahansur kita menanam minat dan membina sikap mereka itu menjadikan kebudayaan kebangsaan sebagai sebahagian dari kehidupan mereka setiap hari.

KKBS seperti termaklum bukanlah bertanggungjawab mengenai kebudayaan sahaja, ia juga ikut mengendalikan segala macam kegiatan dan program berhubung belia dan sukan. Rasanya KKBS patutlah melipatgandakan lagi kegiatan-kegiatan belia dan kesukanan negara.

Program-program mengenai projek belianiaga seharusnya diutamakan mengingatkan keadaan ekonomi negara kini amat memerlu-

kan penyertaan belia yang meluas dalam bidang tersebut.

Barangkali negara tidak akan menanggung rasa 'malu' yang buruk sekiranya prestasi ahli-ahli sukan kita lemah di dalam mana-mana upacara sukan sama ada pada peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. Akan tetapi kita akan menanggung lebih hebat dari rasa malu sekiranya belia-belia kita banyak yang menganggur, ramai yang terjebak ke dalam perangkap dadah, dipengaruhi oleh budaya kuning yang dibawa dari negara-negara asing dan lain-lain lagi.

Encik Anwar Ibrahim

13

USAHAWAN BUMIPUTRA DAN PELUANG MENYERTAI INDUSTRI PERKILANGAN

PADA 19hb. November '83 lalu telah tertubuhlah sebuah pertubuhan yang dikenali dengan nama Persatuan Pengilang-Pengilang Melayu Malaysia. Penubuhan ini sangat kena dengan masanya di mana usahawan-usahawan Melayu kini khususnya dalam dunia industri perkilangan telahpun mula diceburi dengan agak meluas. Penubuhan persatuan ini juga sangat sesuai oleh kerana semenjak lama dahulu kerajaan melalui Rancangan Malaysia ke empat telah diberikan peranan utama dalam sektor ini di mana ianya dijangka akan berkembang sebanyak 11% setahun iaitu dari $5,374 juta pada tahun 1980 kepada $9,040 juta dalam tahun 1985.

Sektor perkilangan, sepertimana yang ditegaskan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen adalah sebagai sektor yang utama di dalam aktiviti ekonomi negara.

Ini sangat benar mengingatkan sektor perkilangan ini telah berkembang menjadi satu sektor yang penting dalam pertumbuhan ekonomi negara, iaitu ianya menyumbangkan lebih daripada 21% kepada keluaran negara kasar.

Pertumbuhan dan pengembangannya lebih nyata lagi apabila kita meneliti kepada statistik; di antara tahun 1971 hingga Jun 1983 sebanyak 5,642 projek-projek perindustrian telah diluluskan dengan cadangan pelaburan berjumlah hampir $27,645 juta.

Selaras dengan perkembangan itu kerajaan juga telah menumpukan kepada perkembangan perusahaan kecil. Perkembangan ini juga amat penting bagi menggunakan sektor ini untuk mencapai tujuan Dasar Ekonomi Baru, lebih-lebih lagi dalam hubungannya dengan kegiatan penyusunan semula masyarakat dan mengimbangkan pendapatan perkapita antara kaum di negara ini.

Perusahaan perkilangan kecil yang tentunya mampu dikendalikan oleh usahawan-usahawan Bumiputra sebenarnya tidak memerlukan modal yang besar, cukup dengan teknologi yang mudah dan boleh dipasarkan di pasaran tempatan. Jika peluang-peluang ini direbut oleh usahawan-usahawan Bumiputra yang bermodal kecil, maka ianya bukan sahaja dapat mengelakkan dari menumpukan kepada sektor pertanian, tetapi juga dapat mempelbagaikan lagi penglibatan Bumiputra dari hanya bergantung kepada aktiviti-aktiviti perniagaan kecil dengan pendapatan yang sangat terhad dan tidak lumayan atau minima, tidak padan dengan tenaga dan usaha yang dicurahkan.

Oleh kerana dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan perindustrian negara jelas telah berubah dan bertambah maju dari masa ke semasa, maka rasanya sangat baik sekali para usahawan Bumiputra yang ingin melibatkan diri dalam sektor ini merebut segala peluang yang disediakan oleh pihak kerajaan. Kalau dahulu strategi perindustrian negara ini lebih tertumpu kepada usaha penggalakan pertumbuhan industri-industri penggantian import sebagai langkah mempelbagaikan ekonomi dengan menukar corak tradisional kepada pengekspotan barang-barang utama dan pertanian, kini keutamaan lebih ditumpukan kepada pertumbuhan industri yang berorientasikan eksport dan industri yang banyak menggunakan tenaga pekerja.

Demikian juga dalam Dasar Ekonomi Baru kerajaan telah menggalakkan pertumbuhan industri-industri di kawasan-kawasan kurang maju untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih seimbang

dengan begitu dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak lagi, dan sekaligus dapat mengembangkan penggunaan sumber-sumber manusia khususnya di kawasan-kawasan luarbandar. Adalah sangat wajar dan sememangnya sangat-sangat diharapkan supaya usahawan-usahawan Bumiputra ikut menyertai segala projek-projek yang dibukakan itu. Dengan begitu tujuan kerajaan menggalakkan penyertaan Bumiputra dalam perindustrian akan dapat menyegerakan lagi proses penyusunan semula masyarakat.

Kalau disemak dasar-dasar perindustrian sepertimana tercatat dalam Rancangan Malaysia, jelas dasar-dasar itu disusun bagi mencapai tujuan-tujuan sebagai berikut:

* Menggalakkan industri-industri yang mempunyai asas sumber tempatan.
* Menggalakkan pertumbuhan dan kemasukan industri-industri berteknologi tinggi atau industri yang sophisticated untuk tujuan eksport.
* Menggalakkan pertumbuhan industri barang-barang peralatan dan barang-barang modal termasuk pertumbuhan industri asas dan industri berat yang menggunakan dengan sepenuhnya bahan-bahan petrolium dan gas negara.
* Menggalakkan penempatan industri di kawasan kurang maju untuk mencapai matlamat pertumbuhan industri yang seimbang di antara wilayah.
* Menggalakkan industri pemasangan pengeluaran alat-alat dan bahan-bahan (part and component) supaya sejajar dengan rancangan penggunaan bahan-bahan tempatan yang bersesuaian.
* Menggalakkan lagi pertumbuhan industri-industri kecil kerana industri ini mempunyai peranan yang penting dalam membentuk kemahiran usahawan dan juga mengujudkan peluang-peluang pekerjaan.

Kalau diteliti akan dasar-dasar perindustrian negara seperti yang digaris dalam Rancangan Malaysia ini jelaslah begitu banyak sekali peluang-peluang yang dibukakan kepada para usahawan Bumiputra terutamanya dasar mengenai industri kecil yang tidak memerlukan modal yang besar dan kemahiran serta peralatan yang sofistikated itu.

Sepertimana kita ketahui negara kita ini mempunyai sumber-sumber kekayaan yang cukup banyak, dan Dasar Ekonomi Baru juga menginginkan sumber-sumber kekayaan ini dieksploitkan sepenuh-

nya. Projek-projek perindustrian dalam negeri ini juga banyak yang bergantung kepada pasaran tempatan, di samping melibatkan projek lebih besar seperti perlombongan dan pemerosesan awal bahan-bahan mentah asli tempatan. Jadi faedah-faedah yang maksima dari industri ini sewajarnyalah dapat dinikmati bersama oleh rakyat Malaysia khasnya kaum Bumiputra. Akan tetapi sekiranya para usahawan Bumiputra tidak menyertai sektor ini, maka selama itulah kaum Bumi tidak akan dapat mengecapi nikmat yang besar itu.

Penyertaan usahawan Bumiputra dalam sektor perkilangan sehingga ini masih lagi pada tahap yang rendah dan belum dapat dikatakan memuaskan. Dari jumlah 5,642 projek-projek perkilangan yang telah diluluskan oleh kerajaan di antara tahun-tahun 1971 – 83, usahawan Bumiputra hanya menguasai sejumlah 962 projek sahaja. Ini melibatkan modal sejumlah $3,410 juta. Sementara itu dari syarat-syarat ke atas projek-projek yang telah diluluskan Bumiputra memperolehi ekuiti sebanyak $4,248.7 juta menjadikan 41.7% dari jumlah cadangan modal dibayar kepada semua projek-projek yang telah diluluskan.

Perangkaan yang diperolehi dalam satu kajian yang dibuat dalam tahun 1981 ke atas 2,807 buah syarikat perkilangan yang melibatkan modal sejumlah $7,853 juta, usahawan Bumiputra didapati menguasai $1,670 juta iaitu bersamaan dengan 21 peratus. Ini jelas menunjukkan bahawa penyertaan usahawan Bumiputra masih amat rendah, masih jauh lagi untuk mencapai matlamat seperti yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru.

Hal ini memang disedari oleh kerajaan. Sebab itulah Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen menegaskan, "selain dari mengkhaskan ekuiti, di dalam mempertimbangkan permohonan untuk menubuhkan syarikat-syarikat perkilangan, keutamaan sentiasa diberikan kepada cadangan-cadangan oleh pelabur Bumiputra. Di mana terdapat ruang-ruang melabur."

"Untuk bidang-bidang tertentu pula," jelas Tengku Ahmad Rithauddeen lagi, "kelulusan mungkin hanya diberi kepada syarikat-syarikat Bumiputra sekiranya penglibatan mereka masih lagi kurang atau langsung tiada."

Kita mengharapkan dengan amalan-amalan yang dilakukan oleh Kementerian berkenaan seperti itu, sepatutnya penyertaan dan penglibatan usahawan Bumiputra dalam sektor itu akan bertambah dan dapat dipertingkatkan lagi. Jika ini menjadi realiti, maka tentulah sektor perkilangan ini akan lebih banyak lagi dikuasai oleh Bumiputra. Soalnya berapa ramaikah usahawan-usahawan Bumiputra yang berminat untuk menyertai aktiviti ekonomi yang penting ini. Terpulanglah kini kepada para usahawan Bumiputra untuk mengkaji dan mempertimbangkannya. Soalnya peluang telah dibukakan seluas-luasnya, tinggal lagi bilakah mereka akan menyahut dan merebut peluang-peluang ini.

Malah dari masa ke semasa kita perhatikan pihak Kementerian berkenaan sentiasa berusaha bahawa untuk membantu menggalakkan penyertaan Bumiputra di dalam sektor yang mampu membuat untung yang besar ini, masalah penyertaan usahawan Bumiputra selalu diberi pertimbangan khusus. Ini lebih-lebih lagi dilihat di dalam penentuan galakan-galakan pelaburan.

Kita beranggapan demikian kerana melihat kepada contoh 962 projek-projek Bumiputra yang telah diluluskan sehingga pertengahan tahun 1983, sejumlah 587 projek telah diberi galakan-galakan. Ini bermakna 61% dari kelulusan yang diberikan berbanding dengan projek Bukan Bumiputra di mana hanya 32% sahaja jumlah semua projek yang diluluskan diberikan galakan.

Rasanya bantuan dan galakan yang diberikan oleh Kementerian bukan setakat itu sahaja. Selain dari amalan-amalan yang disebutkan itu, kementerian berkenaan juga telah memberi beberapa kelonggaran syarat-syarat diberikan kepada pemohon-pemohon Bumiputra. Antara kelonggaran syarat tersebut seperti dari segi penempatan, ekuiti, eksport dan sebagainya. Melihat keadaan seperti inilah kita merasakan tidak ada sebab kenapa usahawan-usahawan yang telah maju utamanya, tidak mahu merebut peluang-peluang keemasan seperti itu.

Nampaknya peluang-peluang yang diadakan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bukan sahaja dalam sektor perkilangan, tetapi lebih jauh dari itu dibukakan juga

peluang-peluang pelaburan di bidang perkilangan. Dan nampaknya potensi pelaburan di bidang ini oleh usahawan dan rakyat biasa Bumiputra cukup menggalakkan.

Di dalam Rancangan Malaysia Keempat kerajaan telah pun mengenalpasti beberapa bidang tertentu seperti bidang-bidang industri sumber tempatan, industri kejuruteraan, industri berteknologi tinggi dan juga industri sampingan (sokongan). Akhir-akhir ini pula penekanan diberikan kepada perkembangan industri berat (hicom) selain dari meneruskan kegiatan industri kecil.

Sesungguhnya cukup banyak sekali peluang-peluang industri perkilangan yang boleh disertai oleh usahawan Bumiputra. Beberapa industri perkilangan yang rasanya masih belum banyak diceburi oleh Bumiputra antara lain seperti pengeluaran **dripped rubber product** seperti sarung tangan getah, latex thread., catherers dan lain-lain barangan getah untuk industri **automative** dan pembenaan.

Begitu juga potensi di bidang berkayuan seperti **knock-down furniture,** alat-alat sukan, kraftangan dan juga projek yang menggunakan serpihan kayu seperti pengeluaran **fibre board, particle board, wood briquit, wood activated carbon** dan **liminated wood products.** Industri-industri seperti yang berhubungan dengan makanan dalam tin juga hingga ini rasanya masih kurang diceburi oleh usahawan Bumiputra.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga kini sedang berusaha untuk mengenalpasti keluaran-keluaran tertentu yang boleh diusahakan oleh pengusaha-pengusaha kecil. Kementerian berkenaan dilaporkan telahpun mengenalpasti 87 jenis keluaran yang terdiri dari 40 makanan, 28 kejuruteraan ringan, 10 kayu dan rotan dan 9 bahan binaan. Ini semua adalah jenis-jenis pengeluaran yang dikendalikan oleh pengusaha-pengusaha kecil. Oleh demikian pengusaha-pengusaha kecil Bumiputra sepatutnya jangan sekali-kali melepaskan peluang yang baik ini, kerana pada hemat kita perusahaan ini sepatutnya diceburi oleh usahawan Bumiputra sekiranya mereka itu benar-benar mempunyai minat untuk menyertai sektor perkilangan ini.

Dari jenis-jenis pengeluaran yang disebutkan di atas itu ternyatalah sungguh banyak sekali peluang-peluang untuk usahawan-usaha-

wan Bumiputra berkecimpung di sektor perkilangan ini. Barangkali usahawan Bumiputra tidak ramai yang berdaya menceburi industri berat, maka wajarlah mereka itu melangkah dari bawah, maksudnya memulakan usaha dalam bidang industri sederhana ataupun industri kecil.

Selama ini kita sering mendengar rungutan dari institusi kewangan mengatakan sangat kurang sekali Bumiputra yang berpotensi dengan projek yang **viable** untuk diberikan pinjaman. Tetapi kini dengan adanya peluang yang sedang terbuka luas itu, dan ditambah pula dengan tertubuhnya Persatuan Pengilang-pengilang Melayu Malaysia kita mengharapkan penyertaan Bumiputra dalam sektor perkilangan itu akan dapat ditingkatkan. Dan pada peringkat awal ini akan berjaya sekiranya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dari masa ke semasa terus memberikan bantuan-bantuan termasuk kewangan, pengurusan, teknologi dan pasaran.

****

14

BUDGET '84: IT'S ONLY A PINCH

MENTERI Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah telah membentangkan Budget 1984 (Belanjawan 84) pada akhir Disember 83 lalu dan telah dibincangkan dengan hangat oleh ahli-ahli Parlimen. Hampir semua akhbar harian dan mingguan menyiarkan pandangan dan pendapat dari berbagai-bagai lapisan masyarakat, dari orang-orang paling penting hinggalah kepada rakyat biasa. Dan lebih menarik lagi nampaknya pandangan dan pendapat mereka hampir sama dan senada: belanjawan 84 adil, tidak membebankan, tidak teruk, logik dan tidak mengejutkan. Malah ada akhbar memakai tajuk 'It's only a pinch'.

Walau apapun pendapat orang ramai dari sepenting-penting pangkat dan kedudukan sehingga kepada petani dan nelayan, tetapi itu semua pendapat-pendapat sekilas yang dikeluarkan secara mendadak tanpa meneliti dan mengkaji laporan Belanjawan 84 sepenuhnya. Hingga kini nampaknya belum ada tokoh-tokoh atau pakar-pakar ekonomi yang tampil membuat ulasan yang mendalam dan berani. Atau barangkali mereka masih dalam pengkajian dan memerlukan

masa yang lebih panjang.

Apa yang berlaku kebanyakan akhbar menyiarkan pendapat dan pandangan yang rata-rata menyokong dan memuji langkah-langkah yang telah ditetap oleh Menteri Kewangan dalam Belanjawan 84 itu, hatta beberapa orang tokoh dari parti pembangkang pun turut mengatakan Belanjawan 84 sebagai adil, saksama dan realistik. Malah Timbalan Yang di Pertua PAS, Ustaz Nakhaie sendiri turut memujinya terutama dalam hubungan dengan kenaikan cukai kereta yang diimport yang melebihi $40 ribu ke atas harganya.

Kita tentunya tidak akan merasa hairan sekiranya pujian dan pandangan optimis datang dari kalangan parti komponan Barisan Nasional atau dari pegawai-pegawai bank, pegawai kerajaan, dari Kesatuan sekerja ataupun dari tokoh-tokoh perniagaan; tetapi yang menakjubkan kalangan pembangkang dalam kenyataan awal memberikan reaksi yang agak positif dan sekaligus nada mengkritik tidaklah begitu tajam dan keras seperti tahun-tahun terdahulu terutamanya tahun-tahun negara kita tidak terlibat dengan kemelesetan ekonomi.

Sejauh ini saya kira terdapat seorang ahli akademik yang di samping lebih banyak memuji Belanjawan 84 meluahkan rasa tidak cukup fahamnya apakah tujuan sebenar kerajaan meringan/menurunkan cukai terhadap import alat rakaman video dan kaset/katrij video. Tokoh itu ialah Profesor Dr. Kamal Salleh ketika membuat komentar dalam ruangan Sorotan Seminggu RTM seminggu selepas belanjawan itu dibentangkan.

Suatu langkah atau keputusan yang paling bijak dan realistik sewaktu negara menghadapi kemelesetan ekonomi ini ialah Belanjawan 84 tidak melibatkan atau membebankan rakyat dari golongan berpendapatan kecil. Barangkali itu apabila dilihat dari segi secara langsungnya, sangat mungkin kesannya yang buruk dapat dirasai oleh golongan berpendapatan rendah itu secara tak langsung.

Tetapi jika dilihat secara keseluruhan sudah tentu rakyat berpendapatan rendah tidak bertambah bebannya bermakna dengan jumlah hasil pendapatan sama banyak dengan tahun '83 mereka boleh survive (untuk tahun '84).

Ramai orang yang bersetuju jika saya katakan bahawa Belanjawan 84 itu adalah suatu belanjawan hasil dari pemikiran dan keputusan yang bijak. Dan jika pergi lebih jauh lagi, yakni melihat perkembangan ekonomi negara kita dalam keadaan dan perspektif ekonomi dunia dewasa ini, dapat pula dikatakan Belanjawan 84 itu sebagai 'sangat berperikemanusiaan' terutamanya kepada rakyat yang berpendapatan rendah; kerana walaupun kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi kerajaan tidak perlu mengambil langkah menurunkan nilai matawang, kita tidak perlu menaikkan cukai ke atas barang-barangan keperluan rakyat yang berpendapatan rendah.

Kita agak optimis bahawa ekonomi negara ini akan terus stabil oleh kerana kerajaan lebih berhati-hati dalam masalah mengagihagihkan perbelanjaan, yakni mencuba sedaya mungkin mengurangkan perbelanjaan sesuatu projek yang tidak mendesak di samping meningkatkan lagi daya pengeluaran serta menambahkan eksport barangan keluaran kita.

Dengan cara begini tidak ada pakar ekonomi yang boleh menafikan kita akan bisa menambahkan lagi hasil pendapatan, dapat memperbaiki ekonomi negara, utamanya dapat mengimbangkan 'balance of trade' dan 'balance of payment'.

Seperti telah ditegaskan oleh Menteri Kewangan sewaktu membentangkan Belanjawan 84 sungguhpun pada jangka panjangnya keadaan ekonomi dunia masih belum dapat ditentukan, prospek ekonomi kita dalam waktu yang dekat adalah dijangkakan akan lebih baik berbanding dengan tahun 1983.

Belanjawan 84 bukan sahaja meminta orang ramai dan kerajaan mengambil langkah berjimat dan tidak membebankan rakyat golongan berpendapatan rendah, tetapi juga tidak mengabaikan peruntukan pembangunan yang memberi manfaat kepada rakyat di luar bandar.

Kalau dilihat dari segi pengagihan, dari sekian banyak jumlah yang diperuntukan bagi perbelanjaan untuk tahun 83 kerajaan juga telah memberi peruntukan yang besar kepada pembangunan di kawasan luar bandar. Misalnya projek-projek pembikinan jalan-jalan raya di kampung-kampung diperuntukkan sejumlah $143 juta, $90 juta

bagi projek pembekalan elektrik di desa-desa dan $64 juta untuk projek bekalan air.

Kerajaan juga tidak mengabaikan pembangunan pertanian dan nelayan, ini memangnya wajar memandangkan kedua-dua bidang kehidupan ini adalah nadi bagi penduduk-penduduk kampung dan nelayan. Demikianlah kita dapati Belanjawan 84 telah memberi peruntukan yang agak lumayan kepada projek-projek yang ada hubungan dengan peladang dan termasuk juga peruntukan untuk menjaga kesihatan rakyat di desa-desa dan kawasan pendalaman.

Bagi tujuan meringankan sedikit beban, kerajaan telah memotong peruntukan sejumlah $3 billion daripada projek-projek pembangunan, dan sektor yang lebih banyak terlibat ialah perkhidmatan-perkhidmatan sosial seperti perumahan iaitu dipotong sebanyak 45 peratus dan pendidikan dipotong sebanyak 30 peratus.

Jumlah keseluruhan peruntukan yang diberikan kepada perbelanjaan Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak $8.68 billion bagi perbelanjaan untuk tahun 1984. Ini bermakna kurang sebanyak $3 billion berbanding dengan peruntukan 1983 yang berjumlah $11.67 billion dan kira-kira kurang $4.2 billion (atau 33 peratus) berbanding dengan peruntukan perbelanjaan tahun 1982.

Pemotongan perbelanjaan kerajaan yang agak banyak ini amat wajar seperti ditegaskan oleh Tengku Razaleigh bagi mengatasi masalah financial constraint yang dialami oleh kerajaan sekarang ini. Dengan itu pembelian barangan dikurangkan dan sektor kerajaan akan mengurangkan 'perniagaannya'.

Belanjawan juga telah memotong peruntukan kepada sektor keselamatan di mana pangagihan untuk pengembangannya dikurangkan kira-kira 52 peratus iaitu dari $2.48 billion menjadi $1.2 billion saja. Langkah ini sungguh wajar mengingatkan rancangan pembesaran pasukan pertahanan diperlahankan setelah ia mengembang agak hebat dalam jangkawaktu dua tahun yang lalu.

Begitu juga dilakukan pemotongan kepada Kementerian Pertahanan, iaitu dikurangkan dari $1,900 juta pada tahun '83 menjadi $961 juta sahaja, sementara peruntukan bagi Keselamatan Dalam Negeri diturunkan dari $548 juta pada tahun '83 menjadi $238 juta

sahaja.

Pemotongan ini juga tentunya menasabah dan kena pada masanya mengingatkan pada tahun '83 telahpun diberikan peruntukan yang sangat besar kepada sektor keselamatan. Peruntukan 1982 misalnya telah mengambil 21 peratus daripada keseluruhan tabung pembangunan kerajaan.

Nampaknya kerajaan telah bertindak dengan agak bijak apabila dalam Belanjawan 84 kerajaan telah memotong agak banyak juga dalam bahagian perkhidmatan-perkhidmatan sosial. Sektor ini dikatakan sektor yang amat sensitif dan pemotongan yang begitu banyak ($3.49 billion 1982, $2.52 bagi tahun 1983 dan 1984 hanya $1.46 billion sahaja).

Jika dilihat perangkaan peratusnya kerajaan akan membelanjakan projek-projek pembangunan sejumlah 42 peratus lebih rendah berbanding dengan tahun ini dan 58 peratus lebih rendah berbanding dengan tahun 1982. Nampaknya 'pukulan terkuat' terkena kepada sektor perumahan di mana perbelanjaannya bagi tahun 1982 ialah $1.95 billion, turun menjadi $599 juta tahun '83 dan merosot lagi menjadi $340 juta dalam Belanjawan 84.

Adalah tidak berapa jelas kenapa kerajaan membuat pemotongan yang begitu banyak sekali dalam sektor ini. Sedangkan ribuan rakyat sedang menunggu giliran masing-masing untuk memiliki rumah-rumah murah yang bakal disediakan oleh kerajaan. Akan tetapi dengan pengecualian cukai ke atas **sales tax** barang-barang binaan rumah kos rendah boleh mendorong ramai lagi kontraktor-kontraktor membina rumah-rumah kos murah untuk golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Sektor ekonomik juga mengalami pemotongan dalam Belanjawan kali ini, tetapi pemotongannya agak sederhana jika dibandingkan dengan belanjawan-belanjawan yang lampau. Pengagihannya telah dikurangkan sebanyak 13 peratus daripada $6.09 billion menjadi $5.27 billion sahaja dengan kebanyakan beban lebih ditanggung oleh bidang pengangkutan dan komunikasi, iaitu diturunkan sehingga 22 peratus.

Pemotongan ini tidaklah bermakna melibatkan perbelanjaan

pengurusan atau operating expenditure seperti gaji kakitangan kerajaan dan juga pembelian barang-barang kegunaan atau keperluan jabatan-jabatan kerajaan. Perbelanjaan kedua-dua perkara penting ini akan bertambah kira-kira 11 peratus. Namun begitu, berbanding dengan tahun '83 pihak kerajaan dijangkakan akan berbelanja berkurangan $1.2 billion.

Dari belanjawan 84 yang telah dibentangkan itu nampaknya kerajaan lebih banyak bergantung kepada mengurangkan perbelanjaan daripada menurunkan cukai-cukai. Dan dengan kutipan cukai-cukai dari barang-barangan yang dieksport dan pemotongan perbelanjaan, Menteri Kewangan mengharapkan akan dapat mengurangkan dificit budget kepada $7.7 billion pada tahun 1984 berbanding dengan **dificit budget** sebanyak (dijangka) $9.8 billion pada tahun 1983.

Adalah sangat jelas dan nyata sekali bahawa hal yang paling utama dalam Belanjawan 84 itu ialah masalah bagaimana hendak mencari/mengambil langkah-langkah yang berkesan bagi mengurangkan sedikit beban budget dificit' dan hubungannya dengan dificit imbangan bayaran akaun semasa.

Seperti mana yang diramalkan atau dispekulasikan oleh akhbar-akhbar dan orang ramai menjelang pembentangan Belanjawan 84, kerajaan telah bertindak menaikkan cukai duti ke atas kereta-kereta jenis mewah yang harganya lebih $40 ribu yang diimport, dan juga kenaikan seratus peratus bayaran passport menjadikan $60 untuk tempoh lima tahun.

Kedua-dua pencukaian ini adalah difikirkan sangat wajar, mengingatkan hanya orang-orang yang mampu sahaja yang dapat membeli kereta dan mendapatkan lesen memandu yang jauh lebih murah, sedangkan memiliki sebuah passport tidaklah pula menjadi perkara yang wajib bagi semua rakyat.

Demikianlah penambahan tariff ke atas 111 jenis barangan, termasuk bahan makanan telah dilakukan dengan cermat. Adalah sangat jelas barangan itu semua telah terlebih dahulu dipastikan tidak melibatkan golongan rakyat yang berpendapatan rendah.

Dari perkiraan seperti inilah maka rencana ini agak adil dikatakan sebagai 'Belanjawan Berperikemanusiaan'.

15

PENULIS, TANGGUNGJAWAB DAN BATAS KEBEBASAN

ADA dua persoalan yang amat pokok yang telah dibangkitkan oleh Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad apabila beliau berucap melancarkan **Zamalah Sastera Berita Harian** pada 20hb. November '83 lalu di Dewan Nirwana, Hotel Hilton, Kuala Lumpur. Persoalan yang dimaksudkan itu ialah berhubungan dengan tanggungjawab dan batas kebebasan kaum penulis. Penulis di sini dimaksudkan kepada sasterawan dan wartawan. Persoalan ini pula dikaitkan dengan sistem perhubungan, konsep interdisiplin dan juga tentang nilai seni.

Kira-kira 300 orang para penulis, wartawan, sarjana dan para ilmuan yang menghadiri majlis itu agak terpukau dan terpesona mendengar ucapan itu. Antara mereka, selepas majlis itu, ada yang tertanya-tanya kenapakah Dr. Mahathir akhir-akhir ini begitu kerap bercakap pasal kebebasan dan tanggungjawab penulis. Apakah ini selari dengan konsep dan dasar **liberal** yang dilaksanakan oleh kerajaan pimpinan sekarang?

Hakikat kebebasan dan tanggungjawab bagi kaum sasterawan

dan wartawan ini menjadi sangat penting dan patut selalu diberikan perhatian mengingatkan kini kita semua hidup di zaman yang sangat maju dan segala sesuatu bergerak atau merebak dengan pantas; ini dikeranakan sistem komunikasi kita sudah mula mencapai tahap sofistikated.

Sistem komunikasi atau perhubungan kini menjadi alat pembentukan masyarakat yang amat penting. Maka itu para intelek, penulis seperti sasterawan dan wartawan yang secara langsung terlibat dalam sistem ini sebagai penggeraknya adalah golongan yang sangat penting dan terpengaruh. Maka itulah kebebasan dan tanggungjawab mereka perlu diberikan asal saja **kebebasan** itu ada batas sempadannya.

Bagi kaum penulis, baik di mana-mana negara pun di dunia ini keinginan untuk bebas menyuarakan pendapat dan pandangan dan kritik-kritik membina memangnya menjadi hasrat dan pendirian mereka. Pendirian inilah yang selalu dipertahankan hatta sehingga ada yang rela merengkuk dalam penjara.

Bagi negara kita Malaysia konsep kebebasan ini telah berlaku semenjak kita merdeka lagi, tetapi kebebasan yang lebih jelas dapat dirasakan oleh para penulis terutama golongan wartawan semenjak akhir-akhir ini apabila kerajaan melaksanakan dasar liberalnya. Belum ada akhbar-akhbar yang ditutup kecuali yang memainkan isu sensitif dan merendah-rendahkan satu-satu agama tertentu. Setakat ini belum ada penulis atau wartawan yang ditahan oleh pihak kerajaan kerana bebas menyuarakan suara mereka mengkritik kerajaan.

Malah seperti telah ditegaskan oleh Datuk Sri. Dr. Mahathir sendiri, "saya sendiri sentiasa mengalu-alukan kritik yang membina serta maklumbalas yang diberikan oleh para penulis, sama ada ia seorang sasterawan ataupun wartawan."

Kata-kata seperti "Setiap kebebasan ada tanggungjawabnya" dan "Setiap orang yang menuntut hak kebebasannya mestilah sanggup bersikap bertanggungjawab apabila kebebasan itu diberikan kepadanya" patutlah direnung dan ditafsirkan dengan cermat oleh para sasterawan dan wartawan tanahair. Sesungguhnya jika menuntut kebebasan dan orang lantas memberikan kebebasan itu kepada kita, maka kita hendaklah pula tahu menggunakan kebebasan itu,

kerana tidak mudah bagi kaum sasterawan dan wartawan mendapatkan kebebasan seperti yang kita perolehi pada masa kini di negara kita ini.

Seseorang penulis, baik ianya sasterawan ataupun wartawan sesungguhnya mempunyai tanggungjawab yang amat besar kepada negara, agama dan bangsanya. Sebagaimana ditegaskan oleh Dr. Mahathir, oleh kerana penulis itu juga sebahagian dari anggota masyarakat, maka sang penulis itu berkewajipanlah pula bertanggungjawab kepada masyarakat atau negara di mana ia tinggal.

Demikianlah juga oleh kerana masyarakat kita adalah sebuah masyarakat yang mempunyai kepercayaan beragama, maka hendaklah bertanggungjawab kepada agama, khususnya penulis-penulis Melayu yang secara tradisinya beragama Islam mestilah bertanggungjawab kepada kesucian, kemurniaan dan keuniversalan agama Islam itu. Malah, mereka sendiri hendaklah pula selalu dibendung oleh ajaran-ajaran Islam apabila menulis atau mencipta sesuatu karya kreatif.

Selain daripada bertanggungjawab kepada negaranya kerana ia diam di negara itu, ia patutlah memegang konsep "di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung." Maka menjadi satu kewajipan pula bagi seseorang itu untuk bertanggungjawab mempertahankan apa sahaja yang difikirkan benar dan bermanfaat kepada masyarakat seluruhnya. Dan tanggungjawab ini termasuklah juga tanggungjawab kepada diri sendiri, khususnya sebagai seorang penulis — satu golongan yang memainkan peranan yang sangat vital di dalam satu-satu masyarakat atau negara.

Jadi, sebagai penulis, apalagi kita bertanggungjawab terhadap apa saja yang kita lakukan, sewajibnya pula kita berusaha menjaga, memelihara dan mempertahankan dari sebarang ancaman yang mungkin menimpa. Tanggungjawab kita yang maha besar ialah tanggungjawab mempertahankan dan memeliharakan agama dan bangsa kita. Agama mesti diletakkan pada nombor wahid. Maruah dan keselamatan bangsa kita perlu dijaga, seperti 'menatang minyak yang penuh'.

Kaum penulis sebagai golongan yang mempunyai tugas dan

tanggungjawab serta peranan yang tersangat penting di dalam sesebuah negara tidaklah sama sekali patut mengabaikan kepentingan agama, bangsa dan negara di dalam sebarang hasil tulisannya. Benar penulis berhak menegur, mengkritik dan memberikan pandangan tetapi janganlah pula kita salah menggunakan hak itu pada tempat dan masa yang salah. Misalnya dalam keadaan yang 'agak keruh' kerana terbit dari isu pindaan dalam Perlembagaan Persekutuan baru-baru ini janganlah pula ada golongan penulis yang muncul untuk 'menangguk di air yang keruh', kerana perbuatan seperti itu selain dari ianya perbuatan yang terkutuk ia boleh merugikan bangsa dan negara kita sendiri.

Jika kita seorang penulis yang benar-benar bertanggungjawab, kita mestilah selalu bertindak dengan bijak dan arif apabila menonjolkan satu-satu pandangan atau saranan yang melibatkan kepentingan bangsa dan negara. Salah cara, hasil tulisan kita itu bukannya membawa manfaat, tetapi sebaliknya menimbulkan bencana yang merugikan. Inilah yang patut dijaga selalu. Inilah juga maksud kebebasan itu mesti ada batas sempadannya. Dan hanya itulah caranya kita menunjukkan tanggungjawab kita sebagai penulis yang sebenar-benarnya.

Sikap dan pendirian seseorang penulis terhadap sebarang isu yang timbul atau berbangkit, mestilah jujur, ikhlas dan bertanggungjawab. Hal ini menjadi amat penting ditimbangkan mengingatkan hasil tulisan penulis itu dibaca oleh jutaan orang. Segala sesuatu hal yang negatif yang ditonjolkan pastilah pula ditunjukkan cara-cara atau saranan-saranan bagi mengatasinya atau sekurang-kurangnya berikhtiar memberikan alternatif kepada masalah yang dibincangkan dalam tulisan itu.

Penulis sama sekali tidak boleh bersikap bias. Jika kita berbuat demikian kita menjadi penulis yang bacul. Penulis juga tidak boleh terlalu memihak. Jika kita berbuat begitu, kita akan dicapkan sebagai berat sebelah. Tugas kita ialah menganalisa, memberi pandangan, menyarankan cara-cara mengatasi masalah dan sekaligus mencari alternatif-alternatif; ini semua menjadi amat penting kerana tugas kita bukannya merumitkan masalah, tetapi menjernih dan

menyelesaikan masalah dengan cara yang menguntungkan dan menuju kebaikan masyarakat seluruhnya.

Begitulah juga dalam penulisan karya-karya kreatif bagi para karyawan atau sasterawan. Kita bebas menulis mengenai apa saja, seperti penderitaan, penyelewengan, korupsi, kemiskinan yang dapat kita amati dan renungkan dalam masyarakat kita. Kita boleh menimbulkan itu semua dalam karya-karya kita kerana memangnya perkara seumpama itu kerap berlaku, tinggal lagi serius atau tidak serius persoalan itu. Kita bukan sahaja berhak dan bebas menulis tentang perkara-perkara itu, bahkan itulah tanggungjawab sang penulis. Tetapi niat kita mestilah positif; iaitu bukannya untuk memburuk-burukkan lagi gejala-gejala yang sedia buruk itu, tetapi bagi menginsafi masyarakat bahawa hal-hal yang dibangkitkan itu menuntut pembelaan, perlu diatasi dan dihapuskan.

Apa yang dibangkitkan ini cukup penting dipertimbangkan kerana kedudukan kita kaum penulis yang agak istimewa dalam masyarakat yang bertamaddun. Dalam hubungan dengan negara kita Malaysia, penulis itu seperti telah disarankan oleh Dr. Mahathir, bukan sahaja menjadi pencatat zamannya, tetapi dalam banyak hal mereka juga menjadi pemimpin pemikiran masyarakatnya. Oleh demikian, selalu 'pemimpin' kaum penulis patutlah menjalankan tugas dan peranannya dengan penuh rasa tanggungjawab.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Dr. Mahathir bahawa oleh kerana penulis itu mempunyai kedudukan yang agak istimewa di dalam masyarakatnya, maka cara mereka itu menggunakan kebebasan menjadi lebih penting dan begitu kritikal jika dibandingkan dengan golongan-golongan lain. Benar ungkapan kebebasan itu senjata. Senjata ini hanya boleh digunakan dengan cukup berfaedah bagi orang-orang yang bertanggungjawab. Tetapi senjata ini cukup membahayakan sekiranya diperolehi oleh orang-orang yang dikekang emosi melulu, oleh orang-orang yang hanya mencari kepentingan diri, oleh orang-orang yang tidak mempunyai pendirian dan oleh orang-orang yang senang diperkotak-katik atau dibeli orang.

Sebagai penulis mereka harus tahu apa yang mereka lakukan. Mereka harus bertindak dengan lebih bijaksana. Kebijaksanaan atau

wisdom itulah yang menunjukkan ketamaddunan seseorang, kerana dengan bertindak secara bijaksana sahajalah kaum penulis akan mampu menjalankan peranannya dengan lebih bertanggungjawab.

Bukankah kita selalu berdoa kepada Allah agar mengurniakan kita akan kebijaksanaan untuk menjalankan tugas-tugas kita seharian?

Anugerah Sastera Negara: puncak penghargaan kepada penulis



Kita tidak iri hati kerana wartawan dan media massa berkuasa-Mahathir

16

PERANAN AKHBAR: THE FOURTH ESTATE YANG BERKUASA

SELAIN dari mengatakan akhbar biasa disebut sebagai "The Fourth Estate", Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga menyebut bahawa "kita tidak iri hati kerana wartawan dan media massa berkuasa". Seterusnya ketika berucap di upacara Penyampaian Anugerah Akhbar Malaysia ke-2 sedikit masa dahulu beliau berkata "tidak siapa boleh menyoal bahawa wartawan dan media massa merupakan suatu kuasa dalam sesebuah negara".

Pendapat Datuk Sri Mahathir ini memang tepat sekali, akan tetapi sekuat manakah kuasa itu boleh bergerak bebas adalah suatu persoalan lain lagi. Kuasa itu mungkin banyak dan mungkin pula terhad pada negara-negara tertentu. Dalam konteks negara kita Malaysia, semenjak kerajaan mengamalkan dasar komunikasi massa yang lebih liberal nampaknya kuasa tersebut memangnya digeruni atau ditakuti oleh banyak orang. Malah kerajaan sendiri sentiasa berhati-hati dengan sebarang bahan siaran yang dimuatkan di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan.

Bercakap tentang kuasa yang ada pada sebarang komunikasi

massa kita tidak akan terlepas daripada mengaitkannya dengan keadaan kebebasan akhbar atau apa disebut dalam bahasa Inggeris sebagai **freedom of Press** . Sejauh manakah kebebasan itu diperolehi oleh akhbar-akhbar atau komunikasi massa di negara ini tidak usah kita bincangkan lagi kerana hal ini akan dibicarakan secara khusus dalam satu bab yang lain.

Kebebasan yang diperolehi oleh komunikasi massa kita kebebasan yang tidak obsolute, ini adalah wajar kerana keadaan masyarakat kita yang majmuk itu tidak mengizinkan akhbar mendapat kebebasan yang total atau mutlak; akan tetapi pihak kerajaan tidak pernah menekan mana-mana akhbar di negara ini. Sebaliknya kerajaan sekadar menegur atau paling lebih memberi amaran terlebih dahulu sekiranya terdapat sesuatu yang difikirkan boleh membahayakan keselamatan umum disiarkan oleh akhbar biasa.

Berbalik kepada kuasa tadi memang di mana-mana negara pun di dunia ini komunikasi massa itu mempunyai kuasa tertentu. Maka itulah dibuat orang perumpamaan bahawa pena itu lebih tajam daripada pedang. Ketajaman pena itulah kuasa yang dimaksudkan itu. Akan tetapi ketajaman pena sebenarnya tidak dapat digunakan dengan sewenang-wenangnya kerana ia tertakluk kepada batas-batas atau had-had tertentu lebih-lebih lagi dari segi untuk menjaga keselamatan sesebuah negara.

Jika benarlah kuasa itu berada di tangan komunikasi massa, maksudnya di tangan para wartawan atau jurnalis, maka kuasa itu sewajarnya digunakan dengan sebjiak mungkin. Gunakanlah kuasa itu untuk membantu masyarakat umum supaya dapat hidup dalam suasana yang harmonis, aman, makmur dan sejahtera. Dan untuk waktu ini sesuai dengan negara kita sedang melaksanakan berbagai-bagai program pembangunan rohani dan jasmani, gunakanlah kuasa itu untuk pembangunan negara yang kita cintai ini.

Seperti yang ditekankan oleh Datuk Sri. Dr. Mahathir bahawa kerajaan berhasrat untuk menjadikan negara ini sebuah negara yang aman dan makmur dengan membawa kebahagiaan kepada semua penduduk Malaysia tanpa mengira kaum ataupun agama. Untuk ini rasanya bolehlah dengan kuasa yang dimilikinya massa memainkan pera-

nannya yang vital itu membantu kerajaan mencapai matlamat dan cita-cita tersebut.

Pihak akhbar dan wartawannya patutlah mengabdikan diri untuk kepentingan negara ini. Kita merasakan ini tersangat penting kerana mana-mana kerajaan sejujur mana pemegang terajunya, atau sekuat mana kuasa yang ada padanya tidak akan dapat dengan sendirinya membangunkan negara ini tanpa bantuan dan kerjasama dari semua pihak. Dalam hubungan ini bantuan dan kerjasama para wartawan sangat-sangatlah dituntut.

Tugas dan tanggungjawab kerajaan ialah memerintah dengan seadil-adilnya. Tugas dan tanggungjawab para wartawan pula ialah membentuk pemikiran dan sikap rakyat jelata ke arah kemajuan dan pembangunan, berdisiplin berharmoni dan kesungguhan bekerja. Jadi, untuk menjayakan tujuan ini wartawan mestilah tidak boleh bersikap prasangka.

Sebelum menulis atau melaporkan sesuatu peristiwa atau sebelum membuat komentar wartawan patutlah berfikir semasak-masaknya akan implikasi dan kesan baik dan buruk tulisan atau laporannya itu. Dengan begitu segala yang dilapor itu barulah benar-benar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat keseluruhannya.

Sesungguhnya dalam negara ini tugas dan tanggungjawab wartawan amat berat dan penting sekali. Kita beranggapan demikian oleh kerana sebagaimana diketahui kini negara kita sedang berusaha untuk membangun, maka tanpa bantuan para wartawan proses pembangunan itu mungkin tidak sepantas seperti yang dijangkakan.

Jadi sekiranya ada pula golongan wartawan yang suka membuat "onar" atau suka menjadi duri dalam daging, sudah tentulah ia boleh membantu proses pembangunan yang sedang berjalan lancar itu. Maklumat-maklumat yang tepat, benar dan nyata perlu disampaikan kepada rakyat semua. Maka itu selain daripada media-komunikasi yang dimiliki oleh kerajaan, wartawan-wartawan termasuk wartawan freelance juga mesti setiap masa bekerjasama dengan pihak agensi kerajaan.

Kerajaan pimpinan sekarang nampaknya sedang sungguh-sungguh mengatasi segala macam kelemahan baik ianya dari pihak kera-

jaan atau pentadbiran mahupun kelemahan yang terdapat di kalangan rakyat sendiri. Kerajaan cuba mengatasi kelemahan-kelemahan tersebut dengan berbagai cara. Cara yang agak sesuai ialah dengan menganjurkan rakyat berdikari dan mengubah sikap. Rakyat mesti memiliki sikap rajin, berdisiplin, amanah, cekap dan mempunyai sifat-sifat etika kerja yang baik, sikap yang baik, sikap yang sanggup mempertahankan maruah bangsa dan negara.

Dalam hubungan bagi mencapai matlamat ini maka rasanya pihak akhbar dan wartawan-wartawan perlulah tampil ke muka memainkan peranan masing-masing agar cita-cita dan hasrat yang positif ini akan benar-benar tercapai dan berkesan.

Adalah amat wajar sebahagian dari tugas ini diletakkan ke atas pundak para wartawan kerana seperti dijelaskan oleh Perdana Menteri wartawan itu mempunyai kuasa, dan kuasa ini adalah tanggungjawab, sebenarnya!

Para wartawan yang diberi dan mempunyai kuasa itu sebetulnya bukanlah setakat wartawan dalam profesyennya saja, tetapi kita jangan lupa bahawa wartawan juga manusia biasa yang berinteraksi satu sama lain seperti rakyat lainnya. Maka itu tanggungjawab wartawan sesungguhnya lebih berat daripada orang biasa atau lay man; mungkin sama berat dengan golongan pentadbir atau agensi-agensi yang melaksanakan dasar-dasar dan projek-projek kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab seseorang wartawan itu menggunakan kebijaksanaan atau wisdom dan kepandaiannya untuk menolong membantu pembangunan negara tanah tumpah darah dan tempat tinggalnya.

Seperti mana yang pernah ditegaskan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir, sebagai golongan patriot, yang bertanggungjawab maka pena para wartawan yang tajam itu eloklah digunakan untuk membentuk peribadi dan pemikiran bangsa dengan sewajarnya. Golongan wartawan sepatutnya menerima baik pengakuan Perdana Menteri bahawa pihak kerajaan menganggap kaum wartawan adalah sebagai rakan seperjuangan.

Kata-kata Perdana Menteri "kita tinggal di negara ini, kita berlindung di negara ini, tentulah wajar kita bersikap bertanggungjawab

dan mencintai negara ini" patutlah disambut baik oleh para wartawan khususnya yang mengaku negara Malaysia tercinta ini sebagai negara tanah tumpah darah dan tempat kita mencari makan.

Gunakanlah kuasa yang saudara-saudara miliki itu sebijaksana mungkin!

* * * * * * * * * *

17

MASS MEDIA: KENAPA SEMBUNYI TANGAN SETELAH MEMBALING BATU?

DATUK Musa Hitam telah menunjukkan sikapnya yang tegas dan berani apabila beliau menyatakan kerajaan tidak akan memaafkan mana-mana pihak atau media-massa yang cuba meniupkan api perkauman sama ada secara terang-terangan, secara **subtle** ataupun seperti kata perumpamaan Melayu 'lempar batu sembunyi tangan'.

Timbalan Perdana Menteri seterusnya menegaskan bahawa kerajaan tidak akan melembutkan sikap anti komunis, anti perkauman dan akan terus menentang pelampau-pelampau dari mana-mana pihak. Dari mana-mana pihak di sini dapatlah difahamkan termasuk parti-parti pembangkang di negara ini, agen-agen luar di negera ini dan juga akhbar dan majalah yang menjadi 'alat' bagi kepentingan pihak-pihak tertentu tadi.

Amaran Datuk Musa ini sangatlah wajar dan pihak-pihak tertentu tadi patutlah pula berhati-hati terutamanya pihak mass-media, satu-satu alat terpenting bagi membentuk pemikiran rakyat negara ini. Sekiranya mass-media seperti mana yang disebutkan oleh Datuk Musa ada yang cuba bermain api, atau cuba meniupkan api perkau-

man secara 'baling batu sembunyi tangan' itu memandang sepi saja kepada amaran tersebut, kita bimbang negara Malaysia yang aman, makmur dan stabil ini akan menjadi medan perkauman yang dahsyat.

Kita menyatakan demikian mengingatkan negara ini sebuah negara berbilang kaum yang masyarakatnya adalah masyarakat majmuk, seumpama sebuah padang lalang kering tercampak puntung rokok pun ia bisa hangus seluruhnya.

Nampaknya terbukti telah ada akhbar-akhbar yang menyalah gunakan sikap liberal kerajaan terhadap kegiatan dan perkembangan media-media komunikasi di negara ini. Kerajaan pimpinan sekarang memang jujur dan ingin melihat sesuatu yang positif dalam pentadbiran cekap, bersih dan amanahnya apabila Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad telah menegaskan kerajaan mengamalkan kebebasan akhbar secara liberal dan lebih terbuka; dengan demikian boleh membebaskan media-media komunikasi dari belenggu yang dulunya menyekat mereka dari memberikan sumbangan yang lebih bermakna kepada pembinaan negara dari segi jasmani dan rohani seperti yang diidam-idamkan oleh semua orang.

Apa yang mendukacitakan kita ialah apabila seperti yang diceritakan oleh Datuk Musa Hitam terdapatnya akhbar-akhbar yang menyiarkan berita-berita yang bertujuan jahat, yang sengaja untuk menyemarakkan api perkauman di negara tercinta ini.

Sesungguhnya laporan berita yang menceritakan kisah temu ramah tiga orang miskin dari keturunan India yang tidak mendapat peruntukan rumah murah dan pada ruang yang sama melaporkan temuramah dengan tiga orang Melayu yang berjaya mendapat rumah murah. Kemudian bila melaporkan penderitaan hidup dari golongan masyarakat China disiarkan sebelah-menyebelah dengan laporan mengenai kemewahan hidup golongan raja-raja dan golongan menengah atau elit yang lain.

Bagi pembaca yang dapat menangkap maksud penyiaran seperti ini sudah tentu boleh membangkitkan perasaan marah dan benci kepada golongan yang mendapat layanan yang baik. Tidakkah perbuatan seperti ini boleh mencetuskan perasaan benci, dendam dan seterusnya menimbulkan atau membenihkan bibit-bibit perkauman yang

membahayakan kesejahteraan rakyat berbagai keturunan di negara ini.

Bagi pembaca biasa mungkin penyiaran seperti ini tidak menimbulkan apa-apa kesan buruk, akan tetapi bagi pembaca yang teliti ia merupakan suatu perbuatan yang mempunyai niat jahat, atau boleh ditafsirkan sebagai suatu hasutan yang halus atau subtle kepada pembaca-pembaca khususnya kepada kaum yang tidak mendapat kemewahan hidup atau yang tidak mendapat peluang seperti mana diperolehi oleh orang Melayu dalam laporan tersebut.

Sebetulnya penyiaran berita seumpama ini boleh menimbulkan perasaan sakit hati, benci membenci, dendam di kalangan berbagai kaum di negara ini. Inilah satu perbuatan yang sengaja dirancang oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Mereka ini lebih suka melihat sesuatu keadaan kehancuran daripada keteguhan dan keharmonian hidup bermasyarakat berbagai kaum di negara ini.

Maka tidaklah salah jika kita katakan perbuatan seumpama itu adalah perbuatan yang berniat jahat, perbuatan yang sangat disukai oleh golongan pelampau dan komunis yang setiap detik dan saat cita-citanya mahu menghancurkan negara ini. Dan bukankah mereka itu merupakan musuh nombor wahid negara ini.

Seperti mana yang ditegaskan oleh Datuk Musa Hitam sewaktu berucap di majlis pembukaan seminar laporan UNESCO mengenai "Penerangan dan Komunikasi" baru-baru ini bahawa kebebasan akhbar adalah kebebasan yang tidak **obsolute** di mana-mana negara pun di dunia ini. Kebebasan media-massa adalah terhad oleh berbagai-bagai undang-undang dan akta bagi melindungi kepentingan orang ramai. Kebebasan yang diberikan oleh akhbar-akhbar di negara ini. Sepatutnya kebebasan yang diberikan itu mestilah disambut baik, dipelihara dan diiringi oleh perasaan bertanggungjawab. Perbuatan seperti ini bukan sahaja tidak bertanggungjawab, tetapi sebaliknya ia merupakan suatu perbuatan menghasut.

Dan perbuatan menghasut sewajarnya menerima 'hukumannya' yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukan. Pihak akhbar seharusnya menyedari bahawa negara kita ini mempunyai Akta Hasutan yang perlu dihormati.

Nampaknya ada pihak-pihak tertentu yang tidak senang dengan sikap liberal dan lebih terbuka ini. Akan tetapi sementara itu rasanya terdapat juga akhbar-akhbar yang mula menunjukkan sikap yang positif terhadap kebebasan yang diberikan oleh kerajaan itu.

Benarlah seperti kata Datuk Musa lagi bahawa enviromen atau persekitaran yang wujud di negara kita kini membayangkan potensi-potensi yang besar, dan sekaligus terdapat perangkap-perangkap bahaya yang boleh menggugat keadaan keamanan, kemakmuran dan kestabilan negara ini.

Jika bahaya ini ditambah pula oleh perbuatan orang-orang yang tak bertanggungjawab di dalam mana-mana media-komunikasi yang cuba melakukan perbuatan "baling batu sembunyi tangan" maka selama itulah negara yang muda, sensitif dan penuh dengan berbagai prejudis ini tidak akan dapat membangun dengan lancarnya. Dan sekiranya segala pembangunan terbantut maka yang rugi bukannya penghasut-penghasut tadi, tetapi ialah rakyat jelata semua.

Pada hemat kita sebagai satu langkah mencegah perbuatan jahat seperti ini terus-menerus dilakukan atau dieksploitkan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab itu pihak kerajaan sepatutnya menghadkan kebebasan tersebut dan serentak dengan itu hendaklah juga sentiasa meneliti-gerak geri dan tindak-tanduk sesiapa sahaja yang berniat jahat. Ini perlu dilakukan mengingatkan kadangkala orang yang tidak berniat jahat pun boleh terperangkap diperalatkan oleh anasir-anasir yang hendak memusnahkan keharmonian hidup masyarakat yang kita tatang seperti menatang minyak yang penuh selama ini.

Anasir-anasir seperti ini biasanya bergerak secara halus dan sungguh membahayakan, apalagi memandangkan di negara kita ini terdapat berbagai-bagai akhbar yang menggunakan berbagai-bagai bahasa pula. Pihak akhbar-akhbar tertentu janganlah pula merasakan akhbar mereka itu dibaca oleh satu-satu kaum tertentu maka ia boleh berbuat apa yang disukainya. Hendaklah diingatkan bahawa perbuatan mereka itu pasti boleh dikesan oleh kerajaan, apalagi memandangkan di KHEDN memang terdapat akhbar-akhbar yang diterbitkan di negara ini pada setiap hari.

Seperti mana telah ditegaskan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad bahawa wartawan dan media-massa merupakan suatu kuasa dalam negara. Katanya lagi akhbar biasa disebut sebagai The Fourth Estate. Jadi akhbar punyai peranan tersendiri yang sungguh vital dalam menentukan nasib sesebuah negara. Kuasa yang dimaksudkan di sini ialah tanggungjawab, maka 'kuasa' ini hendaklah dipelihara atau diamalkan dengan sewajarnya demi kepentingan masyarakat dan rakyat seluruhnya.

Dan bagi setengah-setengah akhbar yang selama ini cuba membaling batu kemudian sembunyi tangan patutlah menyedari hakikat sebenar yang wujud di negara ini. Atau kalau berani juga – "kalau melempar batu cuba jangan sembunyi tangan". Barulah orang mudah mengenali siapa sebenarnya mereka itu.

Datuk Musa Hitam

18

KRISIS SNAP: JANGAN PERKECIL KEBOLEHAN ORANG DAYAK

SAYA masih ingat lagi ketika saya berada di Hotel Aurora Kuching selama seminggu pada akhir bulan Mei tahun lalu sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris Sarawak telah menyiarkan di muka depan sebuah berita penting mengenai krisis parti SNAP yang dikatakan sudah hampir sampai ke kemuncaknya. Berita itu menyebut kemungkinan Daniel Tajem dan Encik Joseph Mamat Samuel Adun Kawasan Tatau akan dipecat dari parti.

Encik Tajem ialah Timbalan Ketua Menteri dan juga Menteri Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak telah diberi surat **showcause** oleh partinya (SNAP atau Sarawak Nasional Party) bersama dengan Encik Mamat. Surat ini diberi berikutan dengan keputusan Majlis Tertinggi parti itu yang bersidang pada 21hb Mei 1982. Dan kira-kira setahun kemudian, barulah Jawatankuasa Tertinggi parti itu mengambil keputusan bertindak menyingkir Encik Tajem.

Dan pada 19 Jun 1983 lalu, Encik Tajem yang juga Naib-Presiden SNAP telah dipecat keanggotaannya dari parti itu. Pemecatan ini berikutan dengan keputusan pengundian yang diambil dalam

mesyuarat jawatankuasa tertinggi atau CEC, iaitu dengan undian 13 menyokong dan 4 menentang Tajem dipecat. Akan tetapi hingga hari ini, Encik Daniel Tajem masih lagi memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak meskipun SNAP sendiri telah memberi nama baru kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Taib Mahmud (Encik Tajem juga dilantik memegang jawatan yang sama pilihanraya Negeri Sarawak pada 28hb Disember '83 lalu).

Sebenarnya kisah penyingkiran Encik Tajem ini menjadi suatu isu yang penting dalam pergolakan krisis parti SNAP yang berpanjangan itu. SNAP ialah sebuah parti yang majoritinya dikuasai oleh orang-orang Dayak, tetapi orang-orang China juga mempunyai kedudukan yang kuat. Krisis mula meletus apabila Jawatankuasa Tertinggi SNAP membuat 'post-mortem' kekalahan parti itu dalam Pilihanraya Parlimen kawasan-kawasan Mas Gading, Saratok dan Batang Lupar.

Pemimpin-pemimpin SNAP dari keturunan Dayak dituduh membantu calon-calon Bebas menyebabkan kekalahan calon-calon SNAP di kawasan-kawasan tersebut. Dan Daniel Tajem dikatakan salah seorang pemimpin SNAP yang membantu calon Bebas itu. Inilah faktor yang amat tidak menyenangkan hati James Wong, Presiden parti itu.

Encik Tajem yang menjadi Naib-Presiden SNAP dan yang juga menjadi Presiden Persatuan Kebangsaan Dayak Sarawak mula dicurigai oleh pucuk pimpinan parti apabila beliau memihak kepada kamp yang diketuai oleh Setiausaha parti, Datuk Leo Moggie telah tewas dalam pertandingan pemilihan ketua parti dalam Mesyuarat Agung SNAP pada bulan November 1981. Beliau menentang Encik Edward Jeli sebagai Timbalan Presiden tetapi kalah. Dan kedudukan Encik Tajem tambah tergugat lagi setelah selesainya pilihanraya parlimen yang lalu.

Seminggu sebelum jawatankuasa tertinggi parti bersidang, presidennya Datuk James Wong telah mengeluarkan suatu kenyataan yang panjang sebagai respond kepada beberapa isu yang pada hematnya telah mendapat perhatian yang amat enthusiastic di dalam akhbar-akbar di Sarawak. Beliau menekankan SNAP adalah sebuah parti

yang 'multi-rasial' dan demokratik. Beliau menambah, meskipun SNAP dianggotai oleh berbagai-bagai kaum tetapi majoriti anggota parti terdiri dari kaum Dayak.

Saya sebagai orang China, kata Datuk James Wong, sangat gembira dan merasa megah kerana adanya orang-orang Dayak menjadi pemimpin parti SNAP yang bererti memimpin segala macam kaum di negeri Sarawak sama ada pada peringkat negeri mahupun peringkat Persekutuan.

Kenyataan Presiden SNAP ini sekaligus membayangkan langkah pemecatan Encik Daniel Tajem sudah jelas.

Inilah yang dikatakan oleh Tajem bahawa perasaan 'curiga' dalam hati kecilnya yang beliau akan disingkir dari parti akan berlaku dalam waktu yang dekat. Kerana beliau sudah sedar apabila Datuk Leo Moggie yang dianggap sebagai 'pemberontak' oleh kamp Datuk Wong telah diperhati setiap gerak gerinya, terutama yang berhubungan dengan kegiatan parti.

Dan kecurigaan itu menjadi nyata kemudiannya apabila seperti kata Encik Tajem beliau telah didesak sebanyak tidak kurang dari empat kali supaya meletakkan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak di antara 20hb Jun tahun 1982 hingga 5hb Mei 1983 lalu. Tetapi beliau telah menolak di atas prinsip-prinsip tertentu.

Encik Tajem yang beberapa kali sewaktu ditanya oleh pemberita selalu menyatakan bahawa beliau adalah seorang penyokong Barisan Nasional yang setia. Menurutnya salah satu dari sebab-sebab lain kenapa beliau tidak disenangi dan dipecat dari parti kerana pengaruhnya yang begitu kuat di kalangan penyokong-penyokong pada peringkat bawah (gross-roots level).

Dan beberapa kali pula beliau menegaskan Datuk Edwin Tangkun calon BEBAS yang menang di Kawasan Batang Lupar adalah "political mentornya" semenjak beliau mula bergerak aktif dalam politik lagi. Mungkin ini juga pada hemat Encik Tajem merupakan salah satu sebab-sebab lain beliau disingkirkan dari parti.

Dengan penyingkiran Encik Daniel Tajem itu sudah empat orang tokoh terpenting SNAP yang dipecat dari parti tersebut. Sebelum ini tokoh-tokoh yang disingkir ialah Encik Patrick Anek yang

kemudiannya memenangi kawasan Parlimen Mas Gading atas tiket Bebas, bekas Setiausaha Parlimen kepada Kementerian Kebajikan Am Encik Edmund Langgu (Bebas-Batang Lupar).

Kesemua mereka adalah tokoh-tokoh terpenting SNAP dari keturunan Dayak dan mereka semua adalah orang-orang yang berpendidikan tinggi. Dan mereka ini juga semuanya dari kamp Datuk Leo semasa parti mengadakan pemilihan jawatankuasa tertinggi dalam Persidangan Agung pada Disember 1981 dahulu.

Encik Tajem sendiri mula melibatkan diri dalam politik dengan menyertai SNAP semenjak tahun 1963 lagi, iaitu ketika beliau masih menjadi pelajar. Apabila lulus sebagai peguam dari sebuah universiti di New Zealand, beliau mula aktif dalam SNAP pada tahun 1970, dan diangkat menjadi Timbalan Ketua Menteri Sarawak pada tahun 1980.

Dengan penyingkirannya dan juga tokoh-tokoh dari keturunan Dayak yang terdahulu, Encik Tajem menyatakan tindakan serupa itu tidak akan menamatkan aspirasi politik dan perjuangan orang-orang Dayak.

Apa yang dilakukan oleh pucuk pimpinan SNAP sebenarnya telah menimbulkan semacam kesedaran di kalangan orang-orang Dayak yang terpelajar mengenai kedudukan mereka dalam pergolakan politik tanahair khususnya di Sarawak.

Dan saya masih ingat lagi seperti kata Encik Tajem dalam kenyataannya yang disiarkan oleh Harian Sarawak Tribune pada Mei tahun lalu "bahawa jalan yang dilalui oleh tokoh-tokoh agung lazimnya tidak selalunya licin, dan tanda dari ketokohan seseorang itu tidak semestinya ia tidak pernah jatuh – ia selalunya bangun setiap kali ia jatuh".

Dengan kata-kata ini jelas beliau seorang tokoh yang tidak gentar menghadapi tindakan parti, dan sepertimana dapat kita saksikan beliau seorang yang berprinsip. Sebab itulah juga beliau berani berkata, "saya jatuh tetapi bukanlah bererti terkeluar dari medan perjuangan".

Tetapi bagi Datuk James Wong yang mengganti Datuk Amar Dunstan Endawie selaku Presiden SNAP tidak melihat sebarang ma-

salah yang timbul atau akan berbangkit kesan dari pemecatan Daniel Tajem dari SNAP. Sebaliknya, kata Datuk James, pemecatan tersebut telah meredakan pergolakan dalam parti. "Kami sedang membetulkan rumahtangga kami sebelum menjelangnya pilihanraya Negeri tidak lama lagi itu," kata Datuk James Wong sehari selepas beliau mengisytiharkan penyingkiran Encik Tajem.

Barangkali Datuk James Wong dan tokoh-tokoh pimpinan SNAP yang lain terpaksalah bekerja keras untuk membetulkan keadaan kekecohan dalam rumahtangga SNAP kerana kita dapati rupa-rupanya Daniel Tajem tidak keseorangan. Beliau mempunyai penyokong-penyokongnya yang tersendiri yang juga terdiri dari tokoh-tokoh SNAP yang penting juga.

Pada hari Khamis empat lima hari selepas beliau dipecat, Berna-ma melaporkan dari Kuching sekumpulan sembilan orang ADUN dan empat orang Ahli Parlimen dari Sarawak Nasional Party (SNAP) telah menyatakan pendirian masing-masing tidak bersetuju dengan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Tertinggi parti menyingkir Encik Daniel Tajem. Kumpulan 13 orang wakil rakyat SNAP itu telah bertemu dan membincangkan perkembangan-perkembangan terakhir dalam parti.

Satu kenyataan rasmi telah dikeluarkan dan ditandatangani oleh Encik Gramong Juna yang bertindak selaku setiausaha kepada jawatankuasa perundingan Bumiputera dari SNAP yang ditubuhkan pada 8 Jun lalu. Kenyataan itu berani menegaskan bahawa Kumpulan 13 Wakil Rakyat itu dengan sesungguhnya sama sekali tidak bersetuju dengan tindakan dan keputusan Jawatankuasa Tertinggi SNAP yang diketuai oleh Datuk James Wong itu.

Kenyataan itu juga menyebut mereka semua merasakan Encik Daniel Tajem mesti terus memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri di dalam kabinet negeri Sarawak bagi mengekalkan keadaan kestabilan politik dan perasaan harmoni di bawah pimpinan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Taib Mahmud.

Encik Juna yang juga Pembantu Menteri di Pejabat Ketua Menteri berkata pembentukan jawatankuasa perunding dan "reconcilliatory" bagi Bumiputra itu untuk menyatakan bahawa kaum Bumi-

putra di Sarawak mestilah diwakili di dalam kerajaan Barisan Nasional.

Nampaknya kedudukan Encik Tajem tambah tidak keseorangan lagi apabila pergerakan wanita parti SNAP juga tidak merestui keputusan jawatankuasa tertinggi SNAP menyingkir Encik Tajem.

Ketua pergerakan itu, Datuk Tra Zehnder yang juga salah seorang anggota MKT yang mengundi menentang pemecatan berkata pemimpin-pemimpin parti tidak memberikan suatu keadaan kondusif bagi pihak-pihak yang terlibat untuk menyatakan pendapat untuk tujuan kepentingan bersama. Oleh sebab itulah Datuk Tra Zehnder berkata beliau tidak dapat duduk dan memerhatikan saja suatu peristiwa yang sungguh sedih dan merugikan parti.

Nampaknya penyokong-penyokong Encik Tajem terdiri dari tokoh-tokoh SNAP yang berpengaruh terutama di kalangan ahli biasa, dan ini termasuklah Menteri Tenaga, Pos dan Telekomunikasi, Datuk Leo Moggie yang juga Naib-Presiden SNAP.

Dan nampaknya memang Encik Tajem masih 'kuat' dan tidak keseorangan mengingatkan beliau masih lagi memegang jawatan Timbalan Ketua Menteri Sarawak meskipun kedudukannya telah dinyatakan oleh SNAP kepada Ketua Menteri, Datuk Patinggi Taib Mahmud.

Sebetulnya Encik Tajem tidak keseorangan itu telah dapat dibaca terlebih dahulu apabila beliau telah mengirimkan satu memorandum kepada presiden parti yang ditandatangani oleh lima belas orang pemimpin dan bekas pemimpin SNAP, tidak termasuk Datuk Leo Moggie. Memorandum setebal tujuh halaman itu bertarikh 16 Jun 1983. Memorandum itu juga mengandungi 13 cadangan dan objektif bagi parti SNAP menghadapi pilihanraya negeri akan datang.

****

19

ROMBAKAN KABINET: MEMANG TAK BANYAK MASA

DAN berakhirlah spekulasi tentang rombakan kabinet oleh Perdana Menteri, Datuk Sri. Mahathir.

Segala spekulasi dan telahan pemerhati politik tempatan dan berita-berita 'panas dan hangat' yang disiarkan oleh akhbar-akhbar semuanya meleset belaka. Rupa-rupanya rombakan kabinet yang diumumkan oleh Perdana Menteri itu sungguh di luar dugaan. Benarlah, hanya Dr. Mahathir saja yang tahu apa yang beliau lakukan.

Nyatalah Dr. Mahathir seorang yang amat perahsia. Cakap-cakap orang ramai dan ramalan-ramalan akhbar dua tiga bulan lalu omong-omong kosong belaka.

Apa yang menarik perhatian saya dan ingin saya bangkitkan dalam tulisan singkat ini bukannya masalah siapa yang naik pangkat jadi menteri penuh, timbalan menteri ataupun setiausaha parlimen, tetapi yang menarik perhatian untuk dianalisakan ialah beberapa perkara yang diucapkan oleh Dr. Mahathir sewaktu sebelum mengumumkan barisan kabinet barunya. Ini termasuklah juga analisa kepada kenyataan Perdana Menteri yang menyebut rombakan yang di-

lakukan bukanlah rombakan yang radikal.

Nampaknya telahan para pemerhati politik umumnya dan akhbar-akhbar tempatan khasnya tidak satupun yang tepat. Ada akhbar-akhbar sehingga di saat-saat akhir membuat spekulasi yang 'liar' malah boleh menjatuhkan 'air muka' Menteri atau Timbalan Menteri yang namanya disebut terang-terang oleh akhbar-akhbar tertentu.

Saya melihat tiga perkara terpenting yang disebutkan oleh Perdana Menteri tidak pernah ditimbulkan oleh akhbar-akhbar atau oleh para kolumnis akhbar-akhbar harian atau mingguan. Tiga perkara terpenting tersebut seperti telah dijelaskan oleh Dr. Mahathir di-Parlimen hari Khamis 2, Jun lalu ialah seperti berikut:

* Rombakan kabinet tempuhari semata-mata bertujuan mengisi kekosongan dan ia tidak bersifat radikal 'kerana kabinet yang ada baru berusia setahun lebih sejak pilihanraya umum 1982'.

* Kami tidak mempunyai masa yang banyak kerana hanya diberikan mandat lima tahun. Kami harus meneruskan kerja menunaikan tanggungjawab dengan tidak diganggu oleh pertukaran jawatan menteri yang tidak bersebab.

* Kabinet baru ini berdasarkan empat perkara iaitu kedudukan parti-parti komponen Barisan Nasional, secara tidak langsung perwakilan kaum serta kawasan dan kebolehan individu.

Demikianlah saya kutip kembali intisari ucapan Dr. Mahathir tempuhari yang sebelumnya tidak pernah langsung disentuh oleh mana-mana tulisan yang menyorot pergolakan politik semasa khususnya menjelang pengumuman rombakan kabinet. Yang sering digembar-gemburkan oleh akhbar-akhbar berpengaruh di negara ini berlegar di sekitar siapa undur, siapa tersingkir, siapa jatuh dan siapa naik sahaja. Tetapi akhir-akhirnya semuanya meleset belaka kerana rombakan kabinet sebetulnya tidak lebih dari mengisi kekosongan jawatan menteri yang telah dibiarkan kosong selama dua tiga minggu itu.

Lantikan empat menteri baru, lima timbalan menteri dan empat orang setiausaha parlimen adalah suatu hal yang biasa dan bukanlahsuatu yangradikal. Ini jelas oleh kerana menteri yang dilantik semata-mata mengganti kekosongan dan di samping itu tidak ada

pertukaran yang besar kepada jawatan menteri yang penting seperti Kementerian Dalam Negeri, Kewangan, Kementerian Luar dan lain-lain.

Umumnya rombakan kabinet itu dapat dianggap sebagai sangat sederhana dan dilakukan dengan penuh cermat dengan pemikiran yang sungguh bijaksana. Dari alasan yang diberikan oleh Perdana Menteri yang saya kutip terdahulu dalam bahagian awal tulisan ini sebetulnya terdapat dua alasan lain yang "invisible" itu pertama kewaspadaan Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO seboleh-bolehnya hendak melihat keadaan politik UMNO yang stabil dan meredakan 'konfliks dalaman' yang berlaku secara senyap-senyap; dan kedua terlihat ada saja Dr. Mahathir hendak mempromote pemimpin pelapis atau second echlon apabila beliau mengambil keputusan melantik dan memberi peluang kepada pemimpin-pemimpin muda menjadi menteri, timbalan menteri ataupun setiausaha parlimen.

Seluruh rakyat mengharap prestasi yang akan ditunjukkan oleh mereka yang baru dilantik itu biarlah sejajar dengan prestasi yang selama ini telah ditunjukkan oleh kepimpinan sekarang. Kesederhanaan penyusunan semula dengan mengambil kira keperluan anggota parti komponen Barisan Nasional dan berdasarkan kaum dan kebolehan individu itu hendaknya benar-benar akan memperlihatkan kematangan politik kepimpinan sekarang.

Dari rombakan yang telah dibuat yakni perlantikan menteri baru dan perubahan jawatan beberapa orang menteri dan timbalan menteri itu memangnya selaras dengan apa yang telah diucapkan oleh Dr. Mahathir. Dengan memberi peluang yang begitu luas kepada pimpinan muda 'berlatih' mencekapkan diri untuk memerintah' dikatakan suatu keputusan yang sangat berani, malah dari aspek inilah datangnya perkataan 'radikal' kepada rombakan kabinet tempuhhari, kalaupun mahu digunakan juga perkataan radikal.

Saya mengatakan 'berani' dan 'radikal' kerana hanya Datuk Dr. Mahathir sajalah satu-satunya Perdana Menteri Malaysia yang pernah berbuat begitu. Tiga orang bekas Perdana Menteri yang lalu tidak pernah berbuat seperti apa yang dilakukan oleh Dr. Mahathir itu. Barangkali beliau telah belajar dari pengalaman lampau. Atau be-

liau sendiri telah dapat merasakan betapa siksanya mentadbirkan sebuah negara bersama-sama pemimpin-pemimpin yang tidak pernah berkesempatan 'berlatih'menjadi menteri atau timbalan menteri sebelum diberi kesempatan memegang kementerian yang penting.

Sebetulnya langkah berani dan radikal yang dilakukan oleh Dr. Mahathir itu perlu mendapat sanjungan yang sewajarnya. Kita juga merasa beliau telah menggunakan pertimbangan yang wajar apabila bertindak tidak menggugurkan menteri-menteri yang agak lama berada di dalam kabinet. Sudah tentulah kita mengagakkan beliau mempunyai pertimbangan bahawa orang yang lebih tua atau senior juga perlu duduk bersama di dalam kabinet. Memang di mana-mana negara pun mereka tidak mengenepikan golongan tua, lebih-lebih lagi kalau dilihat kepada kepimpinan politik di negara Jepun misalnya.

Tiga alasan yang diberikan oleh Dr. Mahathir itu memang tepat dan wajar mengingatkan negara sedang memerlukan suatu kesungguhan yang bulat dari para pemimpin bagi melaksanakan berbagai-bagai program yang telah disusun dan akan disusunkan.

Memanglah tidak logik satu kabinet yang baru dibentuk kira-kira setahun lebih sedikit setelah pilihanraya 22hb April 1982 lalu hendak dirombak secara besar-besaran. Sedangkan keadaan kenyataan sebenar tidak memerlukan Perdana Menteri berbuat demikian.

Saya lebih tertarik untuk membuat sedikit analisis mengenai sebab kedua yang diterangkan oleh Dr. Mahathir, iaitu tentang 'kami tidak mempunyai banyak masa kerana hanya diberi mandat lima tahun sahaja'. Kenyataan ini memangnya mempunyai sokongan yang kukuh memangnya kabinet yang ada sekarang mempunyai masa kira-kira tiga tahun lebih sedikit sahaja sekiranya pilihanraya diadakan seperti sepatutnya. Para menteri, timbalan menteri dan setiausaha politik yang ada baru sahaja memegang portfolio masing-masing. Malah, barangkali baru mula mahir dengan tugas-tugas yang patut dilaksanakan.

Memandangkan dari aspek alasan ini memangnya Dr. Mahathir telah menggunakan pemikiran yang mendalam dan kritis sebelum rombakan kabinet dilakukannya. Alasan Dr. Mahathir dapat diterima baik terutama oleh kalangan rakyat jelata mengingatkan para

menteri kabinet, timbalan menteri dan setiausaha parlimen haruslah menumpukan masa yang terbatas itu kepada kerja-kerja mentadbir negara untuk kesejahteraan rakyat semua.

Kalau tumpuan diberi kepada pertukaran dan perpindahan seorang menteri atau timbalan menteri, mereka terpaksa pula memahirkan diri dengan seluk-beluk pentadbiran kementerian baru; sedangkan yang amat mendesak ialah mereka itu perlu menjalankan tugas dengan cekap, bersih dan amanah.

Demikianlah juga alasan yang ketiga iaitu berdasarkan kedudukan parti-parti komponen Barisan Nasional, mewakili kaum, kawasan dan kebolehan individu. Barangkali masalah pertama, kedua dan ketiga tidak begitu penting diulas di sini kerana kesemuanya itu adalah telah melalui procedure biasa BN. Apa yang menarik hati di sini ialah tentang pertimbangan Dr. Mahathir mengenai kebolehan individu.

Kebolehan individu di sini sudah tentu tidak sahaja dari segi kelulusan akademik seseorang yang dipilih oleh Dr. Mahathir itu. Barangkali ianya lebih dipertimbangkan juga dari segi kebolehan mentadbir, kecekapan, kematangan berfikir malah juga kewibawaan seseorang itu sebagai pemimpin.

Kalau ini sebenarnya dimaksudkan maka rasanya lantikan Encik Anwar Ibrahim, Datuk Dr. James Ongkili, Datuk Shahrir Samad, Encik Kadir Sheikh Fadzir dan lain-lain lagi itu adalah wajar dan kena pada tempatnya. Saya beranggapan demikian kerana setakat ini setelah berada dalam 'inner circle' pemerintahan Malaysia, mereka itu telahpun berjaya menunjukkan bakat mereka dengan cemerlangnya.

Dan kita tunggu pula sejauh mana prestasi yang dapat mereka tunjukkan setelah dilantik ke jawatan baru itu.

Saya juga ingin mengakhirkan rencana ini dengan menunjukkan suatu keadaan 'invisible' yang dapat dikesan setelah rombakan kabinet. Ada pertanda atau indikator yang menunjukkan suatu keadaan yang lebih stabil, tenang dan kebulatan tenaga dan usaha telah dapat dirasakan utamanya di kalangan para pemimpin UMNO sebuah parti induk dalam BN menguasai politik negara ini.

Barangkali tidaklah berlebihan sekiranya saya mengatakan keadaan baru yang lebih harmonis dan tenang itu disebabkan oleh rombakan kabinet yang tidak radikal itu telah tidak menepati dengan ramalan orang ramai dan akhbar-akhbar tempatan.

Nampaknya ramai orang sudah boleh tidur nyenyak!.

Gambar hiasan ini menunjukkan, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Shahrir Ab. Samad (kanan) sedang menerima buku cenderamata di satu majlis di Kuala Lumpur baru-baru ini.

20

BAGAIMANA INDUSTRI KAMPUNG NAK MAJU?

Di negara kita ini jenis-jenis perusahaan yang dapat dikatogerikan ke dalam industri kampung cukup banyak sekali. Antaranya seperti segala macam hasil pertukangan atau kraftangan, kilang-kilang kecil, segala macam pemerosesan makanan dan perusahaan alat-alat perabot.

Menurut laporan Bank Dunia, terdapat beberapa industri kecil yang berselerak di segenap kampung di Malaysia ada yang telah mencapai peringkat tinggi dari segi pewujudan pekerjaan dan penggunaan modal. Bukan setakat itu saja ianya menjalankan tanggungjawab yang berkesan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Antara industri kampung telah mencapai tingkat tinggi itu secara amnya terdiri dari industri yang menggunakan tenaga boroh dan modal secara cekap. Ini termasuklah pemerosesan dan menjeruk ikan, pengilangan beras, pembuatan kasut kulit, pembuatan pasu, membuat alat-alat ganti dan lain-lain lagi.

Sementara industri-industri kecil yang tidak menggunakan tenaga boroh dan modal yang berkesan pula ialah seperti perusahan-

perusahaan pemerosesan daging dan menjeruknya, pembuatan makanan seperti ais krim, minuman-minuman ringan, roti, mihun dan mi, makanan ternakan dan pembuatan tembakau. Pembuatan batik juga tidak menggunakan tenaga boroh dan modal yang kurang cekap.

Sekian banyak industri kampung yang tumbuh di desa-desa atau di kawasan luar bandar itu turut mengalami beberapa masalah yang menuntut penyelesaian segera. Masalah yang sering dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil lazimnya yang bersangkutan dengan ketidak seimbangan galakan yang diberi serta dasar-dasar pembangunan industri yang lebih menguntungkan industri-industri besar.

Sudahlah begitu, industri-industri kecil pula tidak diberikan galakan kemudahan sepertimana diberikan kepada industri-industri besar seperti kadar perlindungan berkesan, jenis-jenis galakan printis, pelepasan cukai lima tahun kepada perusahaan-perusahaan yang menggunakan lebih daripada 350 orang dan akhirnya termasuklah juga dari segi bekalan untuk keperluan kerajaan.

Keadaan seperti ini ditambah pula, dengan kesan pinjaman oleh institusi-institusi swasta kepada industri kecil tidak cukup menggalakkan seperti mana halnya dengan pinjaman kepada industri besar.

Dari keadaan seperti ini adalah sangat wajar dilakukan dengan kadar segera beberapa perubahan atau pengubahsuaian bagi memajukan lagi perusahaan kecil terutamanya yang berselerak di kawasan luar bandar di negara ini.

Salah satu agensi kerajaan yang lebih bertanggungjawab memajukan industri kecil di kampung ini ialah Jabatan Kemajuan Masyarakat atau Kemas, iaitu di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Khabarnya Kemas akan menggembeling tenaga terutama di kawasan desa melalui pertubuhan-pertubuhan sekarela untuk menjayakan lagi rancangan industri kampung dan karyaneka.

Rasanya pihak Kemas sepatutnya dari sekarang menjalankan beberapa kegiatan seperti kempen secara besar-besaran melalui ceramah dan pameran. Dengan cara ini difikirkan akan lebih berkesan terutamanya bagi mengubah sikap dan mentaliti orang-orang kam-

pung mengenai perusahaan kecil dan sebagainya yang bersangkut paut dengan usaha mereka.

Usaha Kemas selama ini yang menumpukan kepada kelas-kelas seperti masakan dan jahitan patutlah pula diubah kepada kegiatan-kegiatan baru yang lebih berfaedah dan manfaat seperti menolong memperbanyakkan lagi usaha pengeluaran hasil-hasil kerjatangan dan kegiatan pelajar. Serentak dengan kegiatan itu Kemas patutlah juga membantu bahagian industri kampung menggembelingkan penyertaan penduduk desa atau luar bandar.

Selain itu Kemas patut juga tampil sebagai pembimbing dan memberi kesedaran kepada penduduk-penduduk luar bandar. Disamping itu Kemas juga patut menganjurkan rancangan-rancangan latihan kepada pengurus-pengurus industri kampung.

Suatu industri kampung yang patut diberikan tumpuan dan memajukannya sehingga hasilnya dapat dipasarkan hingga ke peringkat antarabangsa ialah industri kraftangan. Kita difahamkan pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (PKKM) akan menggunakan sepenuhnya segala kekayaan Seni di negara ini sebagai strategi untuk mencapai matlamat pembangunan industri kampung. Kita mengharapkan apa yang dirancangkan oleh PKKM itu akan dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

Langkah seperti ini pada hemat saya bukan sahaja dapat mempelbagaikan aspek perkembangan hasil kerjatangan, tetapi juga dapat mencerminkan kebudayaan melalui usaha PKKM di samping dapat menjamin pasarannya. Ini sekaligus dapat membantu meninggi taraf ekonomi tukang-tukang yang membuat berbagai-bagai jenis hasil kerajinan tangan.

Pada hemat saya perusahaan kraftangan yang sejak semula berkembang dengan luasnya di desa-desa itu mempunyai keistimewaan yang tersendiri terutama jika kita menilaikannya dari segi-segi kebudayaan bangsa, ekonomi dan psikologi. Dari aspek resam hidup bangsa Melayu kraftangan atau kerajinan tangan adalah merupakan alat penghubung rakyat jelata yang menduduki negara ini yang terdiri dari berbagai ethnik, budaya, tradisi, kebolehan, keperluan dan nilai serta pandangan hidup (world view).

Jika dipandang dari sudut ekonomi pula, kraftangan yang merupakan industri kecil kampung yang terpenting buat masa ini adalah berupaya memberikan sumbangan yang besar dalam memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi individu, malah semua mereka yang terlibat dengan industri tersebut. Demikianlah kita jangan lupa bahawa jika ditinjau dari segi psikologi pula ia merupakan selaku alat bagi membentuk keperibadian atau identiti yang mencerminkan nilai-nilai kemahiran orang-orang Melayu.

Saya merasakan usaha-usaha bagi meninggikan lagi khidmat dan kegiatan pengeluaran industri kecil seperti kraftangan dan kerajinan tangan ini patutlah dilakukan sejajar dengan perkembangan Sains dan teknologi dizaman yang dikenali sebagai zaman **hightec** atau zaman **robatik** ini. Jika ini tidak dilakukan maka sudah tentulah pengusahaan yang diwarisi semenjak datuk-nenek itu akan tetap tinggal ditakuk lama dan akan merugikan kaum bumiputera yang sesungguhnya mencorak dan menjiwai identiti kebudayaan pribumi negara ini.

Kita mengharapkan usaha ke arah yang dimaksudkan itu akan dipikul bersama oleh pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Di atas pundak merekalah terletaknya tugas dan merekalah yang patut mengambil daya inisiatif utama bagi menyedarkan sikap dan mengeksploit segala kepakaran yang ada pada ahli-ahli pertukangan pribumi itu.

Selain daripada Kemas yang terdahulu saya sebutkan bertanggungjawab bagi memaju, meningkat dan memperkembangluaskan lagi industri kampung itu sudah tentulah juga terletak di atas bahu pihak MARA atau Majlis Amanah Rakyat. Bila disebut Mara, maka ada dua bentuk pertolongan besar yang dapat membantu dari segi melatih orang-orang muda bagi mencapai kemahiran segala macam jenis industri kampung itu.

Sudah tentulah segala pinjaman yang bakal dikeluarkan nanti akan terpaksa patuh kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh Mara kini. Keutamaan hendaklah diberikan kepada bidang-bidang yang dikira akan lebih ekonomikal. Dalam hubungan ini nampaknya bidang pembuatan lebih cocok diberi keutamaan. Namun begitu Mara mesti-

lah juga mengeluarkan pinjaman kepada industri kecil jenis lain agar ia tidak ketinggalan. Janganlah memikirkan industri tersebut sukar menjelaskan balik wang pinjaman yang dikeluarkan itu, maka pinjaman tidak diberikan.

Seperti telah berlaku dimasa lalu terdapat adanya pemberian kredit atau pinjaman kepada satu-satu perusahaan kecil tertentu, sedang perusahaan kecil itu telahpun mendapat pinjaman dari sumber lain. Oleh demikian supaya hal seperti ini tidak akan berulang lagi, Mara patutlah memberikan pinjaman kepada industri kecil yang sukar atau tidak mendapat kemudahan kredit dari sumber lain. Dan sebaik-baiknya Mara hendaklah memikirkan potensi perusahaan tersebut; sepatutnya mestilah projek yang dijalankan atau hendak diusahakan itu mempunyai daya maju dan berupaya untuk berkembang.

Mara juga patutlah mengekalkan syarat pinjaman kepada pengusaha baru, iaitu memberikan pinjaman yang menyeluruh yang meliputi modal, khidmat nasihat dan bimbingan serta dengan sedikit kelonggaran syarat-syarat. Saya berpendapat begini oleh kerana memikirkan pengusaha-pengusaha baru sesungguhnya amat memerlukan khidmat nasihat, bimbingan serta latihan. Seorang pengusaha yang baru tentulah menghadapi serba kekurangan, jadi kalau Mara hanya memberikan modal sahaja, kita khuatir modal itu akan lesap begitu sekiranya perusahaan yang diselenggarakan itu tidak dijalankan dengan baik.

Barangkali Mara patutlah juga membuat semacam satu review kepada skima jumlah minima dan maksima pinjaman serta dengan kadar bunga yang dikenakan. Ini difikirkan sangat penting memandangkan pengusaha sekarang memerlukan modal yang lebih besar terutamanya mereka yang mengeluarkan hasil dengan menggunakan mesin atau jentera. Ini termasuklah juga syarat-syarat mengenai cagaran dan pinjaman yang dikenakan ke atas peminjam.

Selain dua badan tersebut Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga telah menubuhkan apa yang dikenali sebagai Bahagian Industri Kampung (BIK). Khabarnya bagi menjayakan pertumbuhan industri kampung Kementerian itu akan memberi tumpuan kepada

beberapa aspek yang difikirkan patut diberikan keutamaan dan perhatian.

Antaranya seperti aspek-aspek:

* Sumber dan bahan yang sedia ada.
* Kemahiran yang sedia ada.
* Kemahuan dan penyertaan orang-orang kampung.
* Keluaran yang mempunyai peluang pasaran, dan
* Pelaburan yang sederhana dan masa yang pendek.

Saya merasakan tumpuan yang hendak diberikan terhadap aspek-aspek seperti di atas itu sangat wajar, dan kalau mungkin rasanya BIK hendaklah bekerja keras dari segi memberi keyakinan kepada orang-orang kampung yang masih asing dan baru dengan dunia industri itu. Ini dapat dilakukan menerusi tumpuan yang ketiga, iaitu aspek kemahuan dan penyertaan orang-orang kampung. Ini difikirkan sangat penting kerana faktor-faktor sosiologi dan antropologi inilah setakat ini yang menyebabkan gagalnya projek-projek besar kerajaan pada peringkat luar bandar.

Barangkali tidak akan banyak masalah yang bakal dihadapi oleh BIK dari segi sumber dan kemahiran yang sedia ada; pokoknya sumber dan kemahiran itu mestilah digunakan atau dieksploitkan sepenuhnya. Apa yang lebih penting, saya kira, ialah masalah keluaran yang mempunyai peluang pasaran. Inilah suatu faktor yang melemahkan setiap perusahaan kecil khasnya yang dikendalikan oleh kaum Bumiputera.

Adalah sangat wajar sekiranya peluang-peluang pemasaran barangan dan hasil-hasil pengeluaran itu diusaha mendapatkannya seluas-luas mungkin. Kita tidak mahu aspek yang membantut perusahaan orang-orang kampung itu akan terjadi keadaan yang sama terus menerus. Aspek **marketing** ini mestilah diselesaikan oleh pihak yang berwajib sekiranya mereka itu benar-benar bercita-cita hendak memaju dan membesarkan perusahaan yang dikendalikan oleh orang-orang kampung.

****

21

PERUMAHAN: RUMAH OH RUMAH DI MANA KAU?

Masalah perumahan di negara ini masih berterusan menjadi masalah yang agak sulit dan sukar mengatasinya. Apabila kerajaan membekukan pinjaman perumahan untuk kakitangan kerajaan, kadar kenaikan harga rumah telah turun sedikit, tetapi orang masih juga berlumba-lumba membeli rumah dengan cara meminjam dari bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan. Kredit yang telah dikeluarkan oleh bank-bank perdagangan, merchant bank, syarikat-syarikat kewangan telah meningkat semenjak 10 tahun atau satu dekad yang lampau.

Dalam jangka masa 10 tahun lalu, iaitu dari bulan Disember 1972 hingga Disember 1981 pinjaman-pinjaman yang diberikan oleh bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan untuk tujuan pembinaan dan pengembangan harta benda dan kepada orang perseorangan untuk membeli rumah telah meningkat hitung panjang 37.5 peratus dan 32.9 peratus. Sementara pinjaman-pinjaman yang diberi kepada orang perseorangan untuk membeli rumah telah berkembang pada kadar 38.9 peratus dan 40.5 peratus semenjak 10 tahun yang

lalu.

Dalam keadaan seperti ini bank-bank perdagangan yang nampaknya paling banyak mengeluarkan pinjaman perumahan. Sementara institusi kewangan lain juga turut memainkan peranan tersendiri seperti persatuan perumahan, Bahagian Pinjaman Perumahan di Jabatan Perbendaharaan, Sabah Credit Corporation dan juga Bank Rakyat. Semuanya berjumlah $7,001 juta pada akhir tahun 1981.

Kadar perkembangan jumlah pinjaman yang begitu baik dalam keadaan ekonomi dunia berada pada tahap kemelesetan, rasanya matalamat asalnya yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Keempat agak sukar hendak dicapai. Rancangan Malaysia Keempat memperuntukkan pembinaan kira-kira 929,000 buah rumah kediaman. Jumlah ini adalah atas kadar purata lima orang untuk satu rumah. Dari kadar pertambahan jumlah penduduk Malaysia, mestilah membina lebih satu juta buah rumah kediaman dalam jangkamasa lima tahun Rancangan Malaysia Keempat itu.

Nampaknya seperti mana yang diketahui umum keadaan ekonomi dunia hari ini masih pada tahap kemelesetan dan negara-negara pengeluar yang utama masih berkembang dalam keadaan sluggish, kadar pengangguran kian bertambah, kadar bunga untuk pinjaman juga bertambah; meski begitu keadaan inflasi nampaknya tambah sederhana.

Sejauh mengenai keadaan ekonomi negara kita Malaysia, pemulihan semuanya itu lebih bergantung kepada corak kegiatan ekonomi yang berkembang, dalam hubungan ini nampaknya ada tiga bidang utama yang merangsangkan pengembangan daya pengeluaran iaitu pembinaan perumahan dan pengeluaran makanan dari hasil pertanian.

Jadi dengan pengembangan ekonomi lebih bergantung kepada pembinaan maka rasanya peranan bank-bank perdagangan, institusi-institusi kewangan dan merchant banks wajiblah dilipatgandakan lagi. Ini difikirkan amat perlu dan sangat dituntut mengingatkan punca kewanganlah yang sangat penting bagi menentukan viable tidaknya productive ventures khususnya dalam pembinaan rumah-rumah kediaman ataupun rumah gudang.

Atas kepentingan inilah barangkali Menteri Kewangan, Tan Sri Tengku Razaleigh Hamzah telah mengambil daya inisiatif bertemu dan berbincang dengan pihak pengurusan bank-bank perdagangan dan merchant bank, syarikat-syarikat kewangan dan discount house pada 17 Februari bersetuju memberi pinjaman kepada kerajaan sejumlah $500 juta untuk kegunaan pinjaman perumahan kepada pegawai-pegawai kerajaan.

Menurut punca-punca yang layak dipercayai setakat ini pihak bank-bank yang terlibat telahpun mengeluarkan pemberian pinjaman peringkat pertama berjumlah $130 juta. Walaupun demikian kadar bunga yang dikenakan belumlah ditetapkan lagi dan adalah dipercayai Persatuan Bank-bank Perdagangan akan menetapkan kadar bunga tersebut dalam suatu mesyuarat biasa persatuan itu tidak lama lagi.

Menurut punca itu lagi dikatakan Tengku Razaleigh dalam pertemuan tersebut memberi tahu bahawa kerajaan memerlukan kira-kira $1 billion untuk perbelanjaan pembangunan pada tahun ini, dan sejumlah $500 juta diperuntukkan kepada pinjaman perumahan pegawai-pegawai kerajaan.

Pemberian jumlah yang demikian besar oleh bank-bank kepada kerajaan itu adalah suatu usaha yang sungguh besar ertinya mengingatkan perusahaan pembinaan rumah di negara ini adalah merupakan salah satu cara bagi mengatasi keadaan ekonomi, kerana dengan ini membolehkan pemulihan keadaan kemelesetan ekonomi lebih cepat lagi.

Pembekuan pinjaman oleh kerajaan kepada pegawai-pegawai tidak lama dahulu telah menyebabkan industri pembinaan rumah agak menurun dan ini menjejaskan ekonomi negara.

Lagipun apabila kerajaan mendapat pinjaman dari bank-bank perdagangan, maka pegawai-pegawai yang masih belum mempunyai rumah kediaman selama ini akan dapat memohon pinjaman tersebut dengan kadar bunga cuma empat peratus sahaja, sedangkan kadar bunga yang dikenakan oleh bank-bank kepada peminjam-peminjam individu meningkat hingga sebelas ataupun dua belas peratus.

Dengan kadar bunga empat peratus itu, bermaknalah kerajaan masih juga memberi subsidi kira-kira 3.5 peratus oleh kerana pihak

bank mungkin mengenakan kadar bunga 7.5 peratus kepada kerajaan.

Pinjaman yang dilakukan oleh kerana kerajaan atas usaha Menteri Kewangan itu bukan sahaja dapat membantu pekerja-pekerjanya memiliki rumah kediaman dan sekaligus mengatasi masalah 'kelaparan rumah' tetapi juga adalah dipercayai dengan bertambah pesatnya perkembangan industri pembinaan itu akan menolong memulihkan keadaan ekonomi negara kerana ia juga akan menaikkan kadar pengembangan industri-industri lain yang turut terlibat dengan industri pembinaan itu.

Industri pembinaan dan perumahan telahpun memberikan semacam boost yang utama dalam masalah peningkatan ekonomi negara sepanjang tahun-tahun 70an, dan ini juga sekaligus akan menolong membuka peluang pekerjaan yang lebih banyak lagi.

Namun begitu adalah difahamkan kerajaan setakat ini belum lagi bercita-cita untuk membatalkan skim pinjaman perumahan dan pinjaman membeli kenderaan yang telah dibekukan pada bulan Julai lalu sebagai sebahagian dari langkah untuk mengatasi kemelesetan ekonomi. Syarat-syarat pembekuan pinjaman itu melibatkan mereka yang berumur 30 tahun ke atas, mereka yang sudahpun memiliki rumah di bawah skim pinjaman perumahan kerajaan dan kepada mereka yang memohon untuk pinjaman tambahan kerana hendak membaiki/menambah rumahnya (extend).

Kini difahamkan kerajaan sedang memperinci detail-detail untuk menentukan siapa-siapa pegawai kerajaan yang berhak diberikan pinjaman perumahan, siapa-siapakah yang patut diberikan keutamaan dalam hubungan mengagih-ngagihkan peruntukan yang baru diperolehi dari bank itu.

Adalah lebih wajar pada hemat saya kerajaan mengekalkan syarat kedua dan ketiga untuk tidak memberikan keutamaan kepada mereka itu; akan tetapi rasanya bagi ketogeri pertama iaitu tentang had umur 30 tahun ke atas itu ada baiknya dilonggarkan sedikit mengingat baya umur inilah yang paling banyak memerlukan rumah untuk kediaman sendiri itu.

Sungguh menggembirakan apabila sedikit masa lalu kerajaan telahpun meluluskan permohonan 811 kakitangan awam iaitu kum-

pulan pertama yang mendapat pinjaman pada tahun ini di bawah skim pinjaman perumahan kerajaan. Ini menjadikan jumlahnya kepada 100.822 orang ahli setakat ini yang berjaya mendapat pinjaman perumahan.

Dalam hubungan pemberian pinjaman seterusnya kita mengharapkan pihak peminjam molek benar memberikan prioriti kepada mereka yang benar-benar difikirkan sangat memerlu sebuah rumah kediaman sendiri terutamanya kakitangan yang bekerja di bandar-bandar besar. Hal ini sesungguhnya cukup penting memikirkan masalah perumahan ini menjadi masalah maha besar kepada mereka yang tinggal di bandar-bandar besar.

Kita faham benar bahawa kerajaan memerlukan peruntukan yang lebih besar lagi bagi mengisi tabung pinjamannya. Kita mendapat faham tabung itu memerlukan peruntukan sejumlah $780 juta untuk menampung kekurangan tabungan bagi membayar pinjaman besar kepada peminjam-peminjam, tetapi Majlis Persatuan Bank-bank Negara hanya meluluskan $500 juta sahaja. Adalah difahamkan juga tabung itu mengeluarkan pinjaman antara $1.6 hingga $1.8 billion bagi membayar pinjaman yang diluluskan kepada peminjam-peminjam setiap tahun.

Dalam bulan Januari lalu sahaja, misalnya kerajaan telah meluluskan pinjaman $126 juta. Bagi meluaskan lagi peruntukan tabung itu pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan setiap tahun bagi menambahkan kekurangan dalam masalah pemberian pinjaman tersebut.

Akhir-akhir ini masalah kekurangan perumahan di negara ini kian dapat diatasi apabila terdapat beberapa buah syarikat swasta yang mula menjalankan perusahaan pembinaan dengan cara joint-venture dengan syarikat-syarikat construction yang besar dari luar negeri.

Beberapa buah projek yang besar meliputi keluasan tanah lebih dari empat ratus hektar telah diusahakan oleh pengusaha-pengusaha tempatan yang juga dijalankan secara usahasama.

Satu perkembangan baru yang menggalakkan ialah terdapat pula beberapa buah negeri di Malaysia ini kini mula memasuki bidang pembinaan rumah yang juga diadakan secara usahasama dengan

syarikat-syarikat yang mempunyai modal yang teguh. Tidak berapa lama lalu kita dapati kerajaan negeri Pahang telahpun menandatangani satu perjanjian bagi membina beribu-ribu unit rumah untuk golongan rakyat yang berpendapatan sederhana.

Sementara itu pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja atau Employees Provident Fund (EPF) telah juga menjalankan satu skim baru bagi menolong penyimpan-penyimpannya membeli rumah dengan cara membolehkan ahli-ahlinya mengeluarkan wang simpanan sejumlah $20,000 untuk membeli rumah atau house mortgages.

Dari skim ini dikatakan beribu-ribu ahli KWSP akan mendapat kemudahan membeli rumah semenjak ianya dilancarkan pada bulan Mac tahun lalu. Sementara perubahan baru itu pula akan dibentangkan dalam sidang dewan rakyat yang sedang berlangsung sekarang ini. Sejak dari Mac lalu kira-kira $80 juta telah dikeluarkan kepada kira-kira 17,500 orang ahli KWSP untuk membeli rumah kediaman.

Skim pengeluaran wang untuk membeli rumah ini diadakan semata-mata bagi menolong orang ramai meringankan sedikit beban kewangan mereka yang hendak membeli rumah.

Demikianlah kita dapati bantuan dan kemudahan kian banyak diberikan dan rumah-rumah kian banyak didirikan; tetapi kenapakah harganya terus meningkat juga?

****

22

BETULKAH INTELEK KITA BERDAGANG DI TANAHAIR SENDIRI

APAKAH sudah ramai golongan intelektual dari negara ini yang bertindak seperti 'intelektual pendatang' makanya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam baru-baru ini menyatakan "Malaysia tidak mahu pembangunan pendidikan negara melahirkan para intelek yang 'berdagang' di tanahair sendiri?" Jawapannya bukan 'mungkin' lagi, tetapi jelas di depan mata kita hal ini dapat dilihat sedang berlaku dengan berleluasa.

Mula-mula sekali siapa-siapakah yang dapat dianggapkan sebagai kaum intelektual itu? Secara mudah kaum intelektual ialah mereka yang mempunyai pendidikan formal yang tinggi, yang lantang dalam masyarakatnya dan sanggup mencurah buah fikirannya untuk kepentingan umum.

Ada kalangan intelektual yang mengaku dirinya intelek dengan gelaran yang menjela-jela selepas namanya tetapi tidak lantang, tidak ingin buah fikirannya dimanfaatkan oleh orang lain. Ini sebenarnya tidaklah dapat kita gelarkan intelektual yang sejati.

Intelektual ialah golongan cerdikpandai atau cendikiawan. Se-

sudah Malaysia mencapai kemerdekaan negara kita sudahpun mempunyai ratusan atau malah ribuan para intelektual; ada yang mendapat didikan formal di dalam negeri dan banyak juga yang menerima pendidikan di luar negeri utamanya di barat.

Apa yang menimbulkan masalah kepada golongan ini ialah mengenai sikap mereka; mereka menganggap mereka golongan penting; merekalah yang harus didekati oleh masyarakat bukannya mereka yang mendekati masyarakat. Dengan sikap sebegini mereka seolah-olah menjual mahal, baik kepada masyarakat mahupun kepada kerajaan sendiri.

Ucapan Timbalan Perdana Menteri tempuhari lebih banyak mengkritik golongan intelektual yang mendapat pendidikan di dalam negeri terutamanya yang pernah belajar di mana-mana lima buah universiti di negara ini. Sebab itulah beliau menekankan bahawa matlamat kerajaan Malaysia ialah hendak melahirkan intelektual yang insaf dan berpijak di bumi nyata.

Memang ditilik dari dasar pelajaran tinggi di negara ini menginginkan intelektual yang keluar dari menara gading itu mereka yang benar-benar dapat memberi sumbangan yang dapat dimanfaatkan oleh seluruh masyarakat. Sebaliknya kerterbalikan dari itu yang telah berlaku; mereka keluar dari menara gading lengkap dengan ilmu.

Tidak dinafikan lagi memangnya ramai terdapat golongan intelektual kita yang tidak berbangga sebagai anak watan Malaysia, rendah diri atau merasa inferiority complex dan terikut-ikut kepada norma-norma asing yang tidak releven dan merugikan negara.

Apakah kita ingin semuanya ini berterusan wujud di negara kita ini? Sekiranya keadaan itu akan berterusan maka hasrat dan cita-cita sebenar negara ini hendak mewujud dan mengembangkan kumpulan intelektualnya, maka alangkah rugi dan kecewanya rakyat jelata kerana hasil titik peluh mereka telah disia-siakan oleh manusia yang menganggapkan diri mereka cerdik ataupun educated itu.

Dari laporan-laporan di institusi-institusi pengajian tinggi dalam negeri, kita difahamkan demikian ramainya mereka yang 'cabut lari'

dan berhijrah ke luar negeri kerana tidak puas hati dengan pentadbiran yang diamalkan. Akan tetapi kemudiannya ternyata yang cabut lari dan menyumbangkan tenaga bakti dan ilmu yang dimiliki itu kepada anak watan asing telah menyesal dan mau atau enggan terpaksa juga pulang ke tanahair. Insaflah bahawa hujan lembing di negeri sendiri dan hujan emas di negeri orang, baik juga hujan lembing di negeri sendiri.

Selain itu terdapat juga para profesyenal tertentu yang membiarkan diri 'dicuri' oleh pihak swasta setelah ditawarkan gaji yang lumayan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa itu adalah hak mutlak mereka, akan tetapi mereka patut juga menyedari bahawa tenaga dan keilmuan mereka itu sangat dikehendaki di pusat-pusat pengajian tinggi. Maka jelas kemudiannya 'penghijrahan' mereka samada sebagai migrasi ke luar negeri ataupun menyertai swasta telah merugikan pihak kerajaan dan juga terjejasnya kepentingan umum.

Dalam masalah pembangunan dan identiti bangsa dan negara, kaum intelek perlulah kembali kepada soal kemuliaan, soal harga diri dan identiti bangsa dan negara, kerana soal-soal ini semua adalah merupakan persoalan pokok dalam pembangunan pendidikan negara kita. Hendaknya kita janganlah mengejar kepuasan material semata-mata; kepentingan umum perlulah juga ditatang, kerana dengan demikian cita-cita bagi membangun sebuah negara yang maju dan dihormati oleh dunia luar akan tercapai.

Sepatutnya mereka mestilah sedar dan insaf bahawa demikian banyaknya wang rakyat jelata yang telah mereka gunakan mendapat pelajaran tinggi di mana-mana universiti di negara ini. Barangkali tidak banyak para graduan lulusan universiti dalam negeri ini yang tidak sedar akan hakikat ini ataukah mereka itu sengaja tidak mahu menyedari hakikat ini.

Apa yang menarik perhatian kita dari ucapan Timbalan Perdana Menteri sewaktu berucap merasmikan majlis bahas antara sekolah sekolah berasrama penuh yang dipancarkan secara langsung olel RTM itu ialah tentang perkataan 'berdagang di tanahair sendiri'. Ap

yang dapat kita mengertikan implikasi dari frasa itu ialah terdapatnya para intelektual kita yang hidup di negara tumpah darahnya sendiri seperti orang asing yang berdagang di negara ini.

Patutlah kita sedar bahawa golongan intelektual adalah golongan yang bernasib baik yang di dalam susun lapis masyarakat terjumlah dalam golongan kaum elite ataupun golongan menengah. Mereka ini dalam kehidupan sehari-hari adalah terjumlah dari golongan yang agak mewah hidupnya. Rakyat selalu menginginkan khidmat bakti mereka yang cemerlang kalaupun tidak par-excellent. Golongan inilah yang menjadi pentadbir dan mengetuai badan-badan agensi kerajaan di samping ada yang menjadi pendidik, pensyarah dan juga professor.

Oleh sebab mereka itu agak teristimewa dan mempunyai kebolehan tersendiri, tenaga serta buah fikiran mereka sangat dikehendaki; adalah wajar mereka itu tampil ke depan masyarakat sebagai manusia yang benar-benar berjasa dan bukannya berlagak seperti 'orang asing' yang cuma datang ke sini tak lebih dari mencari kepentingan dan faedah diri sendiri.

Memang wajar dari pihak kerajaan yang memegang amanat rakyat jelata untuk menjalankan dasarnya bagi melihat keadaan pendidikan di negara ini bukanlah sekadar kelangsungan proses tanpa nilai-nilai atau matlamat tertentu. Kita haruslah berpegang kepada prinsip bahawa kelangsungan pendidikan di negara ini terkandung didalamnya inspirasi negara; nilai-nilai yang luhur dan filsafat-filsafat hidup dan perjuangan yang positif lagi konstruktif.

Kita sangat optimis bahawa tindakan pihak kerajaan bagi mencapai matlamat di atas tadi, iaitu dengan mengamalkan dasar kaedah serampang dua mata, yakni melalui peningkatan taraf keilmuan dan kemahiran serta melalui prinsip-prinsip kenegaraan yang bersumberkan inspirasi masyarakat akan tercapai sepenuhnya.

Namun kita sangat khuatir cita-cita mulia ini akan terbantut sekiranya dari masa ke semasa kita terus melahirkan golongan intelektual yang sombong, materialistik dan pentingkan diri sendiri tanpa mahu meletakkan kepentingan umum di tempat yang paling atas.

Kalau sekiranya ini tercapai seperti yang dijangka maka sudah

tentulah negara kita bukan sahaja dapat meninggikan taraf keilmuan dan kemahiran rakyat, tetapi juga kita akan dapat memesatkan diri dalam lapangan ekonomi dan fizikal.

Mengingatkan terdapatnya kelemahan-kelemahan yang diutarakan di atas tadi, maka adalah wajar dan sangat perlu pengajaran-pengajaran mengenai moral dan tamadun Islam itu segera diajarkan di pusat-pusat pengajian tinggi di negara ini.



Para penuntut di salah sebuah universiti sedang menyertai satu seminar

23

APA UNTUNGNYA BANK ISLAM?

PENUBUHAN Bank Islam oleh kerajaan Malaysia yang mula berfungsi sepenuhnya pada bulan Julai 1983 adalah didorong oleh hasrat kerajaan hendak meningkatkan lagi pencapaian ekonomi orang-orang Islam di negara ini di samping merupakan salah satu cara dalam proses Islamisasi dan pemodenan sistem ekonomi dan pentadbiran yang dicita-citakan oleh majoriti rakyat Malaysia.

Setakat ini harapan begitu besar sekali dari kalangan masyarakat Islam kepada Bank Islam sebagai alternatif kepada bank-bank komersial dan bank-bank perdagangan atau institusi-institusi kewangan yang lain yang wujud di negara ini.

Malah telah sekian ramai orang-orang Islam yang sudahpun bersedia untuk menyimpan atau meminjam dengan Bank Islam. Akan tetapi orang ramai sebenarnya masih belum tahu secara terperinci akan cara-cara dan syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan pengurusan bank tersebut. Belum ada suatu penerangan yang khusus dan meluas diadakan oleh pihak berkenaan.

Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan, Encik Anwar Ibrahim beberapa kali menekankan yang penubuhan Bank Islam sesungguhnya

bertujuan memenuhi keperluan yang amat mendesak bagi masyarakat Islam di negara ini. Projek ini bukan sahaja akan dapat meningkatkan status ekonomi orang-orang Islam di negara ini tetapi juga berupaya membuat keuntungan menurut lunas-lunas yang diboleh kan oleh agama Islam.

Beliau selalu mengingatkan orang-orang yang suka mengkritik projek ini, atau tak boleh kalau tidak dikritik atau ditegur terutamanya dari parti pembangkang: bahawa projek ini diadakan berdasarkan suatu penyelidikan dan kajian yang mendalam dan memakan waktu yang lama pula.

Ia bukannya dibuat secara tergesa-gesa semata-mata untuk menjadi isu politik parti yang memerintah. Jawatan kuasa Pemandu Kebangsaan atau Nasional Steering Commite Bank Islam itu mencadangkan penubuhan bank tersebut apabila didapati ianya boleh mendatangkan keuntungan seperti mana bank-bank perdagangan lain dinegara ini.

Encik Anwar menyebut bahawa sebelum diumumkan hasrat kerajaan hendak menubuhkan Bank itu jawatankuasa tersebut telah menganalisa cara-cara perjalanan beberapa buah bank Islam di serata dunia terutamanya seperti Bank Islam Faizal di Mesir, Islam Jordan dan Bank Islam Bahrin. Hasil dari kajian-kajian dan analisa-analisa yang dibuat menunjukkan operasi-operasi bank-bank yang ujud terdahulu itu didapati menguntungkan.

Kajian-kajian yang pernah dibuat oleh Tabung Kewangan Antarabangsa atau International Monetary Fund (IMF) juga menunjukkan suatu hasil yang positif. Laporan IMF menyebut bahawa kadar keuntungan yang diperolehi oleh bank-bank Islam di negara-negara Islam didapati agak tinggi juga berbanding dengan kadar keuntungan yang diperolehi oleh bank-bank perdagangan atau merchant bank yang beroperasi secara sistem sekular biasa.

Kritikan-kritikan yang dilemparkan ke atas pihak pemerintah yang mengambil inisiatif menubuhkan Bank Islam itu jelas tidak berasas apabila kita dapati hasil kajian menunjukkan bank-bank Islam di negara Mesir dan Sudan telah dapat berjalan lancar dan beroperasi dengan baik apabila ianya dapat melaburkan simpanan menurut

prinsip-prinsip syariah.

Dari cara bagaimana bank-bank Islam yang telah sedia ujud di beberapa buah negara Islam itulah Bank Islam Malaysia cuma memanfaatkannya, dan tentunya kita berjaya jika segala-galanya beroperasi dengan baik, maka tidak ada sebab kita tidak dapat berbuat demikian kerana negara kita kini mempunyai ramai bankers yang sudah berpengalaman: demikian juga negara kita mempunyai ramai tokoh-tokoh ekonomi yang beragama Islam yang boleh memikirkan masalah banking di negara ini.

Dari laporan-laporan bank-bank Islam seperti tersiar dalam berbagai-bagai media Islam khususnya dalam majalah The Arabia menunjukkan bank-bank Islam telah berjaya memperolehi keuntungan kepada pemegang-pemegang sahamnya semenjak tahun pertama bank itu ditubuhkan.

Pada waktu yang sama ia telah berjaya membahagi-bahagikan kadar keuntungannya yang agak tinggi kepada para penyimpannya. Oleh demikian kita merasa optimis bahawa Bank Islam Malaysia juga sudah tentu akan mengalami keadaan keuntungan yang sama.

Bagi memperkuatkan hujah saya ini ataupun bagi meyakinkan lagi bahawa Bank Islam Malaysia akan berjaya, cuba kita perhatikan kepada kejayaan yang telah dicapaikan oleh Bank Islam Faizal di-Mesir. Bank Faizal misalnya telah berjaya mengeluarkan keuntungannya pada kadar 12 peratus setahun, sementara Bank Islam di Sudan mengeluarkan pada kadar 8.8 peratus.

Menurut kajian yang pernah dibuat oleh IMF menunjukkan bank-bank perdagangan di negara Pakistan yang menerima simpanan sebagai tanaman modal menurut prinsip syariah telah membahagikan keuntungan sebanyak pada kadar 8.2 peratus pada tahun 1980. Sementara Bank Islam Baharin pula kadar 9.5 peratus iaitu pada tahun yang sama dengan Jordan.

Bank Islam Malaysia mungkin tidak akan beroperasi sepenuhnya seperti bank-bank Islam lain yang disebut di atas itu. Akan tetapi suatu hal yang sudah jelas dan pasti bahawa Bank Islam Malaysia di-wujudkan selain dari meningkatkan taraf ekonomi orang-orang Islam di negara ini ialah juga bagi memenuhi kehendak dan keperluan

masyarakat Islam, kerana konsep berniaga sesungguhnya dibenarkan oleh agama Islam.

Bank Islam Malaysia di samping berniaga sejauh tidak melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam, patutlah digerakkan atas peraturan-peraturan mudharabah atau muqaradhah... iaitu suatu istilah yang bermakna seseorang yang mempunyai modal akan memberi modal kepada seseorang lain untuk membolehkannya untuk menjalankan kegiatan perniagaan menurut syarat-syarat yang telah dipersetujui.

Konsep ini difikirkan sesuai dalam hubungannya dengan keadaan ekonomi di Malaysia, iaitu terdapat orang-orang Islam yang mempunyai hartabenda dan kekayaan yang boleh dijadikan sebagai modal, tetapi mereka mungkin tidak dapat mengendalikan perniagaan. Dengan demikian mereka bolehlah menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Bank Islam dengan melaburkan wang mereka itu dengan Bank Islam.

Satu perkara yang amat penting patut disebut kenapa Bank Islam itu perlu segera ditubuhkan di Malaysia ini ialah dengan adanya bank ini ia boleh menghindarkan daripada orang-orang Islam 'memakan' riba dengan cara menyimpan di bank-bank perdagangan atau institusi-institusi kewangan biasa. Jadi untuk tujuan mengelakkan daripada penyimpan-penyimpan atau peminjam-peminjamnya terjebak ke dalam makan riba itulah maka Bank Islam Malaysia akan mempunyai fungsi yang agak berbeza daripada bank-bank perdagangan biasa.

Perbezaan yang pokok sudah tentulah dalam hubungan dengan status atau di antara penyimpan dengan bank, dan juga di antara bank itu sendiri dengan orang-orang yang meminjam (peminjam). Kedua-dua perhubungan tersebut berjalan atas dasar atau konsep mudharabah.

Oleh kerana kedua-dua hubungan tersebut berlaku atas dasar konsep mudharabah keuntungan-keuntungan yang diperolehi kelak akan dibahagi kepada kedua-dua pihak menurut kadar atau ratio yang telah dipersetujui. Sekiranya kadar turun naik jumlah keuntu-

ngan itu akan juga dibahagikan mengikut kadar yang telah ditetapkan.

Khabarnya Bank Islam ini juga tertakluk kepada Bank Negara dari segi pentadbirannya.

Ini adalah wajar mengingatkan hanya Bank Negara sahajalah yang boleh mengawal kesemua bank di negara kita ini menurut sistem atau struktur yang sedia wujud. Meskipun cara beroperasi agak berlainan, akan tetapi ia mestilah juga mengekalkan statutory reservesnya yang diterangkan di atas itu maka jelaslah bahawa sistem Bank Islam ini sebenarnya memberi kebaikan dan faedah terutamanya kepada kaum Muslimin. Anehnya masih ada orang-orang yang berdegil mengatakan penubuhannya adalah 'permainan politik' belaka. Sungguh mengecewakan lagi ada pula golongan-golongan tertentu yang menakut-nakutkan rakyat bukan Islam negara ini dengan mengatakan dengan terlaksananya sistem ekonomi dan pendidikan secara Islam, maka mereka akan tersepit di celah antara sekular dengan Islam.

Tetapi sebagai sebuah institusi kewangan yang juga berniaga Bank Islam sebenarnya tidak memaksa dan tidak pula menutup pintu kepada rakyat bukan Islam. Mereka bebas memilih. Maka dimanakah logiknya untuk mereka merasakan keselamatan hak ekonomi dan sosial mereka sudah tercabar.

24

BIASISWA DAN MUTU PENCAPAIAN PELAJARAN ANAK-ANAK MELAYU

KETIKA berucap di majlis Seminar Pelajaran anjuran bersama Jabatan Penerangan dan Biro Pelajaran UMNO Bahagian Ledang, Tangkak, Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia, Professor Tan Sri Dr. Haji Awang Had Salleh menegaskan bahawa kemajuan anak-anak Melayu dalam bidang pelajaran masih belum memuaskan.

Profesor Dr. Haji Awang Had telah menarik perhatian umum apabila membicarakan kelemahan atau kemerosotan pelajaran anak-anak Melayu dikaitkan dengan ekonomi. Itulah sebabnya dalam ceramah itu beliau telah menimbulkan dua perkara yang agak penting minta perhatian segera, pertama mengenai pemberian biasiswa dan kedua tentang prestasi pelajaran anak-anak Melayu.

Memangnya tidak dapat dinafikan lagi bahawa pencapaian mutu pelajaran anak-anak Melayu masih belum boleh dibanggakan sepertimana yang dikatakan oleh Profesor Awang Had itu. Walaupun kerajaan telah berusaha melalui Kementerian Pelajaran untuk meningkatkan kemajuan pelajaran anak-anak Melayu dengan menyediakan dan

memberikan berbagai-bagai kemudahan dan dari masa kesemasa memperbaiki keadaan persekitaran, tetapi sehingga kini pencapaian mereka belum juga memuaskan.

Malah sangat jauh dari tercapainya hasrat kerajaan dan rakyat seluruhnya terutama dari keturunan Melayu.

Tidak dapat dinafikan juga bila kita bercakap mengenai pelajaran anak-anak Melayu kita akan sekaligus menghubungkannya dengan masalah ekonomi. Dalam beberapa hal masalah ekonomi masih juga menjadi salah satu faktor kelemahan anak-anak Melayu. Sementara itu jika pencapaian mereka pula tidak meningkat ke tahap seperti diharap-harapkan, ia sudah tentu akan menggugat kedudukan ekonomi negara.

Sebetulnya pelajaran ekonomi dan politik merupakan suatu hal yang kait mengait. Dalam hubungan dengan pencapaian mutu pelajaran anak-anak Melayu ini, apabila keadaan ekonomi tergugat, maka kekuatan politik juga ikut merosot. Jika ini terus menerus berlaku, maka ia memungkinkan kedudukan bangsa Melayu juga akan turut tergugat.

Melihat kepada wujudnya petanda-petanda seperti inilah rasanya apa yang disarankan oleh Prof. Awang Had itu perlu difikirkan dengan lebih terperinci lagi, dan adalah sangat wajar dibuat susulan terutamanya oleh agensi kerajaan yang bertanggungjawab dengan pelajaran.

Masyarakat Melayu seluruhnya patutlah sedar bahawa kejayaan pelajaran anak-anak Melayu bermakna kejayaan bangsa itu sendiri. Ibubapa hendaklah melipatgandakan lagi usaha supaya mempastikan anak-anak mereka berjaya dalam pelajaran. Janganlah masih kukuh kejap dengan sikap lama yang mengharapkan kepada kerajaan atau pihak sekolah semata-mata.

Sebetulnya terdapat banyak sekali punca-punca kelemahan pelajar-pelajar Melayu di dalam pelajaran mereka sehari-hari. Punca utama ialah kebanyakan anak-anak Melayu telah tersilap meletakkan atau memberikan keutamaan dalam kehidupan mereka setiap hari.

Ini termasuklah juga sikap anak-anak Melayu yang mementing-

kan hal-hal yang remeh-temeh dan bersikap sambil lewa pada peringkat awal. Mereka juga menjadi lembab kerana ketiadaan daya penggerak (motivation) dan seperti kata Prof. Awang Had ini disebabkan oleh terlalu banyak mendapat kesenangan dan kemudahan dari keluarga sendiri dan dari kerajaan.

Keluarga yang kaya tidak akan teragak-agak untuk melayan permintaan anak-anak samada dalam bentuk mata benda ataupun matawang. Inilah kesilapan ibubapa berada terutama yang tinggal dibandar-bandar. Inilah juga punca-punca anak-anak tidak terangsang untuk meningkatkan pencapaian pelajaran mereka kerana semua yang dikehendaki akan dilayan dengan baik oleh kedua orang tua mereka. Bayangkan seorang anak yang baru berusia 17 tahun telah-pun mempunyai kredit kad sendiri.

Dari keadaan serupa ini, maka Prof. Awang Had mengesyorkan supaya sistem pemberian biasiswa kepada anak-anak Melayu dikaji semula. Dengan berbuat begitu menurut Profesor Awang Had, pelajar-pelajar akan lebih berusaha dengan bersungguh-sungguh lagi bagi mendapatkan pencapaian kejayaan yang lebih cermerlang.

Nampaknya cadangan Prof. itu supaya diubahsuaikan pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar Melayu menimbulkan reaksi yang kurang senang dari kalangan pemimpin pelajar. Alasan pemberian biasiswa dalam bentuk yang diamalkan sekarang ini membawa gejala-gejala yang melemahkan para pelajar Melayu tidak disenangi oleh pemimpin pelajar.

Ini jelas apabila Persatuan Mahasiswa Universiti Malaya (PMUM) telah mensifatkan sebagai mengelirukan kenyataan Naib-canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengenai pemberian biasiswa kepada anak-anak Melayu itu.

Satu kenyataan anggota Majlis Tertinggi PMUM yang ditandatangani oleh Encik Takiyuddin Haji Hassan menyebut jumlah pemberian biasiswa sekarang tidak pernah mencukupi untuk menampung perbelanjaan para pelajar samada perbelanjaan akademik dan untuk keperluan sehari-hari.

Beliau menambah, biasiswa yang diperolehi tidak pernah mencukupi untuk membeli buku-buku, alat-alat serta bahan rujukan

yang diperlukan bagi kursus-kursus yang berat seperti perubatan sains dan undang-undang.

Kenyataan ini ada benarnya, dan barangkali dalam pengubahsuaian pemberian biasiswa itu patutlah diperhatikan juga hal ini.

Memperbandingkan kegigihan para pelajar bukan Melayu yang tidak mempunyai biasiswa dengan pelajar-pelajar Melayu yang memegang biasiswa tentunya tidak adil. Pelajar-pelajar bukan Malyu akan lebih terangsang bukan sahaja kerana mereka pergi melanjutkan pelajaran dengan perbelanjaan sendiri, tetapi tabiat semulajadi mereka itu yang memangnya sejak semula berbeza dengan sikap dan pandangan hidup anak-anak Melayu.

Sifat negatif inilah yang perlu dirobah segera oleh anak-anak Melayu.

Tidaklah adil untuk menyatakan anak-anak Melayu yang memegang biasiswa itu berlagak dan tidak menunjukkan kesungguhan dalam menghadapi pelajaran mereka. Tetapi tidaklah dinafikan pula memang ada beberapa kerat antara mereka itu yang 'lupa diri' dengan pemberian biasiswa itu. Dan ini ada sebabnya. Sebab utama ialah kerana adanya pemberian biasiswa kepada 'salah orang'.

Saya ingin menghuraikan lebih lanjut mengenai pemberian kepada 'salah orang' ini dengan menganalisa akan berlakunya salah pemberian biasiswa, iaitu 'study grants' yang mengalir kepada anak-anak golongan kaya dan bukannya kepada mereka yang benar-benar memerlukan bantuan (needy).

Pada hemat kita penyebaran atau taburan pemberian biasiswa yang selama ini diamalkan di negara ini agak bias kerana terdapat ramainya anak-anak dari golongan berada yang mendapatnya.

Ini jelas apabila kita membaca kajian yang dibuat oleh dua orang tokoh pendidikan tempatan, iaitu Profesor Ozay Mehmet dan Prof. Yip Yat Hoong seorang dekan dari Universiti Malaya. Menurut mereka terdapat 59 peratus dari pemegang biasiswa di lima buah universiti di Malaysia terdiri dari anak-anak keluarga berada dan cuma 15 peratus sahaja terdiri dari anak-anak keluarga miskin.

Pelajar-pelajar dari keluarga yang berpendapat kurang dari $300 sebulan tak sampai 14 peratus dari pelajar-pelajar graduate manakala

30 peratus terdiri dari anak-anak keluarga yang berpendapat lebih dari $1,000 sebulan.

Dua puluh lima peratus graduate terdiri dari keluarga yang berpendapatan antara $300 hingga $500 sebulan, sementara dari keluarga yang berpendapatan antara $500 hingga $1,000 pula ialah 31 peratus.

Dari satu kajian yang pernah dilakukan terdapat 43 peratus dari pemegang biasiswa lulus dengan ijazah am (general degree) sahaja.

Melihat kepada perangkaan ini, pendapat Prof. Haji Awang Had ini memang lojik. Akan tetapi rasanya telah tiba masanya dalam penyemakan dan penyesuaian semula pemberian biasiswa itu, tabur hendaklah dilakukan dengan wajar dan adil. Maksudnya mestilah biasiswa itu benar-benar diterima oleh anak-anak orang kaya meskipun mereka itu pintar dan cerdas dalam pelajaran.

Dan bagi mengelakkan kegunaan biasiswa dari tujuan sebenar, kita menyokong pendapat Prof. Awang Had supaya biasiswa diberikan mengikut jumlah yang tidak tetap pada tiap-tiap penggal dalam satu sessi pelajaran.

Dan pemberi biasiswa (samada oleh kerajaan atau badan swasta) patutlah bertindak menarik balik pemberian itu sekiranya didapati pelajar-pelajar yang menerimanya tidak mencapai mutu kelulusan yang memuaskan ataupun jika terdapat yang menunjukkan mereka telah menyalahgunakan biasiswa itu.

****

25

KBSR: KENAPA PENERBIT BESAR IRIHATI?

TULISAN Gilbert Khoo dalam Education Times yang diberi tajuk "Gleeful grab for piece of publishing pie" mengenai masalah penerbit-penerbit kecil milik Bumiputera berjaya menerbitkan buku-buku teks KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) rasa-rasanya sedikit sebanyak terpancar nada memperli dan menghina golongan-golongan tertentu.

Persis seperti agen yang bersuara bagi pihak penerbit-penerbit established yang dimiliki oleh modal asing di negara ini, Gilbert cuba mengemukakan masalah yang bukannya masalah, tetapi mengandungi semacam rasa hasad dengki dan cemburu penerbit-penerbit established; kerana semenjak 1982 monopoli mereka dalam dunia penerbitan buku mula tercabar.

Dan dengan memetik kata-kata beberapa tokoh penerbitan termasuk dari Anthonian dan setiausaha Persatuan Penerbit Buku Malaysia atau MBPA (Malaysia Book Publishers' Association) Encik Johnny Ong, Gilbert semacam membela golongan penerbit tersebut yang rata-rata dimodali oleh non-bumiputera.

Kenapa agaknya maka penerbit-penerbit besar terpaksa bersuara melalui tulisan Gilbert Khoo meluahkan rasa tidak puas hati mereka? Ini terjadi oleh kerana pemilihan buku-buku teks untuk KBSR bagi kegunaan darjah satu tahun 1982 nampaknya lebih banyak dimenangi oleh penerbit-penerbit kecil, terutamanya yang diusahakan oleh kaum Bumiputera, samada yang baru atau yang sudah lama bergecimpung dalam dunia penerbitan.

Macam mana mereka tidak akan dengki dan merasa cemburu, tahun lalu sahaja apabila KBSR diperkenalkan kepada 302 buah sekolah, sejumlah 123,904 buah buku bacaan dalam empat bahasa telah digunakan oleh pelajar. Dan pada tahun ini apabila KBSR dilaksanakan sepenuhnya sejumlah 2,253,312 buah buku bacaan telah digunakan oleh anak-anak yang baru berumur tujuh tahun (darjah satu).

Dan cuba bayangkan sekiranya harga senaskah buku-buku tersebut antara $2.90 hingga $3.30 (seperti telah ditetapkan oleh Kementerian) berapa banyaknya keuntungan yang dapat dikaut dari perusahaan penerbit buku-buku teks ini.

Jadi tidak hairanlah kalau akhir-akhir ini telah terdengar suara-suara sumbang mengenai cara pemilihan buku-buku teks yang dikendalikan oleh Biro Buku Teks yang bernaung di bawah Kementerian Pelajaran itu.

Pemilihan buku-buku teks yang dikendalikan oleh Biro Buku Teks tidak boleh diragui lagi. Segala-galanya berjalan mengikut peraturan dan syarat-syarat yang memang telah ditetapkan. Banyaknya penyertaan manuskrip dari penerbit-penerbit besar (established?) yang gagal dalam pemilihan tidaklah boleh menjadi alasan yang para penel telah memilih kasih.

Kita jangan menidakkan kebolehan penerbit-penerbit kecil, mungkin usaha tersebut sangat mencabar maka mereka melakukannya secara lebih serius, oleh sebab itulah mereka menang. Malah penat lelah mereka menjadi satu sumbangan maha besar dalam dunia pendidikan di negara ini.

Pada tahun lalu misalnya, penerbit-penerbit yang terlibat dalam 'pertandingan' memangnya dipanggil dan diberi taklimat. Begitu juga

pada tahun ini bagi program untuk bahan-bahan bacaan darjah dua tahun 1984. Dalam penilaian untuk bahan bacaan darjah satu tahun lalu terdapat 1,101 buah manuskrip yang menyertai 'pertandingan'; dari jumlah ini 686 buah bahasa Melayu, 288 buah bahasa China dan 127 bahasa Tamil. Setelah dinilai sejumlah 120 tajuk telah terpilih, iaitu 41 buah untuk bahasa Melayu, 44 buah bahasa China dan 35 buah bahasa Tamil.

Dari angka ini jelaslah sejumlah 981 buah manuskrip iaitu kira-kira 89 peratus telah ditolak. Penilaian buku teks untuk bacaan darjah dua telahpun selesai dijalankan baru-baru ini dan telahpun diumumkan senarai para penerbit yang berjaya.

Sebanyak 527 manuskrip telah diterima dan para panel telah memilih 19 buah untuk bacaan berbahasa Melayu iaitu dari jumlah penyertaan sebanyak 392 tajuk, 16 buah berbahasa China dari jumlah 66 manuskrip, dan 25 buah berbahasa Tamil dari jumlah 69 tajuk. Peratus manuskrip yang ditolak ialah 87 peratus.

Ditinjau dari cara-cara penilaian dan kriteria-kriteria yang telah ditentukan rasanya penerbit-penerbit besar yang kebanyakan tidak berjaya pada tahun lalu tidaklah sewajarnya merasa sangsi lantas melemparkan berbagai-bagai tuduhan seperti mana terdapat dalam tulisan Gilbert Khoo itu. Sebetulnya sekurang-kurang terdapat kira-kira 16 kriteria yang diamalkan oleh panel pemilih bagi memilih manuskrip-manuskrip yang baik.

Para penerbit dipinta mengirimkan satu contoh penerbitannya yang lengkap dengan illustrasinya sekali dan harga buku tersebut akan ditetapkan oleh pihak Kementerian. Dan buku-buku terpilih dalam katogeri: senarai A dan senarai B. Buku-buku dalam senarai A dipesan seluruhnya oleh Biro untuk diedarkan secara percuma dibawah Skim Pinjaman Buku. Dan sekiranya buku-buku diletak dalam senarai B, ini bermakna ia telah diluluskan untuk bacaan tambahan tetapi terpulanglah kepada budibicara sekolah-sekolah samada mahu menggunakannya ataupun tidak.

Oleh kerana usaha penerbitan buku-buku teks KBSR ini sangat menguntungkan dan cukup terjamin dari segi daya pembelian, maka akhir-akhir ini hebuhlah penerbit-penerbit besar kerana 'penerbit-

penerbit kerdil' nampaknya setakat ini telah menguasai bidang ini. Kekecohan kian lantang disebabkan kebanyakan penerbit-penerbit kerdil itu adalah milik Bumiputera, manakala penerbit-penerbit besar milik non-Bumiputera ataupun milik syarikat asing yang mempunyai cawangan di sini dan kadang-kadang mempunyai anak syarikatnya untuk menerbitkan buku-buku yang ditulis oleh pengarang-pengarang tempatan dalam bahasa-bahasa Melayu, China, Inggeris dan juga India (Tamil).

Dan apabila penerbit-penerbit kecil atau kerdil milik usahawan Bumiputera yang berjaya menembusi monopoli penerbitan untuk bacaan darjah satu, maka kini timbullah berbagai-bagai tohmah sehingga oleh Gilbert Khoo dikatakan, "penjual mi, kuey teow, capati atau sesiapapun boleh menjadi penerbit untuk menyertai program penyediaan bahan-bahan bacaan tambahan KBSR". Secara logik dan waras apakah maksud tulisan ini semua kalau tidak kerana hendak merendah-rendahkan mutu dan kebolehan yang telah ditunjukkan oleh penerbit-penerbit kerdil itu.

Hendaklah diingat bahawa kebanyakan penerbit-penerbit baru yang karya-karya mereka terpilih itu adalah bekas editor, pensyarah dan sekaligus pengarang-pengarang yang terkenal. Beberapa usahawan yang dapat disebut di sini yang karya-karya mereka dipilih dan diterbitkan sendiri atau oleh penerbit lain antaranya seperti Yahaya Ismail, Ismail Ahmad, Zainal Abidin Bakar, Azran Abdul Rahman, Noraini Yusuff (sekadar menyebut beberapa nama) adalah tokoh yang berkebolehan dalam menyediakan bahan bacaan kanak-kanak. Lagipun apalah sangat hendak diirihati, dendam atau cemburu; bukankah mereka itu semua selama ini telah banyak memberikan khidmatnya kepada penerbit-penerbit established di-negara ini?

Apa yang menjadi aneh ialah yang menegur penerbit-penerbit kerdil itu bukanlah pula golongan cendekiawan, ibubapa ataupun para pendidik yang lebih bertanggungjawab tentang pelajaran anak-anak mereka. Bukankah ini suatu hal yang amat luar biasa? Kalau buku-buku terpilih yang dihasilkan dan diterbitkan oleh penerbit-penerbit kerdil itu benar-benar tidak bermutu sudah tentulah mereka

itu yang terlebih dahulu akan dengan lantang menyuarakan rasa tidak puas hati mereka. Orang-orang yang bodoh pun rasanya akan dapat mentafsirkan sebab sebenar kepada rasa kurang senang itu datangnya dari penerbit-penerbit established.

Pengarah Biro Buku Teks, Encik Hashim Maydin sendiri misalnya berkata, "setiap manuskrip telah dibaca dengan teliti dan dinilai mengikut syarat-syarat dan kreteria tertentu". Menyentuh tentang rasa tidak puas hati penerbit-penerbit yang manuskrip mereka ditolak Encik Hashim menambah; "bagaimana sekiranya ada penerbit-penerbit yang merasa tidak puas hati dengan alasan umum (general reasons) yang diberikan oleh pihaknya, mereka dialu-alukan supaya dapat berbincang dari hati ke hati malah perkara seperti ini telahpun dilakukan dengan beberapa penerbit".

Memanglah kita tidak boleh mengharapkan segala sesuatu yang diusahakan oleh manusia itu sempurna atau perfect seratus peratus. Untuk ini masih ada peluang bagi Biro dan juga para penerbit yang berminat untuk terus mengambil bahagian dalam projek besar ini bagi memperbaiki mutunya dari segala aspek dari masa ke masa.

Adalah lebih baik sekiranya pihak penerbit itu sendiri supaya bersikap lebih terbuka untuk menerima sebarang teguran membina atau kritik-kritik yang berfaedah dari mereka yang pakar. Dan bukannya menerima luahan rasa cemburu, dengki, tohmah yang bukan-bukan dari orang yang terlalu mementingkan diri sendiri atau vested interest.

Pada anggapan saya banyaknya manuskrip-manuskrip dimenangi oleh penerbit kecil milik Bumiputera bukanlah kerana berlakunya pilih kasih ataupun mereka itu bernasib baik. Kemenangan yang mereka capai itu sebetulnya kerana kemampuan dan kebolehan setengah-setengah mereka yang sebelum ini sudahpun mempunyai pengalaman yang luas, cumanya mereka itu tidak menjadi penerbit oleh kerana kekurangan modal.

Akan tetapi bila manuskrip mereka yang lengkap dengan illustrasi terpilih samada untuk Senarai A ataupun Senarai B mereka telah berani mencari modal. Sepatutnya kegigihan mereka itu dipuji dan bukannya dicemburui oleh penerbit-penerbit besar yang kita tahu

bisnes mereka itu sahaja menjadi penerbit tetapi pelbagai.

Apalah sangat besarnya pendapatan penerbit-penerbit kerdil kepunyaan kaum Bumiputera itu jika dibandingkan dengan peluang-peluang yang selama ini telah diperolehi oleh penerbit-penerbit besar semenjak zaman penjajahan lagi. Kenapakah Gilbert Khoo semacam mencemburui kegigihan penerbit-penerbit kecil untuk menyertai program KBSR?

Apa maksudnya apabila dengan suatu cara yang amat sinis dan tajam beliau menyatakan petani-petani di bawah Risda telah menjadi penerbit, artis dan penulis mencuba mengadu tuah kalau-kalau mendapat "Lucky Dip". Malah sehingga pekerja-pekerja binaanpun dilaporkan menyertai pertandingan. Kalau diteliti secara halus ayat ini ternyatalah ianya direka-reka sahaja. Agak melulu dan merupakan kenyataan yang umum. Sepatutnya jika beliau lebih bertanggung-jawab kenyataan lebih detail dengan contoh-contohnya sekali patut diberikan dalam tulisan itu.

Tulisan Gilbert Khoo yang menyuarakan hasrat terpendam penerbit-penerbit besar itu menjadi tidak logik sama sekali sekiranya kita memperincikan buku-buku darjah 2 yang bakal dicetak tidak lama lagi itu. Penerbit-penerbit kerdil milik Bumiputera yang baru belajar berniaga itu tidak mendapat peluang memenangi buku-buku dari aliran Inggeris, China dan India. Aliran Inggeris misalnya dari jumlah 23 buah buku mereka cuma mendapat 9 buah sahaja.

Begitulah seterusnya mereka dalam bahasa Tamil. Malah yang dalam aliran Bahasa Malaysia sendiri dari jumlah 41 buah penerbit-penerbit kerdil mendapat hampir separuh dari jumlah itu sahaja; sedang sebuah penerbit bukan Bumiputera telah berjaya mendapat 18 buah buku KBSR tahun satu bagi aliran Bahasa Tamil. Demikianlah kita dapati dalam aliran Bahasa China terdapat sebuah penerbit established mendapat 10 jodol, sedang penerbit kerdil Bumiputera nol.

Jadi di manakah logiknya alasan-alasan yang diberikan oleh Gilbert Khoo sebagai 'jurucakap' mereka itu. Difikir lebih halus lagi kita pun jadi tanda tanya (walaupun sekilas ikan di air sudah di-

ketahui jantan betinanya) apakah motif sebenar di sebalik tulisan Gilbert Khoo yang panjang lebar dan penuh dengan quotation yang menyakitkan hati itu.

Dari tulisan Gilbert itu saya dapat merasakan satu kesan yang amat negatif yang boleh memesongkan pandangan dan sikap ibubapa terhadap kebijaksanaan Biro Buku Teks dan sekaligus boleh menjejaskan kelicinan perjalanan program KBSR. Betapa tidak, dengan tulisan yang terlalu umum dan samar-samar itu ibubapa boleh meragui akan prestasi program KBSR, meragui akan kebolehan penulis-penulis dan penerbit-penerbit tempatan. Meragui guru-guru yang mengajar dan meragui akan mutu buku-buku yang dijadikan teks itu.

Beliau cuba membela keupayaan penerbit-penerbit besar, tetapi beliau tidak sedar penerbit besar mungkin sophisticated dari segi teknik dan mutu cetakan buku-buku. Tetapi kita jangan lupa mutu yang lebih diambil kira ialah dari aspek isi (wording/kandungan/ nilai isi cerita), dan mungkin aspek inilah yang tidak dapat diadakan oleh penerbit-penerbit besar.

Salah satu faktur yang saya tahu benar ialah ramai sekali para penulis, penyunting dan editor yang berpengalaman yang pernah bekerja dengan penerbit-penerbit besar setelah cukup pengetahuan dan pengalaman dan mahir dalam selok-belok penerbitan telah membuka syarikat penerbitan sendiri. Dan kebanyakan yang menang saya perhatikan ialah manuskrip-manuskrip yang ditulis oleh mereka ini dengan bantuan illustrasi artis-artis yang juga pernah bekerja dengan penerbit-penerbit yang dibela oleh Gilbert Khoo itu.

Saya cukup bersetuju dengan pandangan Encik Yahaya Ismail yang menyatakan kebanyakan penerbit-penerbit kerdil Bumiputera sebetulnya bukan petani, penjual kuew teow, tetapi mereka terdiri dari penulis-penulis yang berpengalaman dalam segi penulisan buku-buku teks. Malah ramai antara mereka terdiri dari kelulusan universiti dalam dan luar negeri; ada yang pernah menjadi General Manager sebuah syarikat penerbitan tertua di negara ini. Orang-orang inilah setahu saya yang menjadi ahli dan menerajui Persatuan Penerbit-penerbit Buku Melayu.

Jadi mereka mungkin kalah dari segi mengumpulkan modal yang banyak, tetapi tidak dapat disangsikan mereka benar-benar mempunyai pengalaman dari segi menyediakan teks, terutamanya bagi aliran Bahasa Melayu.

Kalaupun mahu juga terus cemburu, irihati; tetapi ingatlah mereka bukannya tidak membahagi keuntungan yang diperolehi dari program KBSR ini. Kita jangan lupa kilang-kilang cetak juga membuat untung hampir sama banyak dengan penerbit. Dan kilang-kilang cetak itu hampir 90% dimiliki oleh usahawan bukan Bumiputera. Tetapi sekiranya penerbit-penerbit yang established yang menang, lazimnya mereka akan mengupah cetak di negara jiran mereka di sana 'cost of printing' jauh lebih murah.

Lalu, kita bertanya sendiri, golongan manakah sebenarnya yang turut membantu pengembangan pelajaran dan ekonomi di negara ini?

****

26

ADA ORANG TAK SENANG DENGAN KBSR

APAKAH yang akan terjadi apabila seseorang yang tidak begitu minat kepada subjek yang dibicarakannya tetapi cuba diperkatakan juga? Lantas secara jujur menyatakan yang ia lebih minat kepada kurikulum yang difikirkannya sendiri, yang mimpikannya sendiri. Alasannya? Semoga bila besar kelak anaknya boleh menjadi impian.

Saya melihat ada semacam keanehan di situ, sehingga menyebabkan saya merasa ragu apakah semua itu diucapkan berdasarkan rasional atau sentimen belaka. Dan keraguan saya itu mencetuskan saya menulis rencana singkat ini.

Dan ia hanya baru akan yakin kepada KBSR (kurikulum Baru Sekolah Rendah) sekiranya KBSR menjamin anaknya menjadi imam. Kalau mungkin sebesar Imam Ghazali, Imam Shafie, Imam Maliki atau Imam Hambali. Rasanya kalau kurikulum di pondok-pondok tidak dapat melahirkan seorangpun imam yang disebutkan itu apatah lagi dengan KBSR.

Secara tak langsung barangkali politikus itu menyindir begini: KBSR tidak mencerminkan atau mementingkan ajaran moral atau

akhlak seperti mana yang diinginkan selama ini. KBSR mengenepikan tulisan jawi, maka sekaligus menolak tepi pelajaran agama Islam.

Kita jangan lupa bahawa dalam KBSR diperuntukkan sebelas peratus pelajaran agama. Jumlah peratus ini sudah cukup untuk mengasuh pelajaran akhlak kepada anak-anak memandangkan pelajaran ini boleh pula diajarkan secara tak langsung di rumah atau di-madrasah apabila mereka belajar mengaji Quran atau sembahyang.

Ada orang merasa kesal kerana takut-takut tulisan jawi meng-alami nasib yang sama dengan negara-negara seperti Turki atau Indo-nesia. Tetapi orang tak pernah fikirkan berapa ramai jumlah ulamak yang benar-benar mencapai taraf ulamak tulin di Indonesia jika di-bandingkan dengan ulamak-ulamak atau lebai pondok di Malaysia. atau ulamak-ulamak yang menjadi pemimpin politik di negara kita. Berapa ramai para ilmuan agama di Indonesia yang berjaya menulis kitab-kitab, buku-buku agama meskipun Indonesia mengutamakan tulisan rumi daripada tulisan jawi.

Agak susah juga ahli-ahli pendidikan hendak menarik keyakinan orang-orang yang moden tetapi berfikiran orthodok apabila terdapat di kalangan mereka salah faham tentang pelajaran muzik yang ter-dapat dalam KBSR. Lantas ada yang mengatakan "di dalam kuri-kulum baru itu ada beraneka M di samping 'menulis, membaca dan mengira' seperti menyanyi, muzik, menari dan kalau perlu melompat".

Perkataan 'melompat' rasanya agak melampau sedikit digunakan dan terasa seperti dipengaruhi oleh sentimen melulu. Melompat memang Latihan Jasmani (physical education). Akan tetapi KBSR tidak mengajar melompat 'macam kera'. Sebetulnya KBSR ada mem-peruntukkan pelajaran muzik yang di dalamnya termasuk menyanyi, muzik plus gerakan dan genderang.

Muzik dan gerakan tidaklah pula bermakna melompat, kerana gerakan untuk menyeronokkan murid-murid. Saya berkesempatan meneliti lagu-lagu nyanyian dalam buku. Panduan Khas Muzik dan dua buah buku lagu yang mengandungi sebuah 18 buah lagu dan se-buah lagi 28 lagu menjadikan 46 lagu. Saya dapati tema pokok lagu-lagu tersebut kebanyakan mengenai alam semula jadi, mengenai

binatang, perasaan muhibbah, lagu tradisional, cintakan tanahair dan banyak juga yang menganjurkan unsur akhlak yang baik dan mulia. Oleh demikian tidak ada sebab kenapa ada orang yang tidak senang dengan pelajaran muzik dan nyanyian dalam kurikulum baru itu. Bukankah juga muzik dan nyanyian merupakan sebahagian dari kehidupan manusia yang sekaligus merupakan seni indah dan halus yang digemari oleh semua manusia yang siuman dan normal? Lagipun kalau disemak betul-betul peruntukan pelajaran muzik hanya satu jam sahaja dalam seminggu.

Benarlah KBSR itu ada suatu percubaan baru dan dari mana ianya ditiru tidaklah perlu dipersoalkan lagi asal saja hasilnya kelak boleh meningkatkan lagi pencapaian taraf pendidikan di negara ini. Itulah objektif yang utama yang dicita-citakan. Akan tetapi suatu hal yang sudah nyata bahawa ianya dirangka sedemikian rupa oleh pakar-pakar pendidikan yang memangnya mahir dalam bidang mereka.

Tentunya pula KBSR itu dicipta dan dilaksanakan dengan tujuan baik. Dan penciptaannya tentulah berdasarkan kajian yang teliti yang memangnya sudah dikaji semenjak dua tiga tahun yang lalu dan bukannya setelah 2M memegang teraju pemerintahan negara ini. Tentunya pula proses merangka, menyesuai dan melaksanakannya itu melibatkan ramai pakar-pakar yang ahli dalam bidang pendidikan. Tidak usah diragukan lagi bahawa kerja ini adalah kerja besar dan memerlukan pemikiran dan penyelidikan yang teliti.

Masalah pelaksanaan khususnya melatih semula guru-guru sekolah bukannya perkara pokok yang perlu dibimbangkan. Memang tak ada KBSR pun guru-guru sentiasa dikenakan kursus umpamanya kursus 'in-service couse' yang mana diadakan pada setiap cuti penggal ataupun yang terus diadakan samada selama sebulan ataupun tiga bulan.

KBSR memang telah menyusun satu jadual kursus kepada guru-guru sekolah rendah dengan amat teratur dan lebih pada itu cara mereka menyertai kursus pula adalah mengikut pengkhususan atau spesialisasi. Sekurang-kurangnya kursus diberikan selama sepuluh hari iaitu pada tiap-tiap hujung minggu, dan kursus ini pula dikenda-

likan oleh keypersonnel yang memangnya ahli dalam satu-satu mata pelajaran tertentu.

Tidak timbul sama sekali tentang rasa kekok guru-guru yang telah berpengalaman berpuluh-puluh tahun itu hendak mengendalikan pengajaran. Apa yang baru hanya penyesuaian sahaja. Kalaupun benar mereka itu letih mengajar, itu memanglah tugas mereka, mereka diberi habuan untuk mengajar. Takkanlah pula sampai guru-guru itu 'nanti habis mati kerana kena darah tinggi' akibat dari terpaksa mengajar mengikut kehendak KBSR.

Adalah bohong dan di luar kenyataan sama sekali apabila dikatakan guru-guru cuma diberi taklimat mengenai cara mengajar yang baru. Mereka bukan diberi taklimat, tetapi setahu saya mereka diberi kursus khas. Kemudian dari kursus itu mereka dilepaskan mengajar dan dalam masa sebulan atau dua bulan kemudian mereka dipanggil untuk membincangkan beberapa masalah yang timbul.

Dari feedback yang dibawa atau dikemukakan oleh guru-guru yang terlibat mengajar itulah dicari punca dan cara untuk seterusnya meningkatkan lagi pencapaian taraf pengajaran yang baik dan berkesan. Lagipun segala-galanya sebelum KBSR terus dilaksanakan disekolah-sekolah rendah di seluruh negara, selama setahun terlebih dahulu diadakan percubaan yang melibatkan tiga ratus buah sekolah. Dari percubaan inilah banyak masalah-masalah yang timbul dan dicuba mencari penyelesaiannya. Oleh demikian kita dapati KBSR nampaknya tidak menimbulkan banyak masalah bila ianya dilaksanakan, malah terlihat pencapaian murid-murid lebih menggalakkan lagi.

Saya merasa aneh, pelik dan terharu apabila terdapat tokoh politik, cum penulis wartawan yang masih sangsi tentang kemampuan KBSR membina generasi yang lebih bererti khususnya dalam bidang pendidikan. Lazimnya sesuatu projek baru diadakan itu tentulah dengan hasrat untuk mengangkatkan kebaikan dan nilai pendidikan. Maka sebelum ianya benar-benar dapat dilihat akan hasilnya maka tidaklah wajar 'berteriak' itu tak kena, ini tak kena seolah-olah hendak menumpukan semangat ibubapa yang menginginkan anak-anak mereka berjaya di dalam pelajaran.

Kalau cabaran besar KBSR itu seperti dikatakan oleh tokoh

tadi datangnya dari MCA, maka kenapakah pula beliau sibuk merasa bimbang akan kemampuan KBSR meningkatkan lagi prestasi pendidikan negara ini dan sekaligus dapat melaksanakan perjuangan menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar yang tulen di negara ini.

Dalam kurikulum baru ini memang itu adalah salah satu dari objektif yang diharap-harapkan. Dan tokoh itu merasa takut seperti bimbangkan orang-orang MCA, maka di manakah sebenarnya pendirian tokoh itu?

Saya melihat tidak ada sebab kenapa tokoh itu harus merasa bimbang akan objektif sebenar KBSR. Kalau setakat takut anaknya tidak dapat menjadi impian, maka itu adalah persoalan yang lain sama sekali. Kalau itulah sangat yang dituntutkan dari KBSR, maka ada baiknya tokoh itu menghantarkan anaknya belajar di pondok Kampung Telosan, Bunut Payung atau Pondok Kenali.

Kalau itulah benar yang diharap-harapkan oleh tokoh itu, betapalah semua orang lain akan mengikut kemahuannya seorang. Bagi saya biarlah KBSR itu akan dapat mengimbangkan kedua-dua kehidupan: kehidupan dunia dan akhirat, sebab sebelum ke akhirat kita terlebih dahulu hidup di dunia.

Nampaknya adalah terlalu senang bagi seseorang itu menegur apa yang telah orang lain buat, senang sekali melihat kelemahan orang; tetapi bagi saya sesungguhnya bukannya begitu senang hendak senang!!

****

27

PEMBOCORAN SOALAN STPM: JENAYAH YANG TERKUTUK

APABILA akhbar **Berita Harian** menyiarkan berita pembocoran soalan-soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan (STPM) yang berlaku di pusat-pusat peperiksaan di Kota Bharu, masyarakat menjadi gempar dan hari-hari berikutnya tersebarlah pula berita-berita yang disiarkan oleh akhbar-akhbar bahawa pembocoran yang sama juga berlaku di negeri-negeri lain. Akhbar **The Malay Mail** sebuah akhbar harian terbitan tengahari berbentuk **tabloid** telah mengirim beberapa orang pemberitanya membuat liputan yang lebih investigatif. Tidak sampai seminggu kemudian pihak Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) dengan bantuan polis telah membuat penyiasatan rapi.

Akhirnya ternyatalah Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah dapat mengesan dan membuktikan sejumlah lapan kertas telah terbukti bocor. Kertas-kerta tersebut hampir semuanya dari aliran sastera. Kertas-kertas tersebut ialah seperti Kertas Am, Bahasa Malaysia I, Bahasa Malaysia II iaitu mengenai kesusasteraan Melayu, Sejarah II, Sejarah 6, Ekonomi 3, Geografi Kertas I dan 2.

Nampaknya pihak MPM telah bertindak cepat dan tegas apabila Pengerusinya, Professor Diraja Ungku Abdul Aziz telah mengadakan persidangan akhbar dan mengumumkan kesemua enam kertas yang bocor itu terpaksa diadakan peperiksaan semula. Tarikh peperiksaan telah ditetapkan dari 28 hingga 31 Disember '83. Sementara kertas Geografi I dan 2 diadakan pada 8hb Januari '84. Peperiksaan semula lapan kertas ini melibatkan 71,854 orang calon dan dikatakan akan menelan perbelanjaan sebanyak satu juta ringgit.

MPM seperti ditegaskan oleh Prof. Ungku Aziz berpendapat peperiksaan ulangan adalah perlu bagi menjaga keutuhan dan keadilan peperiksaan STPM yang dikendalikan oleh negara sendiri. Beliau juga melahirkan rasa simpati kepada calon-calon yang tidak terbabit yang terpaksa mengulang semula kertas-kertas yang didapati bocor itu.

"Kami sedar perkara itu menimbulkan keresahan sehingga menggganggu ketenteraman calon-calon yang sedang mengambil peperiksaan sekarang. Kami kesal kerana perkara itu boleh berlaku, " tegas Prof. Ungku Aziz dan menyambung, "kami tidak ada jalan lain untuk mengatasi masalah ini kecuali mengadakan semula peperiksaan kesemua kertas itu bagi menjaga keutuhan dan keadilan peperiksaan".

Kita merasakan tindakan tegas MPM itu amat wajar demi untuk menjaga keutuhan dan kewibawaan dan taraf STPM yang sangat penting di dalam sistem pendidikan di negara ini. Lagipun, meski menyusahkan calon-calon, langkah mengadakan peperiksaan ulangan semula itu lebih adil kepada calon-calon yang tidak terlibat dengan kertas-kertas yang bocor itu. Jika langkah ini tidak diambil, maka tentulah kewibawan dan taraf STPM akan diragui dan kemantapannya akan terjejas. Lagipun sijil ini tersangat penting kerana kemasukan pelajar-pelajar ke universiti-universiti tempatan adalah didasarkan kepada keputusan peperiksaan STPM.

Pembocoran ini dikatakan pertama kali pernah berlaku dalam sejarah peperiksaan STPM (dahulunya STP/HSC) di negara kita ini. Dan STPM sendiri hanya baru dua tahun dikendalikan di negara kita ini di bawah kelolaan Majlis Peperiksaan Malaysia. Adalah suatu

hal yang amat malang sekali apabila dalam jangkamasa yang begitu singkat perkara seperti ini telah berlaku.

Oleh kerana perkara ini telah terjadi dan untuk mengelakkan dari ianya akan berulang adalah sangat wajar sekali MPM dengan bantuan pihak polis supaya menyiasat hal ini sehingga ke akar umbinya.

Orang-orang yang terlibat dalam perbuatan yang sama berat dengan perbuatan jenayah ini patutlah dihukum setimpal dengan kesalahan. Sesungguhnya perbuatan 'penjenayah-penjenayah' itu sangat terkutuk. Malah jenayah besar ini rasanya lebih berat dan serius dari jenayah mengedarkan dadah. Ini sangat jelas kerana kesalahan yang mereka lakukan itu adalah satu kesalahan yang boleh menjejas dan mencemarkan imej dan keutuhan sistem peperiksaan di-negara ini.

Bagi kita peristiwa ini dapat dianggap sebagai satu 'tragedi'. Maka itu kini adalah lebih baik MPM mengkaji dengan teliti bagaimanakah pembocoran seperti itu boleh berlaku. Rasanya usaha mencari punca-punca berlakunya kebocoran kertas-kerta soalan itu dapat dikatakan sama pentingnya dengan kerja-kerja mencari dan mengenalpasti mereka yang terlibat dan bertanggungjawab dengan pembocoran tersebut. Dengan begitu, kita mengharapkan pisang tidak akan berbuah dua kali.

Dari sumber-sumber yang boleh dipercayai mengatakan Majlis Peperiksaan Malaysia mempercayai bahawa pembocoran tidak mungkin berlaku pada peringkat percetakan dan penyebaran. MPM percaya pembocoran berkemungkinan berlaku pada enam peringkat, iaitu:

1. Semasa dalam proses penyediaan soalan.
2. Masa dalam proses penilaian soalan.
3. Ketika soalan-soalan dimoderatedkan.
4. Semasa dalam proses editing/disunting.
5. Semasa dalam proses penaipan.
6. Semasa membuat semakan kepada pruf di sini selepas pencetak di England mengirimkan kembali semua pruf.

Pihak MPM berpendapat keselamatan perjalanan pruf dari London sehinggalah kepada tarikh peperiksaan adalah terjamin, dan

pembocoran tak mungkin berlaku pada peringkat ini sebab kawalan cukup ketat sekali. Demikian juga tidak menasabah soalan-soalan akan bocor pada peringkat masa menyediakan soalan. Ini mengingat kan, bahawa orang-orang yang sama adalah yang terlibat dalam menyediakan soalan-soalan dan mereka itu antaranya yang telahpun terlibat semenjak 20 tahun yang lalu. Jadi kalau pada peringkat itu pembocoran berlaku, kenapa tidak mereka lakukan sejak lama dahulu?

Kalau diperhatikan kepada peringkat-peringkat yang terpaksa dilalui oleh satu-satu soalan itu terlalu banyak dan melibatkan ramai orang, barangkali pada peringkat proses penilaian, editing, penaipan tentunya melibatkan orang-orang lain daripada pembuat soalan itu sendiri, ertinya selepas soalan itu disediakan, ramai lagi orang-orang lain yang sudahpun tahu akan soalan-soalan tersebut.

Apa yang cukup menyangsikan kita ialah pada proses penilaian dan penaipan. Apakah semasa kedua-dua proses ini benar-benar dapat dijamin bahawa soalan itu tidak bocor? Siapakah orang-orang yang menilai, menaip dan mengedit soalan-soalan? Sudah tentu orang-orang yang berlainan. Sudah tentu dalam jawatankuasa penilaian itu akan ada mereka yang terdiri dari guru-guru.

Apapun andaian kita untuk waktu ini semuanya masih samar-samar. Pihak polis sedang bekerja keras untuk menyiasat pembocoran ini. Dan rasanya dalam penyiasatan nanti orang-orang yang terlibat dalam proses penyediaan soalan-soalan itu dari A sampai Z perlulah disoal dengan cermat, kerana dengan berbuat demikian barulah pihak yang bertanggungjawab dapat mengumpulkan maklumat sebanyak mungkin.

Barangkali penyiasatan yang kini sedang dilakukan oleh pihak polis akan berguna untuk menangkap 'penjenayah-penjenayah' itu, akan tetapi untuk memperbaiki keselamatan kertas-kertas soalan dimasa-masa hadapan, rasanya yang harus dikaji sekarang ialah sistem keselamatan peperiksaan itu; ini bermakna pihak yang berwajib iaitu MPM terpaksalah meninjau ke dalam, kepada kaedah dan sistemnya kerana hanya dengan begitu peristiwa yang buruk ini tidak akan berulang lagi.

Untuk itu rasanya langkah yang agak baik ialah MPM patut mengkaji semula kedudukan orang-orang yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam tugas menyedia dan menyusun soalan-soalan peperiksaan itu. Kajian semula yang amat teliti perlu sekali dilakukan oleh MPM terutama kepada mereka yang terlibat seperti pembuat soalan, penilai dan para pentadbir termasuk juga kakitangan Lembaga Peperiksaan (dari serendah-rendah pangkat sehingga kan kepada pegawai tertinggi yang terlibat dalam pekerjaan penyediaan soalan) agar pada masa-masa hadapan mereka itu benar-benar dapat dijamin bolah bertanggungjawab dengan tugas masing-masing.

Saya agak tertarik dengan beberapa saranan dan pandangan masyarakat umum yang mengatakan terlalu ramai orang-orang yang terlibat dengan penyediaan kertas-kertas soalan, orang-orang yang menyusun dan mempersiapkan soalan-soalan serta kerja mentadbirkan persiapan itu. Ini memangnya jelas, terasa terlalu ramai orang yang terlibat sebelum kertas-kertas itu dikirimkan ke luar negeri untuk dicetak.

Barangkali tidak mungkin kertas-kertas itu bocor pada peringkat mencetak dan masa sehari dua sebelum peperiksaan. Ini mengingatkan soalan-soalan yang bocor seperti yang dilaporkan bukanlah kertas soalan yang sebenar, tetapi dalam bentuk-betuk stensilan, salinan taip, atau diperolehi oleh calon-calon melalui telefon dari teman-teman dan lain-lain cara lagi. Barangkali kalau soalan-soalan tersebut dicetak di dalam negeri barulah logik dikatakan kemungkinan ianya bocor pada peringkat itu. Begitu juga pada peringkat sehari dua menjelang peperiksaan. Baisanya kertas-kerta ssoalan yang dikirimkan ke pusat-pusat peperiksaan akan diikat atau dibind dengan baik dan disimpan dalam peti besi di balai-balai polis yang berdekatan.

Selain itu terdapat juga pandangan dan suara-suara yang mengatakan besar kemungkinan adanya satu sindiket yang menjual soalan-soalan yang bocor itu. Mereka dikatakan sengaja mencari soalan-soalan dalam aliran sastera kerana senang untuk menjualkannya oleh kerana bilangan calon-calon yang mengambil matapelajaran aliran

sastera lebih ramai daripada aliran sains. Dan dua mata pelajaran yang teramat penting ialah Kertas Am dan Bahasa Malaysia kertas satu dan dua.

Barangkali kita tidak boleh menolak pendapat yang mengatakan kemungkinan soalan-soalan itu bocor di seminar-seminar yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah, pusat-pusat pelajaran swasta, ceramah-ceramah STPM yang dianjurkan oleh badan-badan tertentu. Ceramah-ceramah begini lazimnya diadakan menjelang peperiksaan STPM, malah ada pula beberapa buah majalah-majalah pelajar tempatan yang menerbitkan keluaran istimewa menjelang peperiksaan, dan kadangkala orang-orang yang terlibat dengan penyediaan atau penyusunan soalan diberi bayaran yang lumayan supaya menulis di dalam majalah-majalah tersebut.

Begitu juga dalam majlis-majlis seminar atau ceramah tadi. Terdapat adanya orang-orang yang bertanggungjawab dalam menyediakan soalan-soalan diminta memberikan ceramah, dan kadangkala ada yang dijadikan soalan. Rasanya hal ini perlu sekali dihalang. Ceramah-ceramah oleh mereka yang terlibat dalam penyediaan soalan sepatutnya dihentikan, kerana kadangkala dalam majlis soal-jawab kerap berlaku mereka itu tersasul dan menyebut seperti 'tajuk-tajuk penting yang perlu diberikan tumpuan'.

Kemungkinan-kemungkinan seperti ini tidak boleh ditolak dan dipandang remeh mengingatkan kemungkinan secara tidak sedar atau tidak sengaja mereka akan memberi tahu soalan-soalan itu. Begitu juga sistem pemeriksaan sekarang terdapat ramai sekali guru-guru yang mengajar peringkat STPM. Tidak seperti biasa para pemeriksa terdiri dari pensyarah dan tutor universiti-universiti dalam negeri yang tidak terlibat dengan pengajaran. Guru-guru yang ditugaskan menjadi pemeriksa itu dibekalkan dengan skima pemeriksaan yang lengkap.

Dan guru-guru tadi tentulah mahukan sekolahnya mendapat peratus kelulusan yang tinggi. Ini juga berkemungkinan guru-guru akan lebih menumpukan pengajaran untuk meluluskan sahaja bukannya untuk menghabiskan sukatan pelajaran seperti mana yang diwajibkan.

Walau bagaimanapun dalam kes ini tidaklah boleh kita menyalah kan mana-mana pihak sehingga kita menunggu laporan dari pihak polis. Namun begitu untuk kebaikan dan manfaat bersama dimasa ke hadapan, adalah wajar pihak MPM mulai dari sekarang memikir-kan langkah-langkah keselamatan, terutamanya kini kita dapati skima pemarkahan dikatakan dibuat begitu awal.

Skima ini tersangat penting, dan rasanya sangat wajar diambil-balik dari pemeriksa terutama pemeriksa-pemeriksa yang terdiri dari para guru. Sangatlah tidak adil hanya guru-guru tertentu yang terlibat di dalam pemeriksaan sahaja yang tahu seluk-beluk cara-cara pemarkahan; sedangkan bahagian besar dari guru-guru yang juga mengajar STPM tidak mengetahuinya.

Rasanya kita masih belum terlewat untuk memperbaiki kelema-han yang ada. Kita tidak dapat menganggap apa yang berlaku itu kerana kecuaian, kerana setakat ini kita belum tahu siapa sebenarnya yang bertanggungjawab. Tetapi kalau benarlah ianya angkara satu sindiket tertentu, maka MPM wajarlah segera mengambil langkah-langkah baru yang lebih positif dan berkesan bagi mengelakkan dari berulangnya peristiwa yang sangat-sangat tidak diingini itu.

Prof. Diraja Ungku Aziz

28

VIDEO I: MENGGUGAT RTM DAN PAWAGAM

SEBENARNYA video bukan sahaja menggugat RTM, tetapi video juga turut menggerhanakan perusahaan pawagam-pawagam di negara ini. Soal kedua tidak begitu penting rasanya, tetapi soal yang pertama tersangat penting sebab sekali orang ramai sudah bosan dengan program-program yang dipancarkan ke udara oleh RTM, maka peranan RTM yang berteduh di bawah dagu Kementerian Penerangan tidak akan berkesan lagi. Dan ini belum lagi diambil kira bila talevisyen Channel 3 dilancar dan dilaksanakan tidak berapa lama lagi itu.

Dengan kuatkuasanya Belanjawan 84 yang telah mencadangkan cukai import video recorder diturunkan dari 45 peratus kepada 15 peratus sahaja dan cukai ke atas pita video dihapuskan tentulah harga video dan pita video akan turun dan akan ramailah orang-orang yang selama ini memiliki peti TV mampu membeli video yang pada hemat saya setiap pemilik peti TV idam-idamkan itu.

Dan jika ini kelak menjadi kenyataan, saya bimbang bilangan orang ramai yang sanggup duduk di depan kaca TV menonton

rancangan-rancangan yang dihidangkan oleh RTM itu akan jauh berkurangan, apalagi apabila nanti penduduk-penduduk luar bandar pun mampu membeli video.

Sekarang ini hanya penduduk-penduduk luar bandar sahaja yang berminat TV, tetapi orang-orang di bandar yang telah lama memiliki video lebih ramai yang menonton video, kecuali jika RTM menayangkan beberapa buah siri tertentu yang digemari mereka.

Dalam banyak hal video merupakan satu phenomena yang bukan sahaja mencerminkan kedudukan sosial satu-satunya keluarga itu, tetapi juga ia menyumbangkan satu **viable alternative** dari segi hiburan di dalam rumah. Dari satu segi ancaman video akan lebih hebat dirasakan oleh pihak pawagam kerana ianya jenis hiburan yang boleh didapat di luar rumah.

Dari segi lain TV juga akan kehilangan para penontonnya sekiranya ia tidak mengubahkan penyiaran rancangan-rancangan yang lebih baik dan bermutu sepertimana boleh didapati oleh video kerana cerita-cerita pada pita video boleh dipilih mengikut selera atau **taste** pemilik video recorder.

Akhir-akhir ini nampaknya TV bukan lagi menjadi ketagihan kerana programnya sudah streotype. Ini ditambah pula filem dan video jauh lebih banyak memberi hiburan, dan kemudian akhirnya filem sendiri telah menjadi merosot oleh pengaruh video, satu bentuk hiburan terbaru yang sedang merebak di dalam masyarakat kita ini.

Kini video telah membawa hiburan yang mengikut citarasa kita sendiri ke ruang rehat dan malah ke dalam bilik tidur. Ini bermakna satu kemajuan dunia hiburan masa kini dan masa hadapan, dan hiburan ini terdedah oleh kemajuan teknologi. Tidaklah dapat diagakkan apakah kemungkinan-kemungkinan yang bakal terjadi dalam perkembangan dunia hiburan seperti video ini.

Terasa benar sekarang ini video mendapat sambutan yang begitu luar biasa di kalangan penonton-penonton. Apa yang membimbangkan ialah pita-pita video yang tidak mengalami sebarang penapisan. Yang tambah membimbangkan lagi ialah kemungkinan tersebar luasnya keset-keset video x dan video lucah. Kedua-dua jenis keset

video ini beredar menerusi rangkaian sulit, iaitu yang didatangkan secara haram dari negaranegara luar.

Keset-keset video dari filem-filem baru yang mungkin tersebar tanpa melalui proses penapisan inilah yang lebih banyak mengancam TV dan pawagam. Ini diikuti oleh video-video x dan lucah yang mengancam moral para penonton terutamanya anak-anak yang masih mentah dengan dunia seks. Jika ini tidak terkawal dengan baik kita bimbang apakah yang akan jadi dengan moral anak-anak muda di negara ini.

Pengaruh video ini telah menerobas masuk ke dalam dunia hiburan hidup rakyat negara ini dengan amat cepat sekali. Tambahan pula baru-baru ini telah wujud pula proses menyalurkan keset-keset video dengan berbagai-bagai cara bagi memudahkan peminat-peminatnya mendapatkan pita-pita keset video.

Penduduk-penduduk yang menetap di kawasan bandar khususnya bandar-bandar seperti Petaling Jaya dan Kuala Lumpur baru-baru ini pula telah mendapat kemudahan baru untuk mendapatkan keset-keset video. Keset-keset video lain boleh didapatkan dengan senang melalui video tape rental shop. Dengan cara ini penonton atau peminat video tidak akan keputusan pita-pita video yang baru yang masih belum ditonton mereka di mana-mana.

Sistem sewa yang diadakan oleh pengusaha-pengusaha video cukup mendapat sambutan. Yang lebih popular ialah di mana pengguna membayar deposit pendahuluan dari $25 hingga $50, dengan begitu ia boleh meminjam satu atau dua pita video setiap kali dan membayar sewa setiap kali meminjam pita tersebut. Cara lain pengguna membayar deposit $59 hingga $100 dan setiap kali mereka meminjam pita video maka dipotong dari deposit itu.

Kini cara mendapatkan pita-video ini lebih mudah dan sistematik lagi. Dua sistem yang utama telah dijalankan semenjak enam bulan yang lalu memberikan kemudahan mendapatkan pita. Sistem yang pertama berapa pusat video bersatu dan memberikan perkhidmatan pinjaman pita video, sementara sistem yang kedua memberikan para penonton kemudahan untuk menyewa pita-pita video dengan kadar sewa yang murah.

Cara yang pertama dengan memakai kad persis seperti credit card, dan boleh meminjam pita-pita video di pusat-pusat video yang menyertai sistem ini. Pusat-pusat video tersebut juga memberi berbagai-bagai **incentive** kepada peminjam. Terdapat kira-kira 30 pusat video yang menjalankan perkhidmatan seperti ini di sekitar Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Kemudian terdapat pula 50 pusat menyewa video pada sistem yang kedua yang dikendalikan oleh Syarikat Mag-tape Sdn.Bhd.

Demikianlah luas dan mudahnya penyebaran pita-pita video terutamanya di badar-bandar besar. Itulah sebabnya kini didapati pemilik-pemilik peti TV yang mempunyai video malam siang asyek menonton video. Rancangan-rancangan TV yang dipancarkan oleh RTM tidak menarik minat mereka lagi. Hingga kadang-kadang jika ditanya rancangan TV, mereka hampir tidak tahu lagi, kecuali satu dua rancangan yang diimport dari luar negeri.

Nampaknya keadaan seperti ini menjadi bertambah serius. Lebih-lebih lagi kini persembahan TV Malaysia bertambah merosot terutamanya rancangan-rancangan tempatan. Para penonton menjadi bosan kerana hampir setiap program tempatan yang diusahakan oleh RTM terlalu banyak sangat diselitkan dengan nasihat dan propaganda sehingga fungsi hiburan tenggelam dalam nasihat-nasihat dan keinginan hendak mengajar yang berlebihan. Sebagai contoh lihat saja rancangan drama P.J, dendang rakyat, drama minggu ini dan banyak lagi.

Pihak RTM dan kerajaan bukannya tidak menyedari akan hakikat ini. Malah hasil dari kesedaran beginilah maka kerajaan telah mencadangkan untuk mengadakan channel Tiga yang akan dikendalikan oleh swasta. Selain dari menjalankan dasar persuratannya dalam bidang ini kerajaan juga melalui channel ini berhasrat untuk menarik semula atau memulihkan minat para penonton kepada rancangan-rancangan yang ditayangkan melalui kaca TV.

Projek ini baru diura-urakan sahaja, tarikh sebenar bilakah perlaksanaannya tidaklah diketahui dengan tepatnya. Lantas RTM untuk sementara ini terpaksa hadapi masalah mendapatkan filem-filem bermutu dan juga penerbitan-penerbitan tempatan yang baik.

Ini terpaksa dilakukan bagi bersaing dengan perkembangan video yang begitu pesat dan mendapat sambutan yang menggalakkan itu.

Salah satu langkah yang agak baik patut dilakukan oleh RTM ialah menyiarkan lebih banyak lagi kegiatan-kegiatan sukan luar negeri secara terus menerus atau live. Ini memerlukan peruntukan yang besar. Dan ini boleh dilakukan melalui penajaan oleh syarikat-syarikat besar di negara ini. Hanya sukan sahaja yang menjadi minat utama para penonton dan jika ini dapat diperbanyakkan sudah tentulah orang akan lebih berminat untuk menonton TV daripada menonton video.

Sejauh berhubungan dengan pengeluaran-pengeluaran rancangan tempatan RTM sebetulnya memangnya menyedari akan perlunya ditingkatkan masalah nilai dan daya kreativiti. Akhir-akhir ini siaran RTM agak lebih menarik sedikit apabila beberapa siri telah disiarkan dalam bentuk warna sepenuhnya. Selain itu RTM juga baru-baru ini telah menubuhkan satu bahagian khusus satu kumpulan panel penulis-penulis skrip. Panel ini terlibat secara langsung meyakinkan siri-siri P.J, Opah dan sebagainya. Akan tetapi sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh RTM dengan wujudnya panel tersebut masih terlalu awal untuk ditentukan.

RTM mempunyai tanggungjawab sosial yang besar.. Maka itulah setiap siaran dramanya tidak cukup menghibur kerana diganggu oleh unsur-unsur mengajar dan mendidik yang terlalu ketara. Begitu juga perimbangan perkauman (racial balance) terlalu dijaga oleh RTM. Satu siasatan ke atas penonton-penonton video menunjukkan bahagian besar terdiri dari kaum China yang terpelajar yang menjadikan video sebagai keperluan hiburan utama di dalam rumah mereka.

Terdapat masih ramai penonton-penonton dari kaum imigrant yang tetap ingin melihat sesuatu yang ada kaitan dengan budaya asal mereka. Dan mereka yang kecewa dengan persembahan RTM kini lebih gemar menonton **soap opera** yang didatangkan dari Hong Kong, Taiwan ataupun Jepun.

Dalam situasi seperti ini RTM kenalah bekerja keras atau **all out** bagi memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu setiap persembahannya, lebih-lebih lagi persembahan dari bahan-bahan terbitan tempa-

tan. Hanya dengan cara ini sahajalah RTM akan bisa memenangi dan dapat menarik keyakinan para audien di Malaysia yang terdiri dari berbagai-bagai kaum dan berbagai-bagai minat itu.

Barangkali ini juga akan lebih mengesankan lagi apabila serentak dengan itu perusahaan video pula dilesenkan dengan ketat bagi mengatasi masalah mengawal **unruly** perdagangan video. Cagaran sejumlah $20,000 dan bayaran yuran $2,500 dikenakan untuk mendapat lesen. Dan deposit tersebut akan hangus (forfeited) sekiranya pengusaha melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan itu.

Difahamkan tiga jenis lesen dikeluarkan, untuk pengeluaran, penyebaran dan pertunjukan pita-pita video. Pengusaha hanya dibenarkan berniaga dua dari tiga katagori tersebut. Pengusaha yang tidak menurut peraturan boleh didenda semaksimumnya sebanyak $50,000. Dalam kes melakukan kesalahan yang sama denda $10,000 boleh dikenakan setiap hari.

Di bawah peraturan-peraturan yang diwajibkan, pengeluar, pengedar dan pertunjukan tidak dibenarkan mengeluar, mengedar dan mempamerkan pita-pita yang tidak ditapis, filem-filem yang diharamkan dan juga filem-filem lucah atau **pornographic filems.** Termasuklah juga filem-filem (pita-pita) yang memuatkan ajaran yang condong kepada indeologi komunis atau ideologi yang melampau yang mungkin mengancam keselamatan negara ini.

****

29

VIDEO II: MEMBAWA MAKSIAT KE DALAM RUMAH

HIDUP di zaman moden ini, kemajuan dan perubahan telah menghambat manusia menjadi tersangat aneh. Kalau dahulunya orang yang tiba-tiba merasa hendak membuang air besar terpaksa berkerja ke belakang rumah atau di tepi belukar, tetapi kini mereka terpaksa berkejar naik atau masuk ke dalam rumah. Kalau dahulunya orang mencari maksiat di luar rumah, tetapi kini orang membawa maksiat masuk ke dalam rumah. Demikianlah salah satu maksiat yang dibawa masuk ke dalam rumah itu ialah melalui pita-pita video lucah.

Dari tinjauan yang pernah dilakukan kebanyakan pemilik-pemilik video telah mendapat hiburan yang menakjubkan. Kalau dahulunya orang sibuk dengan menonton filem-filem lucah (blue filem) tanpa dihambat oleh perasaan takut dan bimbang lagi. Dengan menguncikan pintu pagar, pintu rumah dan gelapkan lampu, mereka dapat menonton gambar lucah dengan keadaan relax baik pada waktu siang mahupun waktu malam.

Perkembangan mutakhir seperti ini nampaknya telah mendapat

perhatian pihak berkuasa dan baru-baru ini Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Kassim Ahmad telah memberi amaran bahawa kerajaan tidak teragak-agak bertindak ke atas sesiapa sahaja yang memiliki, mengedar atau menyimpan pita-pita video lucah. Katanya tindakan akan diambil di bawah undang-undang Akta Penapisan Filem.

Amaran yang dibuat oleh Encik Kassim itu memang tepat pada masanya memandangkan kegiatan menonton filem lucah lewat video ini sangat menjadi-jadi di kalangan muda-mudi berbagai bangsa pada masa ini. Ada beberapa sebab sebenarnya kenapa hal ini menjadi begitu berleluasa.

Pertama, pemilik-pemilik alat video 'terselamat' kerana mereka dapat menonton di dalam rumah sendiri yang terkunci rapi.

Keduanya, mereka tidak merasa takut membawa pita-pita video lucah itu samada dari rumah kawan mereka ataupun yang disewa dari pusat-pusat video atau video house yang tumbuh berselerak di-kota-kota besar sekarang ini.

Jika mereka membawa pita-pita tersebut dan bertembung dengan pihak polis, mereka tidak akan merasa takut oleh kerana pita-pita video tersebut ditulis dengan berbagai-bagai nama cerita wayang gambar yang biasa, seperti nama sebuah cerita Melayu, Inggeris ataupun China. Jadi pihak polis tak akan dapat mengesan bahawa pita video itu adalah pita gambar lucah kerana selagi pita itu tidak dikenakan kepada perakam videonya gambar sebenar tidak akan diketahui.

Kami mendapat tahu setengah-setengah mereka yang membawa pita video lucah tidakpun membungkus pita tersebut kerana pita itu ada dicetakkan nama-nama cerita yang diizinkan oleh badan Penapis Filem boleh ditayang di mana-mana pawagam di dalam negara ini.

Pita-pita video lucah ini begitu cepat merebak oleh kerana ada pula setengah-setengah peminatnya yang berusaha melakukan retape pita-pita samada dipinjam dari kawan-kawan ataupun yang disewa secara gelap dari mana-mana pusat video.

Faktor lain yang menyebabkan berleluasanya penyebaran pita-pita video lucah ini adalah oleh kerana terdapat beberapa buah pusat menjual video yang menyewa pita-pita tersebut secara gelap.

Mereka hanya memberi sewa pita tersebut kepada pelanggan-pelanggan yang mereka kenali atau sahabat-sahabat karib mereka. Tetapi peminjam itu pula akan mengretape pita tersebut di rumah mereka.

Pihak berwajib rasanya perlu sekali-sekala membuat penyerbuan mengejut di pusat-pusat video bagi mempastikan mereka itu benar-benar menjalankan perniagaan yang halal sepertimana syarat-syarat yang dibenarkan dalam lesen perniagaan mereka.

Demikian juga rasanya mana-mana pita video lucah yang dirampas oleh mana-mana pihak seperti pihak polis atau kastam hendaklah dibakar. Jika disimpan lama-lama pita-pita haram itu berkemungkinan akan sampai ke tangan mana-mana pusat video. Jika ini sudah berlaku maka sudah tentu mereka tidak akan membuang peluang keemasan bagi mengeksploit pita video lucah itu untuk kepentingan mencari keuntungan mudah yang berlipat ganda.

Pencegahan dari meluas kegiatan menyewa dan menonton pita video lucah ini boleh dilakukan dengan tumpuan bukan sahaja kepada pihak penyewa atau pemiliknya sahaja, tetapi juga mestilah sekaligus ditumpukan kepada pusat-pusat video yang cuba mengedarkannya secara gelap. Rasanya pembasmiannya bolehlah disamakan dengan cara pembasmian dadah, yakni bukan sahaja bertindak menangkap penagihnya tetapi hendaklah bertindak ke atas pengedarnya, kerana tanpa pengedar maka akan tiadalah orang yang mengambil dadah.

Menurut Akta Penapisan Filem barang siapa yang didapati memiliki, mengedar atau menyimpan pita-pita video lucah seperti itu boleh didenda tidak lebih dari $10,000. Rasanya adalah lebih wajar lagi sekiranya didapati pengedar pita-pita tersebut terdiri dari pusat-pusat video, maka pihak pemerintah hendaknya menarik balik lesen perniagaan mereka itu. Cara ini amat berkesan selain dari mengenakan denda yang berat seperti undang-undang yang sedia ada kini.

Dan rasanya sehubungan dengan pemberian lesen perniagaan oleh pihak Kementerian Perdagangan adalah wajar sekiranya pihak KDN diberikan kuasa untuk sama-sama menentukan pemberian lesen tersebut. Setakat ini menurut khabarnya ada pengusaha-pengusaha atau

pusat-pusat video yang membuka perniagaan secara mendapat kebenaran perniagaan menurut procedure biasa sahaja,

Kita merasa agak senang kerana seperti ditekankan oleh Encik Kassim bahawa kementeriannya akan mengambil berat terhadap 'penyakit moral' yang baru muncul dalam masyarakat kita ini. Hal ini tidak boleh dipandang ringan dan remeh lagi memandangkan dengan berleluasanya kegiatan menayangkan pita-pita video lucah ini boleh meruntuhkan moral muda-mudi, malah juga besar kemungkinan anak-anak yang masih buta tentang seks akan terlibat sama menonton filem lucah itu.

Kita juga akui bahawa usaha menyekat pita-pita video lucah yang dibawa masuk secara haram terutamanya dari negara-negara jiran atau melalui pelancong-pelancong dari luar negeri itu adalah suatu kerja yang sulit dan menuntut kebolehan pegawai-pegawai yang licin seperti pengedar juga; akan tetapi sekurang-kurangnya jika kegiatan pembasmian ini dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh kita yakin kegiatan tersebut akan dapat dikawal.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Encik Kassim Ahmad.

30

MENJUAL RTM KEPADA SWASTA

TIDAK berapa lama dahulu, seingat-ingat saya orang yang mula-mula menyarankan supaya RTM dilepas untuk dikendalikan oleh sektor/pihak swasta ialah Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah. Kalau tidak silap saya rasa Tengku Razaleigh menyatakan sudah sampai masanya pihak swasta mengendalikan RTM memandangkan ianya lebih ekonomik dan oleh kerana negara Malaysia sudahpun mempunyai syarikat-syarikat yang berupaya berbuat demikian. Dan kalau tidak silap saya Tengku Razaleigh berkata begitu lebih kurang dua tiga bulan sebelum Perdana Menteri menyarankan konsep Pensyarikatan Malaysia.

Nampaknya saranan Tengku Razaleigh itu bukan saranan yang kosong. Beberapa hari selepas itu Menteri Penerangan, Encik Adib Adam telahpun menyuarakan ada ura-ura pihak swasta yang sudah berminat untuk mengendalikan "commercial network" bagi channel Keempat. Barangkali ini dapat dikatakan sebagai cetusmula ke arah mewujudkan sistem komunikasi di negara ini yang lebih luas dan sofistikated lagi.

Di negara-negar Barat pengendalian siaran TV oleh pihak swasta ini telah lama dilakukan, dan jelas didapati program seperti itu mendapat sambutan yang baik dan lebih menguntungkan pihak pemerintah. Akibat dari adanya persaingan dan perlumbaan badan-badan TV swasta itulah kita dapati program-program TV di dunia Barat khususnya di Amerika persembahannya cukup menarik dan tidak membosankan.

Berucap merasmikan satu majlis Seminar di Universiti Kebangsaan, Bangi kemudiannya Menteri Penerangan, Encik Adib Adam menyatakan kerajaan kini sedang mengambil langkah untuk mencari beberapa buah syarikat atau pihak sektor swasta untuk dilepaskan beberapa projek dan tugas bagi mencapai dan mempastikan projek-projek pembangunan berjalan lancar dan cekap. Ini termasuklah juga dalam kegiatan Kementerian Penerangan. Kementerian tersebut kini sedang mencari-cari jalan bagi mendapatkan lebih banyak lagi pihak sektor swasta menyertai berbagai-bagai kegiatan 'commercial' RTM khususnya dan Jabatan Penerangan umumnya.

Langkah ini adalah dialu-alukan bukan sahaja kerana ianya bersesuaian dengan konsep Pensyarikatan Malaysia (Malaysia Incorporated) yang sedang diamalkan oleh kerajaan sekarang ini tetapi juga kelak akan dapat meningkatkan lagi mutu persembahan dan juga efficiencynya.

Memanglah saban hari kita mendengar orang ramai membuat berbagai-bagai rungutan sepanjang berhubungan dengan mutu persembahan RTM selama ini. Dan 'sering pula mereka memperbandingkan dengan persembahan-persembahan TV di negara-negara lain yang pernah mereka lawati. Rasanya seperti kata Tengku Razaleigh, memang sudah sampai masanya RTM diambil alih oleh pihak swasta dengan beberapa kawalan terus dilakukan oleh Kementerian Penerangan khususnya bagi rangkaian-rangkaian yang baru diwujudkan.

Apa yang dimaksudkan dengan perkataan 'menjual' di sini bukanlah menjual RTM bulat-bulat kepada sektor swasta, barangkali lebih tepat dikatakan memberi peluang kepada pihak swasta mengendalikan beberapa rangkaian baru RTM. Dengan demikian mutu persembahannya akan lebih bermutu dan bervariasi lagi. Kita yakin

ini dapat dilakukan oleh kerana pihak swasta yang sanggup mengendalikannya akan dapat mengadakan kakitangan yang lebih profesional dan benar-benar terlatih.

Seperti disebut oleh Encik Adib Adam bahawa Kementeriannya sedang mengatur langkah-langkah mengadakan satu sistem meminta pihak-pihak pengiklanan supaya dapat mengeluarkan lebih banyak lagi iklan-iklan commercial, poster-poster dan petanda-petanda projek-perojek kerajaan sebagai pra-syarat bagi pembahagian masa ke udara program commercial yang dicadangkan itu. Skim ini dijangka akan dilaksanakan sebaik sahaja segala perinciannya selesai disusun.

Kita merasakan 'penjualan' secara ini sangat wajar dipraktikkan sekarang ini mengingatkan ianya bukan sahaja akan merubah struktur persembahan RTM akan tetapi lebih penting dari itu akan dapat menanggung beban kewangan yang selama ini ditanggung oleh Kementerian Penerangan. Cara ini juga akan lebih ekonomikal dan 'allotment of commercial air time' juga tidak akan mengganggu kelicinan perjalanan persembahannya.

Sekim ini sudah tentu akan dapat menyelamatkan tabung perbelanjaan Kementerian Penerangan. Malah ada yang berpendapat ianya bukan lagi sekadar menyelamatkan tabung perbelanjaan RTM khususnya tetapi juga akan mendatangkan hasil yang lebih lumayan dari cara lama yang dipraktikkan selama ini.

Media elektronik di Malaysia jika dilihat dari segi perkembangan dan sambutan audiencenya sudah cukup maju di negara kita ini. Akan tetapi nampaknya peluang pihak swasta menyertainya masih tertutup. Maka sangatlah wajar cadangan hendak mengadakan satu rangkaian TV commercial itu disegerakan. Langkah ini akan sekaligus merupakan salah satu rancangan bagi menarik minat sektor swasta menyertai bidang media elektronik itu.

Tidak dapat dinafikan lagi dengan wujudnya rangkaian TV commercial yang diura-urakan itu akan membolehkan atau memberi peluang seluas-luasnya kepada sektor swasta memainkan peranan yang lebih penting dalambidang komunikasi. Selain itu ia juga akan memberikan semacam saingan yang hebat kepada RTM. Jika ini

berlaku, maka sudah tentulah pihak RTM akan dari masa ke semasa bertindak memperbaikkan lagi mutu persembahan mereka. Saingan seperti ini dianggap sihat sepertimana telah berlaku di negara-negara Barat dan negara-negara sedang membangun lainnya.

Ada setengah-setengah orang berpendapat pihak RTM akan berkubur sekiranya bersaing dengan swasta nanti. Akan tetapi suatu hal yang perlu diingat bahawa persaingan seumpama itu tentulah suatu hal yang amat sihat.

Pihak RTM perlulah bekerja keras. Kalau mungkin sikap 'makan gaji' atau 'melepaskan batuk di tangga' seperti dituduh oleh penonton-penonton dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah selama ini perlulah dikikis habis dari mencengkam perasaan keakuan atau ego setengah-setengah kakitangan tertentu.

Ada khabar-khabar yang sedang bertiup kencang mengatakan ada dua buah syarikat besar yang telahpun membuat tawaran untuk mengendalikan "commercial Network" yang kemungkinan besar akan dilaksanakan melalui Rangkaian Keempat.

Rangkaian-rangkaian yang sedia wujud seperti Rangkaian Pertama adalah dikhaskan untuk siaran Nasional, Rangkaian Dua untuk kawasan Semenanjung dikatakan akan diluaskan perhidmatannya meliputi seluruh negara mulai Ogos dan Rangkaian Tiga adalah untuk 'regional transmission' meliputi Sabah dan Serawak.

Kita berpendapat sungguhpun Commercial Network dilaksanakan nanti, ianya mestilah di bawah kawalan Kementerian Penerangan. Dan rancangan-rancangan Berita Nasional dan hal-ehwal perkembangan semasa mengenai pentadbiran negara mestilah disalurkan dari RTM sendiri sebagai sifatnya alat dan egensi kerajaan.

Sementara itu rangkaian tersebut dibolehkan menyiarkan segala macam program menurut selera atau taste penonton-penontonnya. Kalau ini dapat dijamin rasanya sudah tentulah akan lebih banyak lagi pihak swasta tampil untuk mengendalikan rangkaian tersebut.

Penjualan kedua yang dimaksudkan ialah penjualan program kepada agensi-agensi syarikat pengiklanan. Setakat ini nampaknya RTM sudahpun berjaya menarik minat syarikat-syarikat besar untuk menjadi penaja kepada beberapa rancangan tempatan yang menelan

perbelanjaan yang besar. Langkah ini suatu hal yang positif dan patut diberikan pujian kerana ia boleh meringankan beban kewangan RTM sendiri.

Baru-baru ini RTM sudahpun menayangkan rancangan Drama Minggu Ini iaitu sebuah rancangan yang popular yang termasuk dalam slot 10 rancangan yang diminati dalam bentuk warna sepenuhnya. Tentulah harga sebuah drama yang memakan waktu antara 30 hingga 45 minit itu menelan hampir lima puluh ribu ringgit. Adalah lebih menasabah sekiranya pihak RTM cuba 'menjual'kan rancangan tersebut supaya dapat ditaja oleh syarikat-syarikat besar seperti mana dengan Rancangan Puspawarna. Barangkali ini dapat dimulakan dengan Siri Drama Minggu Ini yang ditayangkan setiap minggu itu. Demikianlah seterusnya penaja juga harus dicari untuk Rancangan idaman Encik. Adib sendiri. . . Siri Drama Ala-Dallas yang dikatakan akan ke udara sehingga tahun 1990 itu.

Sesungguhnya pengiklanan di TV adalah satu-satunya alat terpenting bagi media letronik iaitu sepertimana pentingnya dalam media cetak. Dan iklan di samping untuk memungut sebanyak mungkin wang juga berperanan sebagai 'purveyor' kepada nilai-nilai yang positif. Nilai-nilai seperti mendorongkan keakraban, amanah, cekap, semangat kejiranan dan kebersihan. Dan polisi pengiklanan RTM mestilah juga kekal supaya iklan-iklan yang disiarkan itu membawa mesej kedua, iaitu menunjukkan identiti negara.

'Proses Penjualan' seperti ini rasanya haruslah ditingkat dan diperluaskan lagi mengingatkan negara kini sedang berada dalam tekanan zaman kemelesetan dan inflasi yang kesannya dapat dirasakan oleh seluruh lapisan masyarakat itu.

****

31

APA BENAR FILEM MELAYU MENGHADAPI KRISIS?

SAYA tertarik menulis rencana mengenai filem ini kerana saya baru sahaja selesai membaca sebuah buku yang baru terbit yang berjodol KRISIS FILEM MELAYU ditulis oleh Baharuddin Latiff seorang pengkritik filem yang terkemuka di tanahair kita. Dan buku itu banyak sekali mendedahkan fakta-fakta dan pandangan yang positif yang menuntut penyelesaian segera patut diusahakan bagi mengatasi masalah apa yang disebut sebagai "Krisis Filem-Melayu".

Sebagaimana telah diketahui umum perkembangan filem Melayu adalah tersangat baru, iaitu kira-kira baru 50 tahun. Filem Melayu pertama ialah berjudul LAILA MAJNUN yang diusahakan pada tahun 1933. Dalam tempoh ini industri perfileman Melayu dianggarkan telahpun menghasilkan kira-kira 500 buah filem.

Filem-filem ini semua diterbitkan oleh berbagai-bagai syarikat pengeluar filem seperti Malay Film Production Ltd., Cathay, Shaw Brothers, Merdeka Studio, Sari Artis, Sabah Film, Perfima, Filem Negara Malaysia dan lain-lain lagi.

Jika dikirakan dalam usia yang begitu muda dengan jumlah filem-filem yang telah dikeluarkan sudah cukup membanggakan, akan tetapi jika diteliti dari aspek nilai atau mutu filem-filem tersebut masih belum begitu memuaskan apalagi jika dibandingkan pula dengan penerbitan filem-filem negara anggota ASEAN misalnya, atau negara terdekat seperti jiran kita Indonesia yang agak baik mutu filemnya terutamanya yang bercorak**heavy drama** ataupun filem bercorak **humour** dan sebagainya.

Peri pentingnya peranan filem dalam masyarakat tidak dapat dinafikan lagi. Sebagai suatu alat komunikasi 'visual' yang dapat ditonton dengan bayaran yang murah oleh semua lapisan masyarakat, filem merupakan manifestasi satu bentuk estetika menurut kehendak sosial.

Atau seperti kata Datuk Sri Adib Adam, Menteri Penerangan, filem merupakan satu penarikan **psychic** yang amat kuat, suatu kuasa yang boleh menarik keluar impian-impian atau cita-cita yang terpendam dari tempat-tempat yang tersembunyi supaya muncul kedalam kehidupan biasa. Gambar-gambar memberikan persepsi yang tepat tentang pengalaman hidup manusia.

Seperti mana komunikasi massa, filem juga telah berjaya memecahkan kontradikasi antara kepercayaan-kepercayaan dan fahaman baru menentang adat tradisional dengan penyerapan yang halus dan tajam dalam proses pembudayaan media massa. Demikian pentingnya peranan filem itu sebagai suatu alat perakam cita-cita atau inspirasi rakyat sekaligus mencerminkan seni bangsa.

Oleh demikian saranan Datuk Sri Adib adalah logik dan patut segera difikirkan oleh pembikin-pembikin filem. Katanya, "sudah tiba masanya kita membina benteng-benteng yang lebih kuat di layar perak atau di kaca TV".

"Mempertahankan nilai-nilai murni kita bukan sahaja dari segi 'quantitif' bahkan qualitatif- apatah lagi dalam 'bencana' direct broadcast technology (DBT) untuk melahirkan 'global village', sekurang-kurangnya orang akan kenal yang mana satu rumah Melayu dalam Global village itu nanti. Demikian tulis Datuk Sri Adib Adam dalam Kata-kata Aluan buku tersebut.

Berbalik kepada industri filem di negara kita, umum sekata bahawa perusahaan filem telah mengalami suatu prestasi yang cukup baik dan membanggakan sekitar tahun-tahun lewat 60-an dan awal 70-an.

Kemerosotan penerbitan filem-filem Melayu amat dirasakan apabila Malay Film Production Ltd. di Singapura telah menutup studionya pada tahun 1967. Hanya pada 1975 barulah industri filem Melayu mula bernafas semula dengan tertubuhnya Merdeka Studio Ltd. yang berjaya mengeluarkan beberapa buah filem yang agak bermutu seperti 'Permintaan Terakhir' dan 'Keluarga Comat'.

Zaman gemilang ini mulai bertambah baik apabila tertubuh pula beberapa buah syarikat perfileman lain seperti Sabah Film, Perfima sehinggalah pada tahun 1981 lalu telah tertubuh pula Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia atau FINAS yang merupakan sebuah badan berkanun dimodali oleh kerajaan.

Akan tetapi setelah hampir dua tahun lebih FINAS wujud kita belum lagi melihat atau mendengar sebarang kegiatan yang besar yang telah diusahakan olehnya. Khabarnya perbadanan ini diwujudkan untuk membantu usahawan-usahawan filem bumiputera bagi meningkatkan lagi jumlah pengeluaran filem dan juga mutu persembahan dan aspek tekniknya.

Nampaknya akhir-akhir ini meskipun telah wujud Finas, industri filem Melayu menjadi beku atau merosot semula apabila kita dapati terlalu sedikit sekali filem-filem yang diterbitkan. Barangkali kemerosotan ekonomi negara memberi kesan juga kepada dunia perfileman Melayu. Tidak hairanlah kalau terdapat kini beberapa syarikat pengeluar filem telah mengalihkan corak penerbit dari bentuk filem biasa kepada 'bentuk filem dokumentasi dan juga filem-filem untuk iklan.

Demikian secara ringkas latar belakang kedudukan dunia penerbitan filem-filem Melayu. Apakah keadaan begini dapat kita katakan Filem Melayu menghadapi Krisis? Saya lebih senang menamakannya sebagai menghadapi kemerosotan yang amat sangat. Kemerosotan ini dapat kita perhatikan dari berbagai-bagai aspek: penerbitan, teknik cinematografinya, para pelakonnya dan juga kemerosotan cerita-

cerita (cereka) yang menjiwai bahagian besar filem-filem.

Kemerosotan ini berlaku serentak pula dengan beberapa perkembangan baru yang menjejaskan industri filem Melayu, umpamanya perkembangan video sekarang ini yang boleh ditonton di dalam rumah sendiri tanpa bersusah payah mengeluarkan belanja dan membuang waktu pergi ke panggung menyebabkan orang kurang gemar menonton wayang gambar.

Dan ini termasuklah juga filem-filem Melayu. Demikianlah juga mencurah-curahnya kemasukan filem-filem asing dari berbagai negara telah menjejaskan filem Melayu, apatah lagi mutu filem-filem yang diimport itu juga lebih baik dan tekniknya lebih sophisticated. Mereka yang terdidik atau terpelajar menjadi lebih gemar menonton filem-filem Barat.

Sebenarnya bukanlah tidak ada jalan lagi untuk mengatasi industri Filem Melayu ini. Jika difikirkan dengan mendalam sesungguhnya cukup banyak sekali cara-cara yang boleh dilakukan bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang wujud.

Sebagai mana diketahui umum, penubuhan Perbadanan Filem Nasional atau FINAS sebahagian fungsinya ialah berperanan selaku "catalyst" dalam memajukan semula industri filem tempatan supaya ianya dapat dipulihkan seperti mana zaman kegemilangannya satu dekad yang lalu. Tetapi setakat ini kita belum nampak adanya tanda-tanda fungsi ini mula digerakkan.

Negara-negara yang telah maju khususnya di Barat atau paling dekat negara jiran seperti Indonesia misalnya ada mengenakan syarat-syarat tertentu kepada setiap pawagam dalam negeri. Mereka mewajibkan setiap panggung supaya mesti menayangkan filem-filem tempatan. Ini dilakukan supaya industri filem tempatan tidak akan pupus dan merosot.

Adalah lebih wajar kiranya kerajaan kita juga mengadakan peraturan (atau undang-undang?) bagi mewajibkan pawagam-pawagam supaya menayangkan sekurang-kurangnya sebuah filem keluarga syarikat tempatan (bumiputera tentunya!) tiap-tiap bulan.

Rasanya selain daripada kita terpaksa memperbaiki atau mempertingkatkan lagi mutu filem-filem Melayu dari berbagai-bagai aspek,

pihak berwajib patutlah pula melalui agensinya seperti FINAS memainkan peranan yang lebih positif lagi bagi menentukan industri filem tempatan bertambah maju. Dan salah satu alternatif yang berani harus dilakukan ialah dengan cara menyekat kemasukan filem-filem asing ke negara ini dengan begitu berleluasa, seperti halnya yang sedang berlaku masa kini.

Salah satu cara untuk menyekatkannya ialah dengan mengurangkan import filem-filem asing. Seperti mana menurut tulisan Baharuddin bahawa setiap tahun kira-kira 700 buah filem asing diedarkan di seluruh Malaysia berbanding dengan hanya 12 buah filem Melayu, malah sekarang ini jumlahnya lebih kecil dari itu oleh kerana kini pengusaha filem Melayu sangat berhati-hati untuk menerbit sesebuah filem lantaran bimbang takut kerugian.

Barangkali kerajaan kita enggan mengharamkan filem-filem asing dari mencurah masuk ke negara ini seperti yang pernah dilakukan oleh negara-negara seperti Pakistan dan Sri Lanka; maka cukup sahaja kiranya kerajaan mengenakan kenaikan cukai ke atas filem-filem asing.

Pengeksportan filem-filem Melayu mestilah juga dilakukan. Kita merasa agak gembira kerana baru-baru ini dikatakan beberapa buah filem terbitan usaha bumiputera akan ditayangkan di beberapa buah pawagam di Sumatera Utara. Ini adalah satu perkembangan yang agak menarik. Akan tetapi usaha-usaha yang positif patutlah juga dilakukan bagi mengeksport filem-filem kita sekurang-kurangnya dalam lingkungan negara-negara anggota ASEAN kalaupun tidak ke-Hong Kong, Sri Lanka, Jepun ataupun Korea.

Filem-filem yang hendak ditayangkan ke luar negeri itu tidaklah pula perlu dialih bahasakan kerana ini menelan belanja yang lebih. Memadailah dengan mengadakan 'sub-title' dalam bahasa-bahasa negara mana filem kita itu ditayangkan. Hal seperti ini pernah juga dilakukan oleh filem-filem Russia yang ditayangkan di Amerika Sayrikat ataupun filem-filem Jepun atau Hindustan yang begitu banyak sekali ditayangkan di pawagam-pawagam di negara kita ini.

Cara lain yang lebih berkesan sebagai langkah untuk meningkatkan lagi usaha pengeluaran dan mutu filem-filem Melayu ialah

dengan cara menerbitkan filem secara 'joint venture' dengan firma-firma asing. Langkah ini difikirkan lebih positif dan praktikal mengingatkan pengusaha-pengusaha kita sangat kekurangan atau lemah dari segi faktor modal. Ini jelas kerana menerbitkan sesebuah filem sederhana dalam tatawarna kini menelan belanja kira-kira setengah juta ringgit.

Rasanya kita tidak usah khuatir dengan teguran-teguran yang mengatakan kita terlalu banyak meniru negara-negara asing dalam memajukan filem Melayu. Maka itu adalah salah satu saranan yang baik ialah meneruskan pemberian hadiah kepada filem-filem yang bermutu tinggi. Cara ini semacam boleh memberi rangsangan atau motivasi kepada pengusaha dan penulis skrip filem untuk lebih serius lagi dalam mengerjakan kerjaya mereka setiap hari.

Dalam hubungan dengan pemberian hadiah ini beberapa buah negara asing juga melakukannya, antaranya seperti Italy, Jerman Barat, Denmark, Sepanyol dan lain-lain lagi. Selain itu kerajaan juga patutlah mengenakan sistem kuota kepada pawagam-pawagam di negara ini, iaitu seperti mengadakan undang-undang supaya setiap pawagam menghadkan masa untuk tayangan filem-filem tempatan.

Demikian juga difikirkan pentingnya diwujudkan sebuah makmal yang boleh memproses filem berwarna di negara kita sendiri. Faktor ini cukup penting memandangkan bahawa kira-kira $2 juta dibelanjakan tiap-tiap tahun untuk mencuci filem-filem berwarna di negara-negara seperti Australia, Jepun dan Hong Kong.

Sekaligus dengan itu bagi mempastikan kejayaan usaha itu undang-undang bagi mewajibkan semua filem berwarna diproses di sini yang juga termasuk produksi syarikat-syarikat asing yang digambarkan di negara ini perlulah diadakan.

Sehingga ini nampaknya kerajaan telah banyak kali menolong dengan berbagai-bagai cara bagi golongan usahawan bumiputera memajukan perusahaan mereka, seperti dalam bidang industri kecil, perniagaan, pembinaan dan sebagainya melalui badan-badan atau agensinya seperti Mara, Pernas, Uda, Kemas, CGC atau Perbadanan Jaminan Kredit dan sebagainya lagi. Akan tetapi melalui FINAS apa-

kah yang telah dibuat setakat ini, sedangkan perbadanan inilah satu-satunya yang menjadi pengharapan pengusaha-pengusaha filem bumiputera kini.

Malah Finas sendiri setahu saya buat masa ini belum lagi mempunyai kakitangan yang cukup untuk menjalankan pentadbiran apalagi untuk mengadakan berbagai-bagai projek yang besar. Saya mendapat tahu walau bagaimanapun, kini Finas sedang mengendalikan beberapa bengkel kepada pengarah-pengarah filem tempatan dengan mengadakan perbincangan atau diskusi secara terbuka dengan para penceramah. Kita mengharapkan kegiatan Finas dimasa akan datang akan benar-benar bererti dan lebih mendekati tugas memenuhi fungsinya badan itu ditubuhkan.

Belum ada tokoh seni yang boleh menandinginya.

32

INDUSTRI FILEM MELAYU MASIH DI TAKUK LAMA

SEBELUM ini ketika saya membincangkan mengenai "Krisis Filem Melayu" saya telah berjanji bahawa saya akan membincangkan mengenai FINAS atau Perbadanan Kemajuan Nasional Filem Malaysia. Perbincangan ini akan saya hubungkaitkan dengan perkembangan filem-filem Melayu mutakhir; kerana dengan berbuat demikian perbincangan akan lebih menarik.

FINAS atau Perbadanan Kemajuan Nasional Filem Malaysia ditubuhkan kira-kira pertengahan tahun 1981, berartilah kini usianya sudah menjangkau dua tahun setengah.

Matlamat asal ianya ditubuhkan ialah untuk melindungi kepentingan pengeluar-pengeluar filem tempatan di samping membantu memesatkan lagi pertumbuhan filem tempatan, dengan harapan hasil-hasil filem Melayu akan dapat menampung selera semua

penonton.

Selain itu peranan atau tugas FINAS juga berusaha bagi mengatasi keadaan ketidak seimbangan maksakini antara kepentingan bumiputera dengan non-bumiputera. Ini berarti sekaligus membantu pengusaha-pengusaha filem bumiputera mencapai penyertaan 30% dalam pengeluaran, pengedaran dan penayangan filem.

Perdana Menteri, Datuk Sri. Dr. Mahathir sedikit masa dahulu pernah berkata FINAS haruslah menumpukan perhatian dan kegiatannya ke arah menggalakkan perusahaan filem-filem tempatan supaya mutunya akan bertambah baik.

Pendeknya expektasi atau harapan kerajaan dan masyarakat seluruhnya terhadap FINAS terlalu besar. Apabila ianya ditubuhkan orang terlalu menaruh harapan yang terlalu tinggi kepada kemampuan FINAS. Malah ada yang menganggap masalah kesempitan dan kesukaran serta halangan sekurang-kurangnya akan dapat diatasi.

Tetapi setelah lebih dua tahun Perbadanan itu wujud orang ramai masih lagi tinggal dalam berharap. Nampaknya ia masih belum berjaya berfungsi sebagai satu daya penggerak bagi menggiatkan lagi industri perfileman kita. Wajarlah pindaan dibuat terhadap Akta FINAS supaya ia boleh menjalankan kegiatan yang lebih luas lagi ruang lingkupnya.

Nampaknya kuasa-kuasa yang diberikan kepada FINAS setakat ini seperti menubuhkan institut, pusat-pusat dan bengkel bagi menjalankan penyelidikan dan kegiatan-kegiatan yang dianggap perlu bagi menggiatkan pengeluaran filem masih terbatas kepada mengadakan bengkel sahaja. Usaha yang lebih dari itu nampaknya belum dapat kita saksikan kesannya. Jadi bagaimanakah suatu hasil yang benar-benar berkesan dapat dicapai sepertimana matalamat sebenar FINAS ditubuhkan?

Nampaknya masalah kemuduran atau kemerosotan industri filem tempatan ini bukan sahaja mendapat perhatian peminat-peminat atau penonton-penonton filem tetapi tidak berapa lama dahulu, Menteri Perdagangan, Tengku Ahmad Rithaudin telah bersuara mendesak pengeluar-pengeluar filem tempatan supaya berusaha menerbitkan filem-filem yang lebih bermutu dan cuba memasukkannya ke-

peringkat pemasaran yang lebih luas.

Berucap di majlis pelancaran Skim Faedah Pengeluaran Filem yang dianjurkan oleh FINAS, Tengku Ahmad Rithaudin mengharapkan supaya pengeluar-pengeluar filem tempatan jangan menghadkan pengedaran filem-filem mereka untuk penonton-penonton dalam negeri sahaja.

Usaha-usaha haruslah dicari dan diterokai agar filem-filem terbitan tempatan khususnya yang diusahakan oleh pengeluar-pengeluar filem bumiputera supaya dapat dilebarkan penayangan keluar negeri utamanya ke negara-negara ASEAN atau ke negara-negara rantau sebelah sini.

Usaha FINAS menganjurkan skim tersebut sepatutnya disambut baik oleh pengeluar-pengeluar filem tempatan. Seperti difahamkan skim ini akan menawarkan berbagai-bagai kemudahan seperti 'film raw stock', kemudahan menggunakan berbagai-bagai kelengkapan untuk urusan pengeluaran dan juga penggunaan makmal filem.

Di bawah skim ini juga dikatakan sejumlah dua belas syarikat boleh memohon pada tiap-tiap tahun. Dan keutamaan akan diberikan kepada pengusaha-pengusaha filem tempatan yang menjadi anggota Persatuan Pengeluar-pengeluar Filem Malaysia.

Kita mengharapkan kemudahan-kemudahan yang ditawarkan ini jangan dilepas atau dipandang sepi oleh penerbit-penerbit filem tempatan. Kalau selama ini mereka itu melaung-laung meminta bantuan dan pertolongan dari pihak kerajaan, maka sewajarlah tawaran begitu baik ini direbut oleh syarikat-syarikat pengeluar filem.

Kita bukan sahaja mengharapkan hasilnya nanti akan dapat memuaskan dan akan mendatangkan keuntungan yang lebih; tetapi juga dengan skim ini ianya akan berjaya menerbitkan filem yang benar-benar bermutu, berpotensi untuk dipasarkan di luar negeri dan juga dapat mengendurkan sedikit kos pengeluarannya.

Dan syarat-syarat bagi mana-mana syarikat pengeluar filem untuk menyertai skim tersebut. Kita berharap dengan terlaksananya skim ini bukan sahaja akan menambah kuantiti tetapi juga kualiti atau nilai filem-filem tempatan, khasnya filem-filem Melayu.

Kita juga mengharapkan hanya pengeluar-pengeluar filem yang benar-benar serius sahaja yang bakal diterima menyertai skim ini. Saya teringat akan ulasan Jins Syamsuddin salah seorang Pengarah Filem tempatan yang terkemuka buat masa ini bahawa sekarang ini terdapat ramai sekali orang-orang yang ingin berseronok dengan pembikinan filem.

Lantas beliau membuat andaian terjejasnya industri filem tempatan oleh kerana muncul beberapa pengeluar-pengeluar filem yang hanya ingin mencari keuntungan secara cepat.

Saya amat bersetuju dengan pandangan Jins itu. Kerana pada hemat saya cepat naik dalam satu-satu perkara itu maka akan cepatlah pula jatuhnya dan bila jatuh, jatuhnya itu parah. Dan kita dapati banyak sekali syarikat-syarikat pengeluar filem yang jatuh oleh kerana mereka mempunyai sikap negatif seperti itu.

Mereka sepatutnya menyedari bahawa usaha pengeluaran filem adalah suatu bidang usaha yang perlu serius dan menuntut kegigihan orang yang menerajui sesebuah syarikat itu. Di samping itu mereka juga mestilah mempunyai motif jujur di samping kebolehan yang tulen, potensial dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang yang diceburinya itu.

Kemunculan banyak syarikat-syarikat pengeluar filem yang terlalu ghairah hendak keuntungan banyak dalam jangka waktu yang cepat boleh menyebabkan industri perfileman tempatan sebagai 'sebuah dunia main-main' yang tak mungkin akan jadi sungguhan.

Pada dasarnya industri filem di negara ini memangnya terbiar semenjak lama dahulu.

Selama ini kewujudannya terserah kepada inisiatif orang-orang yang ingin hendak berusaha dan berikhtiar menghidupkannya kerana kebetulan orang-orang ini memangnya sudah mendarah daging dengan seni perfileman.

Mereka ini adalah golongan pengeluar-pengeluar filem bumiputera yang sudah tentu tidak mahu melihat perusahaan filem Melayu merosot dan lama kelamaan akan lenyap begitu sahaja.

Jadi apabila kaum bumiputera cuba memasuki bidang ini dan bersaing dengan dua gergasi dalam dunia perfileman di negara ini,

maka pihak yang terkemudian itu akan menghadapi berbagai kelemahan seperti yang dapat kita saksikan pada saat ini.

Memandangkan aspek ini saya merasakan pengusaha-pengusaha bumiputera patutlah menyertai Skim Faedah Pengeluar yang terlibat akan dapat meringankan sedikit beban kos pengeluaran sesebuah filem yang hendak diusahakan.

Langkah FINAS itu hanya baru merupakan titik mula perjuangan FINAS hendak membantu perusahaan filem tempatan khasnya yang dikendalikan oleh bumiputera. Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam sendiri menaruh perhatian yang serius dan bersimpati dengan masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha filem tempatan.

Sewaktu berucap merasmikan Pesta Filem ASEAN ke-13 di Angkasapuri untuk tahun 1983 beliau berkata di Malaysia berbagai galakan dan langkah diadakan untuk membantu pertumbuhan industri filem, tetapi ketidak seimbangan dari segi filem yang diimport dengan filem keluaran tempatan masih wujud.

Ini, tambah Datuk Musa lagi menyebabkan beberapa kalangan menggesa kerajaan mengadakan sekatan-sekatan tertentu terhadap kemasukan filem-filem asing.

Memang benar sekali seperti kata Datuk Musa itu kerana selama ini salah satu faktor kelemahan filem-filem tempatan ialah saingan yang begitu hebat dari filem-filem asing.

Ini ditambah pula dari segi teknik, filem-filem tempatan mempunyai satu kekurangan yang besar menyebabkan kita jauh tertinggal ke belakang, contoh yang paling mudah dapat kita kesankan saja dari segi 'special effects'.

Rasanya industri filem negara ini akanterus kekal di tahap takuk yang lama sekiranya pihak berkuasa tidak berbuat sesuatu yang positif dari segi penyekatan banyaknya mencurah masuk filem-filem dari negara-negara luar.

Tidak ada gunanya kita bercakap peranan besar yang boleh dimainkan oleh sektor wayang gambar seperti mendorong rakyat supaya rajin bekerja atau berusaha mencapai cita-cita bangsa dan negara selagi industri perfileman kita tetap juga menginsut seperti

perjalanan kura-kura.

Cuba kita lihat kepada contoh beberapa langkah yang pernah dilakukan oleh negara-negara jiran terdekat kita dalam masalah persaingan dengan kehebatan filem-filem dari luar ini. Di negara Denmark, misalnya, tabung kemajuan filemnya disalurkan dari cukai jualan tiket dan lesen pawagam.

Di Britain, ada rancangan yang dipanggil sebagai Eady Levy tabung atau dana dikutip dari sekian peratus hasil tayangan filem.

Barangkali contoh yang agak baik ditunjukkan oleh negara Thailand, salah sebuah negara anggota ASEAN. Thailand meskipun tidak mempunyai bantuan secara langsung dari kerajaannya, akan tetapi pihak pemerintah Thailand telah bertindak menaikkan cukai kemasukan filem-filem luar negeri.

Di rantau dunia sebelah sini adalah dipercayai Thailand dikatakan satu-satunya negara yang paling tinggi memungut cukai keatas filem-filem yang dibawa masuk dari negara-negara asing.

Begitu juga dengan negara India, ia tetap menyekat kemasukan filem-filem asing dengan cara pencukaian, dan pada waktu yang sama menggalakkan atau mengadakan kempen supaya rakyat menonton filem-filem tempatan.

Dan selain itu India sendiri mempunyai dua perbadanan yang sangat efektif mengawal dan menggalakkan pengeluaran filem-filem tempatan. Badan tersebut dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Filem India dan Perbadanan Kewangan Filem (FFC) dan diwujudkan sejak tahun 1960 lagi.

Dan kembali semula ke negara ini, kita mempunyai FINAS, akan tetapi setakat ini ianya belum lagi bergerak dengan sepenuhnya. Malah kalau ada antara pembaca yang bertanya jumlah staffnya, barangkali jawapannya malu untuk disebut.

Rasanya sebagai satu cara yang boleh dilakukan sebagai melebarkan sedikit ruang lingkup bidang tugas dan peranan FINAS, ada baiknya FINAS memberi bantuan atau peruntukan kepada karyawan-karyawan filem yang difikirkan wajar, dengan syarat mereka itu belum terikat dengan sebarang tugas.

Dengan begitu bolehlah diberikan mereka itu tugas untuk menggarap filem yang berdasarkan ide ataupun boleh saja skrip yang ada pada FINAS atau mungkin saja sumbangan dari mana-mana pihak.

Saya cukup bersetuju dengan pandangan Encik Jamil Sulong yang berpendapat mungkin dengan cara begini sedikit demi sedikit kita dapat menghasilkan koleksi filem yang berwibawa dan mempunyai nilai serta maruah yang selama ini setiap kita harap-harapkan itu.

Satu cara yang agak positif saya kira bagi meningkatkan lagi sambutan orang ramai terhadap filem-filem tempatan ialah pengarah-pengarah filem Melayu mestilah mengeluarkan filem-filem (atau cerita-cerita) yang tidak hanya boleh menarik minat penonton-penonton Melayu sahaja, ikhtiar patutlah dibuat supaya filem-filam yang bakal diterbitkan itu akan juga menarik minat penonton-penonton bukan Melayu yang kita ketahui menjadi penggemar wayang gambar di negara ini.

Pada waktu yang sama barangkali FINAS akan dapat berikhtiar untuk mengatasi masalah kekurangan Pawagam untuk menayangkan filem-filem bikinan tempatan.

Rasanya sudah kerap benar orang berbincang dan berdiskusi tentang kemerosotan dan kelemahan filem-filem terbitan tempatan ini. Hingga dalam masa simposium Komunikasi yang dianjurkan oleh Kementerian Penerangan dibincangkan dengan hangat sekali.

Tetapi setiap kali diadakan forum, seminar atau bengkel, ia berakhir dalam keadaan yang sama kerana tempat-tempat forum, seminar dan bengkel itu menjadi medan verbal masturbation sahaja. Apakah kita mahu keadaan seperti ini berterusan? Terserahlah kepada orang-orang yang terlibat dalam dunia perfileman.

****

33

DASAR PERTANIAN NEGARA: IMBANGAN ANTARA KEMAJUAN DAN INDUSTRI

DI DALAM mana-mana negara yang sedang pesat membangun terutama dari segi sosial dan ekonomi, imbangan di antara perkembangan pertanian dan industrialisasi hendaklah diusahakan. Meski pun negara Malaysia kita ini merupakan sebuah negara agro-based, tetapi pada waktu yang sama kita sedang menghadapi kemajuan sosio-ekonomi yang cukup menggalakkan. Dalam situasi seperti inilah maka kita mesti berusaha menyuburkan kedua-dua bidang pertanian dan perindustrian secara berimbangan antara satu dengan lain.

Dan nampaknya kerajaan amat menyedari hakikat ini, maka itulah kerajaan telah melancarkan apa yang dikenali sebagai Dasar Pertanian Negara atau ringkasnya DPN. Dasar ini sangat penting oleh kerana negara ini adalah sebuah negara pertanian, dan dengan dasar ini adalah diharapkan akan dapat mencari ikhtiar bagi meningkatkan pendapatan petani-petani dengan memperbanyakkan pengeluaran atau productivity.

Ini juga akan dapat membantu pekerja-pekerja yang productive dalam bidang pertanian. Dan proses meningkatkan pendapatan itu

akan dapat dicapai melalui cara memperbanyakkan pengeluaran hasilan tradisional untuk dieksport, memaju dan mempromote barangan eksport yang berpotensial dan melalui memaju serta memperbanyakkan pengeluaran barangan makanan dan industrial crops.

Dengan dasar atau polisi itu juga kita mengharapkan keadaan kehidupan lebih ramai rakyat luar bandar yang rata-ratanya bekerja sebagai petani atau peladang itu akan melibatkan diri dalam pertanian secara lebih luas dan intensif, malah kalau perlu biarlah lebih ramai lagi akan menjadikan pertanian sebagai punca utama untuk mereka mencari rezeki saban hari.

Dasar Pertanian Negara yang dibentangkan itu hanya sebagai panduan kepada para perancang, pelaksana dan pentadbir di dalam sektor awam dan swasta. Oleh demikian dirasakan lebih penting juga rakyat diberikan kefahaman yang secukupnya tentang matlamat atau objektif akan kehendak sebenar dasar itu, khususnya mereka yang kini sedang berkecimpung dalam bidang pertanian samada sebagai buruh, pekerja sendiri atau sebagai petani yang bertanah.

Penjelasan-penjelasan hendaklah diberikan kepada kaum tani mengenai peluang-peluang yang membolehkan mereka melibatkan diri secara sungguh-sungguh dalam pekerjaan bertani. Dengan begitu pendapatan mereka akan meningkat, dan ini sudah tentu akan dapat melepaskan mereka dari belenggu kemiskinan yang ditanggungnya selama ini, walaupun mengikut statistik negara ini tidak ada kelaparan dan kebuluran sepertimana yang dihadapi oleh negara-negara didunia ketiga yang lain.

Ancaman kemiskinan petani-petani sepertimana berlaku kepada negara-negara lain di dunia ini rasanya tidak akan terjadi kepada negara kita Malaysia. Ini mengingatkan Malaysia masih mampu menyediakan pelbagai kemudahan kepada rakyat, Malaysia masih mempunyai banyak tanah-tanah samada yang masih belum diteroka atau yang telah digunakan masih luas; tanah-tanah terbiar juga masih banyak yang tidak dikerjakan.

Jadi, yang pokok kini ialah kesediaan para petani atau peladang di negara ini untuk menyambut peluang-peluang yang diadakan oleh kerajaan itu. Kemudian apakah kesediaan itu pula disusul oleh ke-

sanggupan dan kemampuan untuk benar-benar tampil sebagai petani-petani moden yang serius demi bagi mendapat hasil yang lumayan.

Dengan pelancaran DPN itu, selain dari mempunyai tujuan-tujuan tertentu, secara langsung ia juga sekaligus merupakan suatu penghormatan atau suatu pengiktirafan resmi pihak kerajaan akan pentingnya sektor pertanian di dalam ekonomi Malaysia dan di samping itu telah menunjukkan dengan jelas akan beberapa masalah besar khususnya menyentuh persoalan kemiskinan, tahap pengeluaran yang rendah oleh pekebun-pekebun kecil, migrasi di luar bandar, kekurangan petani mahir, persaingan tanaman dan konfliks permintaan tanah dan pekerja.

Rakyat banyak telah difahamkan bahawa struktur fiscal yang wujud sekarang sedang disemak bagi memberikan impetus kepada pertumbuhan pertanian untuk membolehkannya memainkan peranan yang lebih aktif dalam perkembangan ekonomi kebangsaan. Ini penting diberi perhatian oleh kerana di beberapa buah negara pertanian di dunia ini telah berjaya disebabkan berlakunya perubahan-perubahan yang sistematik termasuk perubahan seperti mengadakan dorongan atau insentif.

Kehidupan di kawasan luar bandar yang penghuninya terdiri dari kaum tani dan peladang sewajarlah dijadikan lebih menarik lagi bagi menarik minat anak-anak muda supaya ingin bekerja di bendang-bendang atau ladang-ladang dan juga di estet-estet. Demikianlah juga pak-pak tani mestilah diberi panduan dan rangsangan sepenuhnya agar mereka itu bersedia untuk menerima alat-alat pertanian yang dihasilkan oleh teknologi moden.

Seperti yang telah digariskan di dalam DPN tempohari, tujuan sebenar dasar tersebut ialah bagi memaksimakan atau mempastikan hingga ke peringkat paling tinggi pendapatan kebun (farm income) melalui peningkatan daya pengeluaran dan proses memaksimakan pendapatan itu akan dicapai dengan meningkatkan pengeluaran tanaman eksport yang sedia ada di samping menggalakkan dan memajukan tanaman-tanaman yang mempunyai potensi untuk di-eksport.

Pengeluaran semua komoditi atau pertanian ini akan berdasarkan

kepada aspek teknikal termasuk iklim yang sesuai bagi pertanian serta pulangan ekonomi yang memuaskan.

Dari tujuan seumpama ini maka jelaslah kini bahawa penglibatan petani tidak lagi sekadar untuk bertani secukup hidup atau untuk keperluan sendiri sahaja. Apa yang hendak dituju sekarang ialah pertanian mengikut **economical scale**. Dengan begitu, segala hasil pengeluaran akan menjadi bahan untuk dieksport bagi meningkatkan lagi pendapatan negara.

Bagi kejayaan hasrat yang murni ini rasanya pihak kerajaan patutlah segera mengambil langkah menubuhkan satu jentera atau badan penyelaras antara sektor awam dan swasta secara persepadu kerana dengan berbuat demikian ia membolehkan segala hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh para petani itu akan terjamin pasarannya dan tidak akan mengalami keadaan hasilnya terbuang begitu saja.

Dengan wujudnya badan penyelaras itu ia akan dapat memberi kan pulangan ekonomi yang sewajarnya kepada petani, dan jika ini berjalan lancar saya kira petani-petani kita akan bekerja lebih sungguh-sungguh dan lebih dedikated lagi.

Jika ini berjalan baik maka bidang pertanian yang selama ini telah menghasilkan 24 peratus dari hasil negara akan lebih meningkat lagi hasilnya. Dasar dan pengubahsuaian struktur yang diumumkan itu juga tentunya akan menguntungkan negara dan petani-petani yang dikatakan 40 peratus dari penduduk negara ini terlibat di bidang pertanian. Dengan begitu negara ini sedikit demi sedikit telah mencuba mengimbangkan antara kemajuan sektor industri dengan sektor pertanian.

Pada hemat saya apa yang perlu diberikan perhatian dan tumpuan yang lebih ialah kepada cara-cara menyelesaikan masalah mengubahsuaikan susunan atau struktur pertanian, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar yang didapati tanahnya begitu subur itu.

Tidaklah dapat dinafikan lagi meskipun begitu ramai rakyat negara ini yang melibatkan diri dengan kerja bertani, tetapi rata-ratanya golongan inilah yang dikatakan miskin. Menurut hasil penyelidikan RISDA kira-kira 48 peratus dari hampir setengah juta pe-

kebun kecil di Semenanjung hidup dalam keadaan serba kekurangan iaitu dengan pendapatan setiap bulan purata kurang dari $45.

Dari jumlah itu kira-kira 74 peratus terdiri dari kaum Bumiputera dan kebanyakan mereka memiliki kebun seluas 1.79 hektar. Dari statistik ini mereka memerlu keluasan tanah yang lebih dari itu, iaitu kira-kira 3 hektar untuk memboleh hasil tanaman mereka mampu menyara kehidupan keluarga setiap hari.

Dari keadaan seperti ini, rasanya masalah segera yang amat mendesak perlu dilakukan ialah mengatasi keadaan ladang-ladang mereka yang dikatakan tidak akan mampu memberikan hasil yang boleh meningkatkan taraf hidup mereka. Begitulah juga yang dihadapi oleh petani-petani yang bekerja sebagai penanam padi. Bukanlah kini masalah penggunaan jentera tani moden yang mereka hadapi, tetapi masalah keluasan kawasan sawah yang hendak diusahakan.

Dari segi ini rasanya penggalakan penggunaan jentera moden tidak sangat memberikan faedah yang besar kepada petani-petani yang tidak mempunyai tanah. Ia hanya akan memberi faedah yang berlipat ganda kepada petani-petani yang memiliki kawasan tanah yang luas.

Adalah lebih menasabah kiranya rakyat yang hendak mengusahakan tanah bagi tujuan pertanian tidak terus menghadapi halangan-halangan (constraints) yang tidak sepatutnya. Barangkali adalah logik sekiranya tanah-tanah kerajaan (state land) yang terletak di-pinggir-pinggir kampung harus dibiarkan atau digalakkan rakyat mengusahakannya.

Begitu juga tanah-tanah yang terbiar yang kini sedang dikaji oleh para penyelidik dan Kementerian Pertanian hendaklah dicari ikhtiar supaya tanah-tanah tersebut dapat dieksploitkan sepenuhnya.

Kita percaya kejayaan dan pencapaian matlamat Dasar Pertanian Negara (DPN) ini akan lebih banyak bergantung kepada sambutan rakyat khasnya mereka yang terlibat dengan kerja bertani. Tetapi pihak kerajaan pula tidaklah cukup dengan mengumumkan garis-garis panduan serta strategi-strategi pertanian saja; langkah-langkah susulan (follow up) patutlah dilakukan dari masa ke semasa terutama nya dalam memberikan kefahaman dan kesedaran dan perubahan

sikap petani-petani, khususnya petani-petani dari keturunan Bumiputera.

Kejayaan juga akan lebih bergantung kepada bentuk dan cara perlaksanaan. Maka itu cara-cara atau langkah-langkah perlaksanaannya kelak patutnya difikirkan dan dirumuskan dari masa ke semasa mengikut perkembangan yang sedang berlaku dan lebih pada itu mengikut psikologi petani-petani itu sendiri.

Sebaik-baiknya dalam hubungan ini kerajaan melalui Kementerian Pertaniannya eloklah dari masa ke semasa cuba menimba atau meminta buah fikiran dan saranan-saranan yang konstruktif dari pihak-pihak yang berkepentingan dengan bidang pertanian seperti pakar-pakar pertanian, para ilmuan, anggota-anggota terkemuka dari sektor swasta dan juga tidak ketinggalan dari pada sosiologi dan antropologis, samada dari dalam atau luar negeri.

Datuk Musa dan Datuk Manan di majlis pelancaran apa yang dipanggil DPN.

34

'KUKENAL' MEMPELBAGAIKAN AKTIVITI NELAYAN

ISTILAHNYA sangat baru, bunyinya masih asing dan aneh - Kukenal. Saya percaya belum ramai orang yang mengetahui apa itu sebenarnya Kukenal. Kukenal ialah kumpulan kecil nelayan. Biasanya dianggotai oleh di antara 10 hingga 20 keluarga nelayan di sesebuah kawasan. Ianya ditubuhkan atas anasiatif Kementerian Pertanian dengan kerjasama Persatuan-persatuan Nelayan.

Kukenal ini mempunyai ketua-ketua masing-masing dan setakat ini Kementerian Pertanian telahpun berjaya mengadakan beberapa kursus kepada ketua-ketuanya. Kursus terakhir yang diadakan secara besar-besaran ialah di Kluang, Johor pada 11hb. Disember 1983 dengan dirasmikan oleh Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman.

Kukenal ditubuhkan di berbagai-bagai kawasan komuniti nelayan di negara ini sebagai langkah meningkatkan taraf ekonomi dan sosial kaum nelayan. Langkah ini adalah projek tambahan kepada aktiviti-aktiviti lain seperti penubuhan Kawasan Pembangunan Nelayan atau KPN, LKIM di samping kemudahan-kemudahan lain yang diberikan

oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan, Jabatan Parit dan Taliair, MARDI dan sebagainya.

Seperti diketahui umum kehidupan kaum nelayan di negara ini masih miskin walaupun berbagai-bagai langkah telah diusahakan oleh pihak berwajib. Tidaklah dapat dinafikan telah ramai anak-anak nelayan yang berpaluang menjejakkan kaki ke pusat-pusat pengajian tinggi seperti ada yang berjaya sebagai ahli-ahli profesyenal seperti doktor, peguam, jurutera dan lain-lain, tetapi majoriti kehidupan masyarakat nelayan sendiri masih dalam lingkungan miskin.

Matlamat Kementerian Pertahanan dalam masalah hendak membaiki taraf hidup kaum nelayan pada asasnya ialah mahu mengurangkan kemiskinan di kalangan masyarakat nelayan menghindarkan nelayan dari terjerat ke dalam karenah orang tengah. Setakat ini pihak Kementerian mengambil langkah menggalakkan pertumbuhan industri perikanan di kawasan perkampungan nelayan.

Untuk mencapai matlamat ini seperti dijelaskan oleh Menteri Pertanian, Datuk Abdul Manan Othman, beberapa program pembangunan telah diatur melalui konsep kawasan pembangunan Nelayan (KPN). Program ini menitikberatkan masalah menyatu padukan semangat, daya fikir dan tenaga kerja nelayan-nelayan di sesebuah kawasan perkampungan nelayan. Cara bekerja yang berselerak, sendiri-sendiri tidak sesuai lagi oleh kerana kaum nelayan lebih memerlukan kepada penyatuan semangat bekerjasama, membangunkan kehidupan berkeluarga dengan mengikis sifat prejudis, dan sakit hati sesama sendiri.

Atas matlamat inilah maka konsep Kukenal itu bukan sahaja untuk faedah ekonomi tetapi juga bagi kepentingan sosial, seperti dapat menanamkan sifat persaudaraan dan kekeluargaan bagi menjalinkan keharmonian bermasyarakat. Dengan begitu tentunya dapat meningkatkan daya fikir dan daya kerja kaum nelayan.

Ini semua dapat dijayakan dengan penyatuan dan integrasi kawasan, dapat merancang beberapa program melalui Persatuan Nelayan. Maka yang patut segera dilakukan oleh nelayan ialah memperluaskan kawasan penangkapan ikan dengan menggunakan alat-alat yang lebih moden. Selain itu mengambil inisiatif dengan pimpinan ketua-

ketua Kukenal menubuhkan kedai-kedai koperasi, merencanakan industri perikanan dan lain-lain barangan yang bersumberkan hasil-hasil tumbuhan dan tangkapan dari laut.

Melalui integrasi dan penyatuan setiap ahli di kawasan-kawasan Kukenal juga para nelayan dapat merencanakan beberapa projek pengkhususan, dan antara kawasan tadi pula akan dapat saling berniaga dan berurusan dengan memberi jenis perkhidmatan yang berlainan antara satu dengan yang lain.

Dalam usaha atau aktiviti seumpama ini peranan Kukenal sangat penting. Melalui ketua-ketuanya Kukenal dapat memberikan kefahaman kepada setiap anggota kawasan, dapat selalu memberi maklumat dan penerangan serta mengubah sikap para petani. Demikian juga Kukenal dapat meyakinkan petani betapa pentingnya berpersatuan dan sama-sama menggerakkan persatuan;

Selain itu rasanya melalui Kukenal juga para nelayan dapat diberikan berbagai-bagai pertolongan yang benar-benar dikehendaki mereka. Di samping dapat menyedarkan nelayan cara-cara yang wajar bagi meningkatkan pendapatan setiap keluarga, dapat pula ditentukan apakah yang patut atau aktiviti-aktiviti yang sesuai dikerjakan sewaktu para nelayan menghadapi musim tengkujuh.

Kukenal juga rasanya dapat mempelbagaikan kegiatan para nelayan dalam proses penyatuan pembangunan masyarakat nelayan. Projek-projek seperti mengusahakan kerja-kerja tangan (kraftangan) dari karangan-karangan laut satu-satunya kerja yang patut dibuat; dengan begitu apa yang disebut sebagai kerja pengkhususan tadi dapat dibahagi-bahagikan di antara beberapa buah kawasan pembangunan nelayan supaya pasarannya dapat diatur dan terjamin.

Barangkali lebih wajar lagi Kukenal yang mempunyai kumpulan kecil berjumlah 20 keluarga pada setiap kawasan itu cuba mengesan berbagai-bagai masalah nelayan dengan lebih dekat lantas cuba pula mengatasinya secara bersepadu maksudnya bersepadu dengan semangat dan perencanaan, bersepadu dalam gerak-kerja dan bersepadu dalam gerak pemasaran.

Tegasnya tidaklah ada gunanya kalau ditumpukan satu-satu perusahaan yang sama di kalangan para nelayan pada satu-satu musim

tertentu, jika barang-barang yang dihasilkan itu tidak mempunyai pasaran.

Di sinilah dikatakan tersangat pentingnya perencanaan pengkhususan, perencanaan kerja dan perencanaan pasaran; dengan begitu kelak ianya dapat menghasilkan hasil pulangan yang setimpal dan berpatutan dengan penat lelah dan jerih-payah mereka. Segalanya ini akan menjadi kenyataan sekiranya ada kerjasama daripada ketua-ketua Kukenal kawasan masing-masing serta ditambah pula oleh adanya kesedaran dari kalangan para nelayan sendiri.

Ketua-ketua Kukenal di kawasan-kawasan perkampungan nelayan yang berlainan tempat itu mempunyai tugas dan tanggungjawab yang maha penting. Ini diakui sendiri oleh Menteri Pertanian sewaktu berucap kepada ketua-ketua Kukenal bagi wilayah Selatan di Kluang baru-baru ini.

Ketua-ketua masyarakat nelayan yang terlibat dalam program Kukenal menurut Datuk Manan selaku ketua merupakan jentera dan tenaga penggerak bagi menghidupkan operasi pembangunan nelayan di segenap perkampungan nelayan di negara ini.

Agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan, Jabatan Haiwan, Jabatan Parit dan Taliair, Mardi dan lain-lain, tegas Datuk Manan lagi, sekadar menyedia kemudahan termasuk khidmat nasinat dan sebagainya; tetapi yang lebih penting ialah peranan ketua-ketua Kukenal yang boleh menggerak dan menyedarkan masyarakat nelayan supaya bangun menyambut segala kemudahan-kemudahan yang disediakan melalui Persatuan-persatuan nelayan.

Apa yang ditekankan oleh Menteri Pertanian ini memang benar, kerana tanpa kerjasama dan tenaga penggerak daripada ketua-ketua Kukenal yang merupakan orang-orang yang berpengaruh di dalam masyarakat nelayan, segala kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan selama ini akan tinggal menjadi sia-sia belaka.

Kehidupan masyarakat nelayan yang saban hari berjuang berdepan dengan alam sehingga kata orang 'mencari rezeki dengan menggadai nyawa', sepatutnya dapat mengajar mereka dalam masalah pendirian hidup, sikap, cara bertindak lebih-lebih dalam keadaan ekonomi rumahtangga yang kritikal; atau masa musim tangkapan mele-

set dan musim gelora (tengkujuh).

Peranan Kukenal bukan sahaja berikhtiar untuk mengatasi masalah ekonomi, tetapi pada waktu yang sama ianya juga berperanan mengatasi masalah sosial. Masalah sosial yang sering melanda masyarakat kota seperti ancaman dadah, gejala-gejala budaya kuning, cara hidup individualistik juga kini mula merebak ke dalam masyarakat kaum petani. Begitu juga masalah setempat seperti perselisihan sesama sendiri haruslah diselesaikan secara keluarga. Saya kira masalah ini dapat diselesaikan dengan lebih berkesan melalui peranan Kukenal. Pendeknya Kukenal patutlah sentiasa menjalinkan tali silaturrahim, menjaga keharmonian dan kesejahteraan sesama ahli masyarakat. Segala-galanya ini akan dapat dipraktikkan dengan lebih berkesan dengan adanya kerjasama setiap kaum nelayan. Dan kerjasama itu akan hanya tercapai dengan adanya persefahaman dan muafakat, dengan adanya rasa hormat menghormati dan tolak ansur di antara satu sama lain.

Jadi tugas paling penting lebih banyak terletak di atas bahu pada ketua Kukenal. Mereka harus dapat mengatur rancangan-rancangan sosial seperti memupuk semangat ukhuwah, menubuhkan badan kebajikan atau tabung khairat kematian; bekerjasama dengan badan-badan belia dan KEMAS bagi mengadakan kelas-kelas bimbingan untuk anak-anak, mengadakan kegiatan budaya dan riadah. Dengan begitu masa lapang anak-anak muda kaum nelayan terisi dengan kegiatan-kegiatan yang memberi manfaat kepada mereka.

Dalam masalah meningkatkan hasil tangkapan pula ketua-ketua Kukenal seharusnya memainkan peranan menyedarkan masyarakat nelayan di kawasan masing-masing supaya menyambut setiap bantuan dari pihak kerajaan yang disalurkan melalui Kementerian Pertanian itu. Kerajaan setakat ini telah membelanjakan peruntukan berjuta-juta ringgit untuk memajukan kaum nelayan. Ini dapat dilihat selain dari subsidi injin bot, pukat dan peralatan menangkap ikan, beberapa agensi kerajaan seperti Jabatan Perikanan, LKIM sentiasa memberikan sokongan dan galakan bagi meningkatkan lagi pendapatan kaum nelayan.

Ketua-ketua Kukenal patutlah juga menyedarkan anak buah mereka supaya memanfaatkan segala kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) - dengan begitu kemudahan-kemudahan itu dapat mengurangkan beban kerja nelayan supaya dapat memberikan pulangan harga yang lebih setimpal.

Kita merasa optimis jika semua program-program yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian itu mendapat sambutan baik dari para nelayan, kadar kemiskinan di kalangan nelayan akan dapat diturunkan menjelang tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 nanti.

****

****

Abdullah Tahir dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada tahun 1945. Seorang sarjana dan penulis Melayu yang terkenal, di mana sehingga kini telah berjaya menghasilkan lapan buah buku termasuk empat buah antoloji cerpen. Akhir-akhir ini Abdullah mula berminat dalam bidang politik, dan sedang membuat penyelidikan dengan meneliti kesusasteraan dari aspek politik tanahair bagi menyempurnakan dissertasi Doktor Falsafah (Ph.D) di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya di mana beliau bertugas sebagai pensyarah di Rancangan Penulisan Kreatif dan Diskriptif.

Bercakap tentang buku terbarunya ini Abdullah membuat pengakuan begini: "Sedaya mungkin saya cuba berlaku adil dan tidak bersikap bias dalam analisis saya, terutama bab-bab mengenai politik. Saya cuba membebaskan diri dari pengaruh-pengaruh mana-mana parti politik, tetapi lebih bersikap Malay Centeric apabila melihat kegiatan hidup orang-orang Melayu. Saya langsung memuji yang baik dan mengkritik atau menegur mana-mana yang saya anggap negatif. Tidak ada niat saya hendak mendewa mana-mana pihak."

PUSTAKA ILMU RAYA
KUALA LUMPUR
1984